

# K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN -PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL:**

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda  
Yang Di-Pertuan Agong:  
- *Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu*

(Halaman 15)



**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)

“ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

“ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)

“ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)

“ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)

“ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)

“ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)

“ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

“ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

“ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)

“ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)

- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim bin Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Tan Ah Eng (Johor)

- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Rabu, 19 April 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

## DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN**

1. **Tuan Benedict Bujang Tembak** minta Menteri Kewangan menyatakan:-
  - (a) mengapakah pemilik tanah pusaka dikenakan membayar cukai apabila pemilik itu melupuskan tanahnya dalam tempoh lima tahun daripada tarikh pengeluaran surat hak milik walaupun tanah tersebut diiktirafkan sebagai tanah *Natives Customary Reserve* (NCR) di bawah *Sarawak Land Code*, dan
  - (b) adakah langkah-langkah tertentu diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut peruntukan Akta Cukai Keuntungan Hartanah (CKHT) 1976, sebarang pelupusan hartanah termasuk NCR di bawah *Sarawak Land Code*, tertakluk kepada CKHT pada kadar yang berkurangan mengikut tempoh pemilikan hartanah tersebut. Tujuan pengenaan cukai ini ialah untuk mencegah spekulasi dalam sektor hartanah. Mengikut peruntukan di bawah seksyen 521 *Sarawak Land Code*, tanah NCR akan tetap menjadi milik kerajaan sehingga hak milik dikeluarkan.

Sementara itu bagi tujuan CKHT pula Akta CKHT 1976 menetapkan bahawa tarikh perolehan sesuatu tanah termasuk tanah NCR oleh seseorang individu adalah bermula dari tarikh hak milik dikeluarkan kepada individu berkenaan. Sebarang pelupusan oleh individu berkenaan dalam tempoh lima tahun dari tarikh perolehan tersebut adalah tertakluk kepada CKHT pada kadar di antara 30% hingga 5%. Bagi individu, pelupusan selepas tahun ke lima pemilikan tidak dikenakan cukai ini. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta CKHT 1976 untuk memberi layanan istimewa kepada pelupusan tanah NCR yang telah dipindah milik kepada individu. Akta CKHT akan dipakai sama rata bagi kes-kes yang serupa.

2. **Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pendidikan menyatakan mengenai usaha kementerian untuk menubuhkan Perpustakaan Desa di seluruh negara dan nyatakan bilangan perpustakaan tersebut di tiap-tiap negeri dan juga menjelaskan mengenai program melengkapkan di tiap perpustakaan dengan kemudahan IT untuk memastikan literasi IT sampai ke peringkat desa.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah memulakan projek Perpustakaan Desa sejak Rancangan Malaysia Keenam iaitu sebanyak 71 buah dibina. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak 178 buah telah diluluskan, dan kesemuanya telah dibina. Sehingga akhir tahun 1999, terdapat 758 Perpustakaan Desa termasuk yang dibiayai oleh kerajaan negeri, swasta dan agensi-agensi seperti KEMAS, RISDA dan FELDA. Mulai tahun 2000 kerajaan akan memperlengkapkan Perpustakaan Desa yang dibina dengan kemudahan IT.

Selain dari menyediakan peralatan, peruntukan juga disediakan untuk pembelian perisian dan pangkalan data maklumat dalam bentuk multimedia. Bagi kawasan yang mempunyai kemudahan komunikasi, kemudahan internet juga akan

disediakan. Untuk menyempurnakan rancangan ini, kakitangan akan diberi latihan untuk mengendalikannya IT dan juga internet. Terima kasih.

3. **Dato Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kakitangan kerajaan serta agensi-agensinya yang terlibat di dalam kegiatan politik yang menentang kerajaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun terdapat dakwaan yang menyatakan terdapat kakitangan awam yang terlibat dalam kegiatan politik menentang kerajaan, tetapi ianya sukar untuk dibuktikan dengan jelas supaya tindakan tatatertib dapat diambil terhadap mereka. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan telah mendapat laporan tentang penglibatan kakitangan kerajaan di dalam kegiatan-kegiatan politik seperti perhimpunan haram dan kegiatan-kegiatan bersama parti pembangkang menentang kerajaan.

Walaupun bagaimanapun, mengikut angka yang diterima, setakat ini bagi perhimpunan haram, didapati seramai 63 orang kakitangan awam telah ditangkap oleh pihak polis pada 24.10.1998 dan 3 orang pada 18.9.1999. Mereka telah dihadapkan ke mahkamah dan akhirnya dibebaskan kerana tidak ada bukti yang cukup. Di samping itu, terdapat seramai 126 orang pegawai awam yang dilaporkan terlibat dalam kegiatan politik yang dilaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Dan mereka ini sedang disiasat oleh Ketua Jabatan masing-masing. Dan, jika terdapat bukti-bukti yang kukuh, tindakan tatatertib akan diambil ke atas mereka. Terima kasih.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Apabila PAS dapat memerintah Kerajaan Negeri Terengganu, nampaknya ramai di antara kakitangan kerajaan telah menjadi mangsa, sama ada tidak disambung perkhidmatan mereka ataupun ditukar, ataupun diambil tindakan. Jadi, apakah pandangan kerajaan pusat kerana walaupun tidak ada bukti, apakah kaedah-kaedah yang boleh kita nyatakan sama ada kerajaan di peringkat pusat iaitu BN ini dilihat lebih adil dan lebih insaniah kalau dibandingkan dengan kerajaan PAS yang baru mengambil alih pemerintahan kerajaan negeri. Terima kasih.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kakitangan kerajaan di negeri Terengganu yang dikatakan telah dianiaya oleh pihak kerajaan negeri Terengganu, saya percaya mungkin kerajaan Terengganu ini, melihat peraturan-peraturan tertentu yang menyebabkan pegawai-pegawai yang terlibat sukar untuk mendapat pembelaan kerana sebagaimana kita sedia maklum ucapan daripada Senator daripada PAS pun, hari itu, dia bercakap, macam UPU itu bukan dibuang kerja, tetapi ditamatkan perkhidmatan kerana kontraknya telah tamat. Jadi, kalau mana-mana pegawai kerajaan yang dikenakan tindakan tatatertib, sebagai contoh, tidak mengikut peraturan-peraturan yang tertentu, ianya boleh pegawai berkenaan mengambil tindakan di mahkamah untuk mendapat pembelaan.

Jadi, mengenai peringkat persekutuan atau Kerajaan Pusat, kita sedia maklum bahawa dalam kakitangan kerajaan ini ada dua kumpulan, yang pertama Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Kumpulan ini dilarang sama sekali untuk melibatkan diri dalam politik sejajar dengan Perintah Am 21(1). Tetapi bagi Kumpulan Sokongan, mereka ini dibenarkan berpolitik dengan syarat mereka mestilah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Jabatan masing-masing. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hari semalam saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Melaka kerana mengambil langkah yang begitu tegas terhadap mereka yang menganggotai panel-panel yang memberi perkhidmatan kepada pihak kerajaan negeri. Jadi, dalam konteks yang sama, saya ingin bertanya kepada kerajaan di peringkat pusat ini adakah mereka menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi meneliti ke arah menentukan mereka yang di dalam panel, doktorkah, lawyerkah dan juga yang mendapat kontrak-kontrak daripada agensi-agensinya kerajaan atau syarikat-syarikat di mana kepentingan kerajaan

nyata wujud untuk menentukan mereka yang menentang kerajaan disisihkan daripada pemberian perkhidmatan kepada pihak kerajaan ataupun ditamatkan kontrak.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini Kerajaan Pusat masih belum menubuhkan satu jawatankuasa panel ataupun sepertimana Yang Berhormat cadangkan tadi kerana bagi Kerajaan Pusat kita ketahui banyak agensi-agensi di bawah kerajaan kita di bawah kementerian. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat ini, kita akan fikir dan ambil tindakan jika difikirkan sesuai. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Adakah sebarang program yang tidak sehaluan dengan kerajaan boleh dianggap sebagai penentang kerajaan?

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Bila disebut program yang tidak sehaluan, saya pun tidak jelas apa Yang Berhormat maksudkan. Tetapi yang kita mengatakan menentang kerajaan ini ialah pegawai-pegawai yang kita amanahkan supaya menjalankan dasar-dasar kerajaan. Tetapi kalau pegawai-pegawai ini sudah mula memihak kepada parti pembangkang sudah tentu pegawai-pegawai ini bila-bila masa, dia boleh sabotaj rancangan-rancangan kerajaan. Sebagai contoh, kalau katalah dia ini seorang pegawai tinggi, katalah dia ini seorang Pegawai Daerah. Pegawai Daerah ini, dia mempunyai kuasa-kuasa tertentu. Tetapi kalau dia sebagai Pegawai Daerah sudah mula tidak menyokong kerajaan, maka sudah tentu dasar-dasar kerajaan dan juga pelaksanaan kerajaan tidak dapat dibuat secara teratur di dalam daerah berkenaan.

Contoh yang paling senang, misal katalah peruntukan Ahli Parlimen, kalau kita sudah luluskan kepada satu-satu kumpulan mengikut peraturan yang telah ditetapkan, tetapi oleh kerana kuasa untuk meluluskan peruntukan Ahli Parlimen ini adalah di tangan Pegawai Daerah, walaupun kita sebagai Ahli Parlimen hanya boleh mencadang. Tetapi kalau yang telah kita cadang pun boleh diubah oleh seorang Pegawai Daerah, sudah tentu segala apa yang kita rancang, segala apa yang kita luluskan oleh wakil rakyat atau Ahli Parlimen kita tidak dapat dilaksanakan. Ini boleh menimbulkan masalah di antara pentadbir kerajaan dengan wakil-wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat kerana kita mewakili rakyat, sudah tentu kita ingin menjalankan tugas kita mengikut janji-janji kita dalam pilihan raya. Tetapi kalau pegawai kerajaan ini bertentangan dengan kerajaan sudah tentu dia akan sabotaj supaya kerajaan tidak dapat melaksanakan janji-janjinya sepertimana termaktub dalam manifesto pilihan raya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' V.K.K. ....

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tambahan boleh, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak buat soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak orang menyoal, ya.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan ini dia sebut pasal Melaka tadi ini. Boleh sekejap, tambahan sikit. Saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan akan mengikut contoh Kerajaan Negeri Melaka yang mana telah menamatkan panel-panel doktor yang mana kita tahu Kerajaan Negeri Melaka bertindak kerana menjaga kepentingan rakyat, yang mana supaya doktor-doktor ini benar-benar berkhidmat memberikan perhatian kepada rakyat yang sakit, yang datang minta rawatan bukan datang diberi racun, rakyat datang minta penawar. Tetapi dia jumpa doktor, doktor ini bagi racun pemikiran mereka. Ini yang Kerajaan Negeri Melaka bertindak. Itu saja soalan saya.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Sebagaimana yang saya jawab tadi, kita mengucapkan tahniah kepada keberanian Ketua Menteri Melaka kerana membuat satu tindakan yang begitu tegas. [*Tepuk*] Kerana sudah tentu bila sebut pihak yang terkena, dia tentu sebut sebab demokrasi tetapi demokrasi ini harus diingat dari dua belah pihak, jangan apabila mereka dipecat atau disenaraihitamkan baru timbul soal demokrasi kerana tidak adil. Tetapi selama ini, mereka, kita beri makan, kita bantu, kerajaan

bantu, tetapi mereka tidak bersyukur dengan apa yang mereka dapat, mereka tidak mahu menimbulkan, mereka tidak mengatakan bahawa mereka harus berterima kasih.

Tetapi bila mereka kena tindakan seperti yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Melaka barulah timbul soal tidak adil. Tetapi sebenarnya selama ini mereka ini tidak adil, mereka menggigit balik tuan yang memberi mereka makan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah nyatakan tadi, mungkin di peringkat Kerajaan Negeri Melaka agak mudah dilaksanakan tetapi di peringkat Persekutuan saya dah nyatakan tadi kita mempunyai banyak kementerian, banyak agensi dan perkara ini kita akan kaji dari masa ke semasa.

4. **Dato' V.K.K. Teagarajan** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) bilangan penerima pinjaman *Credit Guarantee Corporation* (CGC) bagi para peniaga kecil, jantina dan jumlah pinjaman sepanjang tahun 1999; dan
- (b) bilangan pengarah yang dilantik oleh Kerajaan bagi mewakili di Syarikat Besar Swasta (*Public Listed Companies*) mengikut jantina.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]:**

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat.

- (a) Penerima pinjaman CGC bagi para peniaga kecil melalui Skim Pinjaman Tabung Usahawan Kecil pada tahun 1999 adalah seramai 22,801 orang, melibatkan nilai pinjaman sebanyak RM253.6 juta. Pecahan mengikut jantina ialah 3,568 kaum lelaki, dengan nilai pinjaman sebanyak RM38.6 juta dan 19,233 kaum wanita dengan nilai pinjaman sebanyak RM214.9 juta.
- (b) Pada 17 April 2000, bilangan pengarah yang dilantik oleh kerajaan bagi mewakili Menteri Kewangan Diperbadankan dalam syarikat tersenarai atau dengan *Public Listed Companies* adalah seramai 28 orang iaitu 20 lelaki dan 8 wanita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sedarkah kerajaan bahawa terdapat banyak sungutan daripada peniaga-peniaga kecil bahawa syarat-syarat untuk meminjam dari CGC adalah terlalu ketat sehingga sukar bagi mereka untuk mendapat pinjaman daripada skim tersebut dan adakah kerajaan bercadang mengkaji pelaksanaan skim ini oleh bank-bank yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Kerajaan menyedari hakikat bahawa terdapat sungutan daripada pihak pengusaha-pengusaha kecil untuk mendapatkan pinjaman daripada pihak-pihak bank dan menyedari hakikat itulah bahawa sekarang ini para peminjam ataupun pengusaha-pengusaha kecil ini mereka hanya perlu berjumpa dengan pihak CGC untuk mendapatkan jaminan bagi pihak bank mengeluarkan pinjaman. Ertinya jikalau CGC yakin dan pasti bahawa projek itu memang viable, projek yang punya daya saing, daya maju, maka pihak pemohon hanya pergi kepada pihak CGC untuk CGC berikan jaminan untuk pihak bank mengeluarkan pinjaman seperti yang dikehendaki oleh pihak pemohon atau pihak peminjam. Sekarang ini kerana menyedari itulah maka kerajaan mempermudah prosedur pinjaman itu. Terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita mengucapkan tahniah di atas pinjaman yang telah diberikan kepada usahawan kecil yang melibatkan 19,000 yang terdiri daripada wanita sebanyak RM214 juta. Saya banyak dapat kompelin daripada usahawan lelaki khususnya daripada ahli-ahli Dewan Perniagaan Melayu dan Persatuan Kontraktor. Sebagaimana yang dinyatakan oleh

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, prosedur yang berlaku sekarang ini tidak direct kepada CGC. Ianya berlaku kepada bank-bank komersial yang telah diiktirafkan oleh CGC ataupun Bank Negara. Jadi, bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Abdillah tadi, sehingga proses kelulusan yang diluluskan oleh bank komersial sahaja yang akan diberi kelulusan oleh CGC yang mana bertentangan dengan asas-asas penubuhan CGC yang mana CGC sepatutnya pinjaman RM1 juta ke bawah tidak payah menggunakan apa-apa collateral sedangkan bank komersial meletakkan beberapa collateral seperti tunai, tanah dan sebagainya dan ianya tidak bersesuaian dengan falsafah pengwujudan kredit ataupun CGC yang ditubuhkan oleh kerajaan. Apakah pandangan Yang Berhormat dan kerajaan berkenaan masalah yang dihadapi oleh usahawan kecil ini? Terima kasih.

**Tuan Hashim bin Ismail:** Terima kasih, Yang Berhormat di atas pandangan tersebut. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, selain daripada bank-bank komersial, kerajaan juga untuk memudahkan usahawan kita mendapatkan bantuan-bantuan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, CGC sekarang ini mengawasi 25 tabung usahawan yang mengawal selia pemberian pinjaman untuk sasaran yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu pengusaha-pengusaha kecil. Ertinya dalam konteks ini kerajaan memberikan perhatian yang serius terhadap rintihan pengusaha-pengusaha kecil supaya mereka juga tidak diabaikan dalam sebarang bantuan untuk mereka memajukan tahap ekonomi mereka. Jadi, kerana itu, seperti yang saya sebutkan tadi, 25 tabung pinjaman yang disediakan oleh pihak kerajaan dan jikalau Yang Berhormat mahu, senarai ini boleh saya berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat kerana senarainya panjang tetapi inilah saluran yang disediakan oleh pihak kerajaan untuk membantu golongan pengusaha-pengusaha kecil seperti yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

5. **Tuan Zakaria bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan kumpulan ajaran sesat yang dapat dikesan hingga kini dan adakah dakyah yang mengatakan jika seseorang Melayu Islam itu yang memangkah sesuatu parti politik yang dikatakan parti Allah itu akan masuk syurga dan yang tidak memangkahnya akan masuk neraka, boleh ditafsirkan sebagai ajaran sesat; dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi membetulkan akidah orang yang terseleweng ini.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kumpulan ajaran sesat yang dikesan sehingga kini ialah sebanyak 96 kumpulan. Walau bagaimanapun, telah banyak ajaran yang berjaya dihapuskan. Ajaran yang masih aktif ialah sebanyak 15 kumpulan.

Tidak ada dalam nas sama ada di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah atau Ijmak Ulama yang mengatakan bahawa memangkah sesuatu parti politik yang dikatakan 'parti Allah' itu akan masuk syurga dan yang tidak memangkahnya akan masuk neraka. Terima kasih.

**Datuk Haji Karim bin Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan pernah berjumpa orang yang telah mati dan kini hidup semula mengesahkan semasa dia mati dia masuk syurga dan di situ berjumpa orang-orang yang memangkah parti tertentu dan kembali mengesahkan bahawa sebenarnya itulah berlaku di dalam syurga.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita belum jumpa tetapi kalau Yang Berhormat ada, tolong beritahu kepada kitalah, kita boleh buat temu duga [*Ketawa*] dan boleh jadi kita buat secara langsunglah di dalam televisyen.

**Datuk Haji Karim bin Ghani:** Jadi, dakwaan itu adalah bohong sebenarnya, yang orang memangkah parti tertentu itu masuk syurga.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri daripada Jabatan Perdana Menteri, berapa sebenarnya ajaran sesat yang telah diputuskan oleh majlis fatwa negeri-negeri terutama

sekali Majlis Fatwa Wilayah Persekutuan sebab saya pun lama juga jadi ahli majlis fatwa di Wilayah Persekutuan iaitu selama 7 tahun.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tolong kuat sedikit, tidak dengar.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya jadi ahli Majlis Fatwa Wilayah Persekutuan selama 7 tahun tetapi saya sendiri pun tidak ada lagi sebarang senarai tentang ajaran sesat. Jadi, biarlah ajaran sesat ini, kalau ia tidak ada nas, sama ada Al-Quran ataupun Sunnah, di sinilah peluang ulama-ulama, majlis fatwa mentarjihkan, sesuatu fatwa tetapi mestilah fatwa yang jelas, yang terang untuk difatwakan kepada rakyat negara ini bahawa ini dia ajaran sesat.

Kemudian saya hendak sambung sedikit apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tadi. [*Memaling ke arah Datuk Haji Karim bin Ghani*].

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan, soalan tambahan ya.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya minta sedikit penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang ini masa soalan ya.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya hendak sebut sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Itulah pandangan khurafat, sama ada dari UMNOkah, daripada sesiapa pun, itu adalah pendapat khurafat. Dari itu, soalan saya satu sahaja. Saya minta penjelasan berapa jumlah ajaran sesat yang telah difatwakan oleh mana-mana majlis agama dalam negara ini dan telah digazetkan dalam Warta Kerajaan kerana itulah yang sebenarnya yang sah sebagai ajaran sesat yang boleh diketahui oleh rakyat dan boleh dielakkan oleh rakyat. Terima kasih.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Saya tidak jelas yang tentang khurafat tadi itu, Yang Berhormat sentuh fasal apa? Tadi Yang Berhormat kata yang fasal khurafat itu fasal apa?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya tolong menjelaskan bahawa pendapat itu khurafat. [*Menunjuk ke arah Datuk Haji Karim bin Salleh*]

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Oh, fasal itu. Kalau pangkah PAS masuk syurga. Ha, okay. Tidak apalah.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Siapa pun orang Islam yang berpendapat yang disebutkan oleh Datuk Haji Karim tadi adalah khurafat?

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Okay, saya faham, saya faham. Jadi, yang pertama sebagaimana yang saya nyatakan bahawa badan yang menentukan kumpulan sesat ini ialah Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan iaitu bagi peringkat kebangsaan, yang kedua Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri, itu bagi peringkat negeri. Saya sudah nyatakan tadi bahawa ada 96 kumpulan. Senarai ini memang ada pada saya. Kalau Yang Berhormat perlukan saya boleh beri, saya hendak baca pun terlampau banyak Tuan Yang di-Pertua, ada 96.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang sangat ya. Boleh minta kemudian.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh beri kemudian.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Ya, saya akan beri.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, boleh Yang Berhormat bacakan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang sangat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Lima, enam ajaran sahaja saya hendak minta.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Boleh, boleh. Saya boleh baca.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Lima atau enam sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Boleh.

- (i) Ajaran Haji Ghazali. Penganjurnya Ghazali Othman – Selangor pada tahun 1994;
- (ii) Ajaran Haji Kahar. Gurunya Kahar Ahmad – Kemensah, Hulu Klang pada tahun 1991;
- (iii) Ajaran Hakikat Insan Tajali. Gurunya Ahmad Laksamana Omar – Kelantan. Dia beroperasi di Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Perak dan Pulau Pinang pada tahun 1995;
- (iv) Ajaran Martabat 7 Wahdatul Wujud. Gurunya Hanzah Embi.
- (v) Sakratul Maut – Baharin Salleh. Ini dekat Sabak Bernam pun ada ini, Yang Berhormat dan di Kuala Pilah;
- (vi) Ajaran Qadiani – Gulam Ahmad, India – Kampung Nakhoda, Selangor.

Banyak lagi. Jadi, saya ingat cukuplah yang itu. Tetapi yang mengenai pangkah PAS masuk syurga ini Yang Berhormat, Yang Berhormat kena faham. Ini adalah satu kenyataan iaitu kenyataan pancing undi dan dalam pilihan raya, biasa. Parti yang bertanding dan kami di Barisan Nasional, kita berkempen kita pancing undi, kita berjanji – berjanji yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan kalau kita menang – parti yang diperintah oleh manusia, macam-macam janjilah yang kita buat. Kita akan buat pembangunan untuk kesejahteraan rakyat. Sebaliknya PAS pula, dia berjanji kepada rakyat - mungkin Yang Berhormat tidak terlibat tetapi ‘apik lempang’ di bawah ini yang berkempen di bawah, oleh kerana mungkin PAS ini menganggap dia lebih Islam daripada orang lain, dia juga kononnya mendakwa pemimpin-pemimpinnya ulama dan dia juga mendakwa kadang-kadang dia kata dia juga ‘parti Allah’, maka PAS membuat janji-janji pancing undi bagi pihak Allah. Bagi pihak Allah dia buat janji ini. Siapa pangkah PAS masuk syurga, siapa tidak sokong PAS masuk neraka.

Dalam khutbah, ustaz boleh check, ustaz pun orang Sabak Bernam, ustaz yang memberi khutbah, saya sendiri dengar di Masjid Parit Sembilan, Sungai Leman seminggu sebelum pilihan raya. Wajarkah seorang khatib yang bekas – pernah menjadi calon PAS memberi khutbah tanpa membaca teks dengan mengatakan siapa yang menyokong perjuangan PAS ini, siapa tidak sokong mati pun tidak perlu sembahyang. Pergi haji, haji pun tidak terima, dia kata tidak lama lagi hendak puasa, puasa tuan-tuan pun tidak akan diterima. Inikah yang dikatakan seorang bekas calon PAS tetapi kalau tanya pemimpin PAS, dia menafikan kerana PAS ini memang kuat temberang. Depan cakap lain, belakang cakap lain. Dia tidak cakap tetapi bila gurunya membuat fatwa, mencarut, berkawan dengan syaitan, oh, betul. Sebab yang cakap itu kononnya ulama.

Jadi, PAS kena terima hakikat ini. Yang Berhormat pun tahu saya sama-sama dari negeri Selangor. Nasib baiklah orang Terengganu ini kesihan, orang Selangor suruh dijadikan senator. Jadi, terima kasih.

**Dato’ Haji Ahmad bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah boleh Yang Berhormat menggunakan kebijaksanaan Yang Berhormat, kita minta para wartawan untuk bubuh front page penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Ustaz Hassan kita. Hari Isnin dia kata PAS bukan Islam, Islam bukan PAS. Kemudian, dia kata siapa yang kata pangkah sesuatu parti, pandangan yang menyatakan pangkah sesuatu parti akan masuk syurga adalah khurafat. Penjelasan daripada Ustaz Hassan ini elok kita hebahkan kepada rakyat di bawah. Tidakkah begitu, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** [Bangun]

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** *[Bangun]*

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta....

**Tuan Yang di-Pertua:** Fasal soalan tambahan ini.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Soalan tambahanlah. Saya hendak bertanya kepada sama ada Menteri ataupun.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduklah dahulu, duduklah dahulu.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Kalau ikut Peraturan Mesyuarat, saya jawablah. Tunggu bahaslah, Yang Berhormat. Masa bahas nanti boleh bahaslah apa pandangan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduk, duduk, dua-dua duduk.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Ini banyak, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Duduklah dahulu.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Fasal apa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti jawab kemudian, tidak apa, ada peluang.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:**...kenyataan yang diberikan salah. Saya bukan menyatakan bahawa pangkah 'parti Allah' itu masuk syurga seperti diterangkan oleh Yang Berhormat Senator dari Sabah. Di dalam Dewan ini sudah berani hendak memusingkan fakta. Baru sebentar Yang Berhormat itu cakap lain, kemudian hendak pusing fakta yang lain atas yang dibangkitkan. Terima kasih.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu mula-mula saya bangun tadi, saya tanya tadi, apa yang Yang Berhormat maksudkan dengan khurafat tadi, Yang Berhormat ingat atau tidak? Saya tanya itu dahulu mula-mula sebab bila saya tanya Yang Berhormat kata, Yang Berhormat sambung dengan apa Yang Berhormat daripada belakang nyatakan. Yang Berhormat di belakang tadi menyatakan bahawa – kalau salah betulkan saya, menyatakan tadi dia kata ada orang mati hidup balik, pergi syurga, kemudian kata.....apa tadi....., beritahu pangkah PAS masuk syurga, Yang Berhormat kata khurafat?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Khurafat.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Khurafat? Sama ada orang UMNO atau PAS. Ini jelas menunjukkan bahawa segala dakwaan yang mengatakan "siapa pangkah PAS masuk syurga," itu ialah khurafat. Yang Berhormat kena terima hakikat ini dan semalam juga Yang Berhormat mengatakan yang Islam itu, PAS ini bukannya Islam, dia hanya parti politik macam juga UMNO. Yang Berhormat pun tahu PAS ini ditubuh kerana tumbuh di bawah tulang rusuk UMNO. Jadi, sekarang masalahnya PAS memusingkan pemikiran rakyat, seolah-olah PAS ini agama sampaikan ada orang tua-tua kata "Ish, bilalah lagi kita hendak masuk syurga ini, sudah letih dah dok sokong Barisan Nasional, inilah masa kita hendak sokong agama kita." Jadi, dia sokong Islam, dia sokong PAS sama macam dia sokong agama.

Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dato' Ahmad bin Ismail supaya wartawan tolong highlight kan benda ini supaya jangan mengelirukan. Kita tidak mahu bila PAS dalam Dewan dia cakap lain, besok, petang ini dia pergi ceramah di kampung-kampung, lain pula dia cakap. Jadi inilah Tuan Yang di-Pertua, yang menyebabkan rakyat Islam hari ini sudah jadi kelim-kabut – berceramuk tetapi bila kita tanya PAS mesti mengatakan bukan, UMNO yang menyebabkan punca ini. Jadi, UMNO yang menyebabkan punca ini tetapi sebenarnya merekalah yang menyebabkan rakyat kita, orang Islam berpecah-belah. Terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Hai, saya rasa cukuplah, dak?

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Cukup ya. Terima kasih.

6. **Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah beliau sedar bahawa Phonographic Performance Malaysia Sdn. Bhd. (PPM) mengutip yuran pelesenan kepada kedai elektrik dan tuan punya-tuan punya kedai kerana menyiarkan di premis mereka dan apakah garis panduan dalam akta yang berkaitan yang membenarkan PPM berbuat demikian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Wong Kam Hoong]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya memang sedar bahawa Phonographic Performance Malaysia Sdn. Bhd. (PPM) mengutip royalti ke atas mereka yang memainkan muzik kepada awam termasuk kedai elektrik dan lain-lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilik hakcipta termasuk pemilik karya muzik diberi hak eksklusif di bawah Akta Hakcipta 1987 untuk mengawal permainan muzik yang dimiliki oleh mereka kepada pihak awam. Dalam mengamalkan hak eksklusif mereka, pemilik hakcipta mengenakan lesen dan mengutip royalti. Ini adalah merupakan amalan biasa di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, Akta Hakcipta 1987 memperuntukkan beberapa pengecualian seperti penggunaan muzik untuk tujuan pendidikan, penyelidikan, amal (charity), dengan izin, di tempat di mana tiada bayaran masuk dikenakan.

PPM merupakan salah satu daripada dua syarikat yang mewakili pemilik hakcipta untuk melesen dan mengutip royalti bagi pihak industri muzik. PPM mewakili syarikat rakaman muzik, manakala Music Authors' Copyright Protection Bhd. (MACP) mewakili pengubah lagu dan penulis lirik. Kadar kutipan ditetapkan oleh kedua-dua syarikat tersebut.

Kadar yang ditetapkan oleh PPM dan MACP boleh dipertikaikan. Akta Hakcipta 1987 memperuntukkan pengwujudan satu Tribunal Hakcipta bagi menyelesaikan pertikaian yang mungkin timbul di antara pemilik hakcipta dengan pihak pengguna. Tribunal tersebut akan dikuatkuasakan pada hujung Mei ini.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak PPM dan MACP baru-baru ini di mana;-

- (i) PPM telah bersetuju untuk tidak mengutip royalty daripada kedai-kedai kopi tradisional (traditional coffeshops), penjaja dan pengusaha teksis;
- (ii) PPM dan MACP bersetuju untuk mengkaji semula struktur bayaran royalti dengan mewujudkan asas-asas bayaran yang berpatutan dan munasabah;
- (iii) PPM dan MACP bersetuju untuk mengadakan lebih banyak kempen kesedaran kepada pengguna.

Sementara menunggu Tribunal Hakcipta dikuatkuasakan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan membantu mendapatkan penyelesaian sekiranya ada pertikaian di antara badan kutipan royalti iaitu PPM dan MACCP dengan pengguna-pengguna hakcipta. Sekian.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya, keliru sedikitlah, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan kerana nama Phonographic Performance Malaysia Sdn. Berhad ini ada kaitan dengan yang saya tahu gambaran yang lucas sedikitlah. Jadi, saya hendak tanya macam mana pula Syarikat Phonographic Performance Malaysia Sdn. Berhad, hebat sekali ini, boleh didaftar menerusi Pendaftar Syarikat, kalau ianya mempunyai, dengan izin, *connotation*, yang kita tahu kalau filem pornography ini, ianya membayangkan

kepada kita benda yang berkaitan dengan elemen kelucahan. Jadi, saya bertanya pihak kerajaan bagaimana Phonographic Performance Malaysia Sdn. Berhad ini timbul?

**Tuan Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Banyak dapat juga kekeliruan di antara '*phonographic*'. *Phonographic* di dalam bahasa Inggeris p-h-o-n-o-g-r-a-p-h-i-c adalah alat untuk memainkan muzik dan bukan *pornography*. *Pornography* ialah p-o-r-n-o-g-r-a-p-h-y. *Pornography* ialah berkenaan dengan benda-benda lucu, ini kerajaan kita sememangnya tidak akan membiarkan sebuah syarikat *pornography* mengutip royalti. Sekian. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi orang ramai 'p-h' dengan 'p' ini dia tidak boleh hendak bezakan.

**Tuan Wong Kam Hoong:** Tuan Yang di-Pertua, mereka selalu terkeliru .

7. **Datuk Long bin Jidin** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:-

- (a) apakah rasional kerajaan mengeluarkan lesen perburuan kepada haiwan yang dikawal dan berapakah purata hasil yang dipungut oleh kerajaan bagi setiap lesen memburu mengikut jenis haiwan yang dikeluarkan permit memburu; dan
- (b) adakah usaha-usaha dijalankan untuk meningkatkan bilangan haiwan perburuan yang utama seperti rusa, kijang, pelanduk dan kancil.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Suka saya memaklumkan, bahawa salah satu strategi konservasi (conservation), dengan izin, hidupan liar ialah penggunaan secara mapan, spesis-spesis tertentu yang dilindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972. Perburuan ataupun aktiviti memburu adalah salah satu dari kaedah *harvesting*, dengan izin, yang dibenarkan melalui lesen bagi memastikan populasi spesis-spesis tersebut terkawal dan tidak menghadapi bahaya kepupusan. Purata hasil ataupun anggaran yang dipungut oleh kerajaan melalui lesen-lesen perburuan mengikut jenis-jenis haiwan bagi tahun 1998 adalah seperti berikut:-

Untuk kumpulan binatang buruan seperti babi hutan, kijang, keluang, landak, lotong, musang, pelanduk, napoh, rusa lebih kurang RM862,965 bagi tahun 1998 dan untuk binatang liar yang lain yang diperindungi seperti beruk, biawak air, kera, ular sawa, ular senduk, lebih kurang sebanyak RM334,700. Dan untuk lesen-lesen bagi buruan burung-burung dan burung-burung liar yang lain, lebih kurang RM307,250. Detail-detail yang lain panjang, jadi kalau Yang Berhormat perlukan, bolehlah saya bekalkan secara bertulis.

- (b) Suka juga saya memaklumkan bahawa bagi meningkatkan bilangan haiwan perburuan yang utama seperti rusa, kijang, pelanduk dan kancil, kementerian ini melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara telah dan sedang menjalankan program pembiakan dalam kurungan melibatkan beberapa projek di seluruh Semenanjung Malaysia. Penyelidikan ke atas biologi pembiakan spesis-

spesis berkenaan juga dijalankan untuk meningkatkan pengetahuan bagi tujuan pengurusan yang lebih berkesan ke atas spesis-spesis tersebut. Terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Oleh kerana hasil kutipan kepada lesen perburuan ini hanya lebih kurang bagi kedua-dua hidupan liar dan hidupan lain, dalam tahun 1998 sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya lebih kurang RM1 juta lebih sahaja, ianya tidak banyak dan kalau kita melihat kepada kaedah perburuan ini adalah satu perkara yang bertentangan dengan nilai-nilai insaniah dalam masyarakat kita yang mementingkan kasih sayang, walaupun ada usaha-usaha untuk membiakkan hidupan liar ini, tetapi kita tahu bahawa dengan keadaan ekologi yang begitu terhimpit dalam negara kita ini, apakah kerajaan bercadang untuk meminda Akta Hidupan Liar ini supaya tidak ada lagi lesen perburuan dikeluarkan melainkan kepada haiwan-haiwan yang memang menjadi musuh kepada tanaman ataupun musuh kepada kehidupan dalam kampung-kampung ataupun masyarakat kita kerana ianya bersesuaian dengan masyarakat penyayang kerana kasih kepada hutan kita, kasih kepada rimba, sungai dan hidupan liar ini sebahagian daripada tuntutan untuk mengangkat kedudukan masyarakat kita yang tamadun. Terima kasih.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada lesen-lesen yang dikeluarkan dan juga kutipan daripada hasil ini adalah untuk jenis-jenis binatang yang merupakan musuh-musuh tanaman. Umpamanya, di bawah kategori lesen binatang buruan ini, yang pertama yang saya sebutkan tadi, daripada RM862,965 lebih kurang RM648,000 adalah daripada babi hutan, maknanya ini adalah jenis binatang yang merupakan musuh tanaman. Manakala yang lain-lain itu jumlahnya adalah kecil. Jadi, pandangan Ahli Yang Berhormat itu adalah satu pandangan yang baik, bagaimanapun, oleh kerana masih adanya atau terdapatnya aktiviti perburuan secara haram yang tidak berlesen, maka adalah lebih baik sekiranya kita benarkan untuk kategori-kategori tertentu diberikan lesen.

Walau bagaimanapun, kalau sekiranya kesedaran seluruh masyarakat seperti pandangan Ahli Yang Berhormat itu telah timbul, maka ini satu perkara yang sangat baik dan kita bersedia untuk kalau tidak meminda pun peraturan tetapi dengan sendirinya aktiviti perburuan itu diberhentikan, maka ini satu perkara yang amat digalakkan. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mohon izin kepada pihak kerajaan hendak bertanya adakah pihak kerajaan pernah menerima cadangan-cadangan untuk hendak menubuhkan kawasan perburuan oleh pihak swasta, saya pernah dengar dahulu mendiang Tun Tan Siew Sin hendak membuka satu kawasan yang amat luas di Sarawak untuk perburuan supaya kita tumpukan beberapa ribu ekar tanah, letakkan binatang-binatang liar seperti rusa, kijang dan sebagainya, lepas itu dibuka mengikut musim untuk pemburu-pemburu dari seluruh dunia datang ke situ untuk berburu. Dan ini akan menyelamatkan binatang-binatang liar yang disebutkan tadi supaya pemburu-pemburu kalau hendak dilesenkan hanya berburu di tempat kawasan yang dihadkan, Pahang boleh beri satu kawasan misalnya, Sarawak satu kawasan, Sabah satu kawasan dan adakah cadangan ini diterima oleh pihak kerajaan dan kalau diterima apakah keputusannya?

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita belum menerima cadangan seperti ini dan kalau ada cadangan yang mungkin Yang Berhormat boleh panjangkan, kita boleh lihatlah, oleh kerana kawasan-kawasan yang ada di tanah air ini sebenarnya makin kecil seperti di kawasan Pahang sendiri, kawasan hutan Nasional Park kita pun sebenarnya agak terhad dibandingkan dengan keluasan kawasan-kawasan seperti ini di negara-negara yang luas dan besar. Jadi, ini adalah satu cadangan, kalau ada mungkin bolehlah dikemukakan untuk dipertimbangkan dengan syarat kerajaan-kerajaan negeri pun kena memberi persetujuan juga kerana ini memerlukan kawasan di bawah tadbiran kerajaan negeri. Terima kasih.

**Datuk Long bin Jidin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar untuk memperolehi lesen menternak hidupan liar ini ditetapkan mempunyai satu nilai berbayar yang tertentu? Jadi, saya hendak tahu berapakah nilai tersebut dan apakah syarat-syarat lain. Terima kasih.

**Dato' Zainal bin Dahalan:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah bagi kategori haiwan yang dimasukkan ataupun termasuk dalam Jadual 3 ataupun Jadual 4 Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 permit ataupun lesen dikenakan tetapi jumlahnya itu bergantung kepada jenis-jenis tertentu dan saya tidak dapat hendak beri detailnya di sini kerana tidak ada maklumat. Kalau Ahli Yang Berhormat berhajat bolehlah berhubung, saya boleh maklumkan kemudian.

**8. Puan Jamilah binti Ibrahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kes rogol yang berlaku di antara ahli keluarga (sumbang muhrim) yang telah dilaporkan sejak tahun 1995 sehingga tahun 1999 dan nyatakan kategori umur mangsa yang terlibat; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil kerajaan dalam membendung dan menangani permasalahan ini serta sejauh manakah keberkesanannya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes rogol di antara ahli keluarga ataupun sumbang muhrim yang dilaporkan sejak tahun 1995 hingga tahun 1999 dan kategori umur mangsa yang terlibat adalah seperti berikut:-

- (i) bagi tahun 1995 sebanyak 173 kes melibatkan 123 kes di bawah umur 16 tahun dan 50 kes bagi 16 tahun ke atas;
- (ii) bagi tahun 1996 sebanyak 200 kes melibatkan 148 kes di bawah umur 16 tahun dan 52 kes bagi 16 tahun ke atas;
- (iii) bagi tahun 1997 sebanyak 234 kes yang melibatkan 168 kes di bawah umur 16 tahun dan 66 kes bagi 16 tahun ke atas.
- (iv) bagi tahun 1998 sebanyak 271 kes melibatkan 174 kes di bawah umur 16 tahun dan 97 kes bagi 16 tahun ke atas; dan
- (v) bagi tahun 1999 sebanyak 238 kes melibatkan 160 kes di bawah umur 16 tahun dan 78 kes bagi 16 tahun ke atas.

Tuan Yang di-Pertua, pihak polis sentiasa memastikan tindakan-tindakan segera diambil berkaitan dengan masalah sumbang muhrim berkenaan. Siasatan terperinci, tangkapan dan pendakwaan kepada pelaku akan dibuat secepat mungkin, di samping itu mangsa bawah umur akan dirujuk untuk mendapat perlindungan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Walaupun tindakan tegas di sisi undang-undang telah pun diambil ke atas pelaku-pelaku sumbang muhrim, akan tetapi keberkesanannya tidak begitu ketara. Justeru itu, bagi membendung kegiatan ini selain dari usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak kerajaan, institusi dan ahli keluarga sendiri perlulah bertindak dan memainkan peranan utama bagi mengelakkan sumbang muhrim ini berlaku di kalangan mereka. Sekian.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Berlakunya kelakuan yang buruk seperti merogol adalah timbul dari syahwat yang tidak terkawal, mungkin ini adalah salah satu dari sebabnya. Tetapi kelakuan merogol ahli keluarga seperti anak sendiri adalah sama seperti amalan binatang ataupun orang yang tidak siuman. Saya percaya kerajaan tentu ada membuat kajian ke atas perkara tersebut, dan yang menyedihkan adalah dari statistik yang diberi, angka ini semakin sehari semakin meningkat. Jadi, soalan yang ingin saya kemukakan ialah apakah sebab-sebab yang membolehkan perogol ini melakukan rogol sumbang muhrim?

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju 100% dengan Ahli Yang Berhormat. Kes-kes rogol adalah satu dosa, bagi kes rogol di antara ahli keluarga khususnya sumbang muhrim memang satu dosa yang terbesar sekali dan kerajaan memang sentiasa membuat kajian terhadap perkembangan ataupun sebab-sebab yang menyebabkan kelakuan kes-kes rogol di antara ahli keluarga dan didapati sebab-sebab yang paling kita boleh terima ialah, yang pertama adalah mengenai pendidikan sebab kebanyakan kes yang kita kesan adalah datang dari kawasan pedalaman negara kita dan di kawasan-kawasan tertentu ini didapati tahap pendidikan di antara pelaku -pelaku ini adalah begitu rendah sekali.

Yang kedua, adalah oleh kerana di sesetengah kes oleh kerana kemabukan, selepas mereka mabuk maka terjadilah kes seumpama ini. Dan kerajaan sentiasa menganggap bahawa tindakan tegas melalui penguatkuasaan harus dijalankan dan pada masa yang sama, pendidikan ataupun maklumat mengenai perkara seumpama ini harus disebarkan supaya masyarakat kita perlu mempertingkatkan lagi dari segi pengetahuan dan pendidikan mengenai kes-kes seumpama ini. Sekian.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kita ingin mendapatkan sedikit lagi penjelasan dan soalan tambahan saya, boleh atau tidak kita dapat pecahan mengikut bangsa, kaum kerana kita hendak mengkaji dari segi berapa ramai orang Islam yang terlibat dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita boleh buat demikian, tetapi malangnya saya tidak mempunyai angka-angka dalam Dewan yang mulia ini pada pagi ini, tetapi walau bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat minta, sila menunjukan sepucuk surat kepada saya, saya akan berilah angka-angka ini. Sekian.

**9. Datuk Zainudin bin Maidin** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan kenyataan Ketua Pengarah Pendidikan, Dato' Dr. Abdul Shukor Abdullah bahawa Kementerian Pendidikan tidak memandang ringan terhadap dakwaan NUTP tentang adanya amalan rasuah di kalangan pengetua-pengetua sekolah dan penyalahgunaan kuasa dalam pemberian tender kantin sekolah serta penyalahgunaan wang dengan menggunakan kedudukan mereka dalam PTA, adakah Kementerian Pendidikan telah membuat penyiasatan terperinci tentang dakwaan NUTP itu dan apakah hasil dari siasatan itu.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memandang serius dakwaan adanya amalan rasuah di kalangan pengetua-pengetua sekolah dan penyalahgunaan wang dengan menggunakan kedudukan mereka dalam Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan memberi jaminan akan membuat siasatan terperinci untuk mengkaji kesahihan laporan tersebut. Sekiranya benar, Kementerian Pendidikan akan mengambil tindakan melaporkan salah laku kepada Lembaga Tatatertib agar tindakan tatatertib diambil terhadap pegawai yang terlibat bahkan kepada yang berkenaan, yang mengetahui akan perkara-perkara ini boleh juga melaporkan kepada pihak BPR. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bolehkah kementerian dan kerajaan menyatakan dengan melalui lembaga tender untuk mengurangkan masalah yang dihadapi oleh penyalahgunaan kuasa ini, dengan menetapkan usahawan ataupun usahawan tender dikhaskan kepada usahawan tempatan di daerah ataupun di negeri masing-masing kerana apa yang berlaku sekarang seolah-olah menjadi masalah tempatan di mana apabila ada usahawan tender kantin ini daripada Selangor berniaga kantinnya di Kelantan ataupun di Johor, apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas penempatan usahawan tender kantin ini di daerah masing-masing?

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, terima kasih di atas pandangan yang baik itu. Sememangnya kita menggalakkan supaya penender-pender kantin tempatan mengambil peluang akan keadaan yang ada pada masa itu, tetapi kita juga harus mempunyai perasaan liberal

sedikit, kalaulah sekiranya kawasan tempatan itu tidak mempunyai penender yang cukup mahir ataupun bermodal, maka kita lepaskan pula kepada kawasan yang lebih berkebolehan. Jadi, kalau kita terikat dan mengikat diri kita kepada keadaan seperti Yang Berhormat cadangkan, kita seronok tetapi tidak memberi kepuasan kepada anak-anak yang mengharapkan makanan yang baik dan cukup harganya.

Walau bagaimanapun, perkara ini kita akan beri pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. saya terbaca dalam surat khabar, bahawasanya makanan-makanan yang dulunya ditender di peringkat kawasan kepada sekolah-sekolah berasrama penuh dan sebagainya ini, telah pun diswastakan dari segi penenderan. Saya diberitahu dalam surat khabar mengatakan empat kumpulan besar, konsortium yang telah diberi kerja-kerja memberi makanan kepada sekolah-sekolah ini iaitu termasuklah MAS Catering, salah satu daripadanya yang meliputi sekolah-sekolah di Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang, ia ada terbahagi kepada empat. Jadi, kalau ini benar, ini akan melumpuhkan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Rosli tadi, peniaga-peniaga tempatan, ini peniaga-peniaga kecilan ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan peniaga besar-besar.

Dan harganya saya difahamkan lebih mahal, RM10 lebih sekepala. Kalau dibandingkan dengan yang dahulu lebih kurang RM6 atau RM5. Jadi saya minta penjelasan adakah ini benar-benar berlaku dan kalau ianya berlaku, bila berkuatkuasanya dan apa yang terjadi kepada penender-penender tempatan dahulu?

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas berita yang dimaklumkan. Sebenarnya ini berita hasrat kepada penender-penender besar tetapi sebenarnya perkara ini belum lagi dilaksanakan dan kita, saya yakin menteri kita sendiri akan membuat penganalisa yang lebih tajam dan tepat supaya harga tetap dikawal dan murid-murid tetap selamat dan makanan tersedia. Terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, ada rungutan daripada ibu bapa di mana anak-anaknya yang berada di sekolah berasrama penuh bahawa makanan yang diberikan kepada anak-anak di sekolah asrama penuh ini agak kurang bermutu. Ini kemungkinan berpunca daripada penender yang mengambil barangkali rendah kemudian tidak dapat memenuhi keperluan, maka mutu makanan yang diberikan kepada anak-anak di asrama penuh ini agak rendah.

Saya rasa sudah sampai masanya kita melihat ke arah ini supaya anak-anak kita khususnya di asrama penuh yang sangat-sangat mengharapkan makanan yang bermutu supaya dapat diberi kerana kita tahu sekarang ini keupayaan ekonomi kita meningkat dan perkara ini juga patut dilihat tidak berulang lagi.

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya ucapkan terima kasih. Kadangkala anak-anak kita yang berada di asrama penuh yang datang daripada latar belakang yang berbeza tiba-tiba sampai dia ke asrama dia disajikan dengan set menu, mungkin dia tidak sesuai dengan menu pada awalnya. Oleh sebab keadaan yang begitu mungkin pada peringkat awal anak-anak ini akan melaporkan kepada ibu bapa makan yang disediakan tidak sedap. Sebenarnya peraturan yang kita beri di asrama-asrama mengikut tender ialah set diet menu iaitu set-set tertentu bagi anak-anak ini untuk keperluan mereka membangun dan membesar dipastikan. Kadangkala memang terdapat perkara-perkara yang dilaporkan.

Kalau sekiranya ini berlaku janganlah segan dan silu, tulis dan laporkan kepada Kementerian Pendidikan dan insya-Allah, kita akan mengambil tindakan segera mungkin untuk menyelamatkan anak-anak kita supaya mereka tidak hidup dalam 'undernourished'. Terima kasih Yang Berhormat.

10. **Tuan S. Parasuraman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihaknya bagi membantu penglibatan golongan usahawan India di dalam sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Kerk Choo Ting]:** Tuan Yang di-Pertua, program-program bantuan IKS yang disediakan oleh MITI melalui SMIDEC atau Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana adalah bertujuan untuk membantu usahawan-usahawan IKS tempatan secara menyeluruh dan bukan terhadap satu-satu kaum sahaja.

Namun demikian MITI melalui SMIDEC akan terus meningkatkan aktiviti-aktiviti promosi dan perkembangan supaya kesemua syarikat IKS terutama sekali usahawan-usahawan India mengetahui kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan. Di antara bantuan-bantuan yang diberi oleh kerajaan adalah seperti berikut:

- (i) Geran Persamaan atau Matching Grant, dengan izin, 50% di bawah Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian atau ITAR bagi peningkatan produktiviti, pembaikan produk dan pembangunan eksport;
- (ii) Parcel Grant bagi audit kilang;
- (iii) Pinjaman mudah untuk modenisasi atau automasi di bawah MIDF, peningkatan kualiti di bawah Bank Pembangunan Industri Malaysia Berhad dan juga modal kerja dan pembiayaan projek PAKSI; dan
- (iv) Skim bantuan khas untuk usahawan wanita dan sebagainya.

**Tuan Yang di -Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 25 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]*

## USUL

### MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesepuluh” *[18 April 2000]*

**Tuan Yang di -Pertua:** Yang Berhormat Datuk Joseph sudah habiskah? Mahu sambungkan?

**Datuk Joseph Balan Seling:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah selesai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah habis, ya. Semalam sudah habis, tidak ada lagilah.

**11.10 pagi**

**Tuan N. Marimuthu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mencadangkan usul terima kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terlebih dahulu saya mengucapkan penghargaan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf, sekejap Yang Berhormat, berapa ramai lagi hendak bercakap sebab hari ini penghabisan. Ramai lagi.... cuba bilang berapa orang lagi? Tujuh orang lagi, kita habis sehari sahaja? Kalau kita beri sepuluh minit, sempat atau tidak? Sepuluh minit seorang sahajalah, jangan panjang kerana hendak beri peluang kepada ramai yang hendak bercakap.

**Tuan N. Marimuthu:** Terlebih dahulu saya mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Tuhan yang maha kuasa kerana memberi keimanan yang kukuh kepada diri saya untuk meneruskan perbincangan di Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan tahniah dan syabas atas perlantikan Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan seperjuangan saya yang lama dan yang baru dan ahli-ahli daripada parti pembangkang. Semoga diharap mereka akan menyumbangkan idea dan pandangan yang bernas dan rasional untuk kebaikan rakyat dan negara.

Sebelum meneruskan perbincangan saya ingin menyentuh beberapa perkara yang penting yang perlu diketahui oleh anggota-anggota Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan tahniah kepada kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum kesepuluh baru-baru ini, walaupun kemenangan tersebut tidak berapa mendapat sambutan daripada masyarakat keseluruhannya. Kemenangan ini bererti Barisan Nasional mendapat mandat daripada rakyat untuk menerajui kepimpinan negara dan seterusnya meneruskan tradisional membela rakyat. Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan beberapa orang pemimpin Barisan Nasional mengakui kemenangan Barisan Nasional dalam mempertahankan majoriti dua pertiga adalah atas sokongan kuat daripada kaum Cina dan India.

Oleh itu ditegaskan pendedahan saya ini tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun. Kaum India juga menghadapi banyak masalah di negara ini, namun demikian mereka memberi sokongan dan berpegang teguh di belakang kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya umum yang lalu. Misalnya banyak masalah yang dihadapi oleh kaum India belum diselesaikan lagi. Walaupun saya banyak kali membangkitkan isu ini di Dewan yang mulia sebelum ini, contohnya 42% daripada jumlah penduduk India di negara ini masih tinggal di rumah setinggan. Kita akan melangkah abad ke-21 tetapi masalah mereka belum diselesaikan lagi. Begitu juga pendapatan bulanan atau gaji tetap pekerja-pekerja estet masih belum selesai sehingga kini.

Dengan pekerja-pekerja estet adalah penyumbang utama kepada pendapatan negara sejak zaman penjajahan Inggeris lagi. Saya menegaskan di Dewan yang mulia ini negara banyak mengharapkan sumbangan pekerja-pekerja estet sebelum, selepas merdeka untuk memantapkan kedudukan ekonomi negara. Atas usaha dan titik peluh mereka negara kini menuju ke arah negara perindustrian. Pekerja-pekerja estet adalah tunggak kepada pertumbuhan ekonomi secara keseluruhannya. Saya cagak tidak salah, saya pun pernah dengar dalam Quran, sebelum titik peluh pekerja jatuh di atas bumi, mereka perlulah diberi balasan yang sewajarnya.

Kerajaan memberi banyak keistimewaan kepada kakitangan awam, misalnya kerajaan memberi bonus satu bulan gaji, elaun perumahan, pinjaman membeli rumah sebanyak dua kali dan sebagainya. Sebaliknya pekerja-pekerja estet dan petani hidup dalam kesusahan tanpa tidak ada sokongan kerajaan dalam hal ini. Perkara-perkara yang dibangkitkan oleh saya ini memang diharapkan oleh mereka begitu lama tetap masih belum tercapai.

Semasa pilihan raya umum yang lalu cuti am, gaji tidak diberi kepada pekerja-pekerja estet, petani dan swasta, sedangkan dalam keadaan hujan yang lebat dan kesusahan mereka tampil ke hadapan untuk menyokong dan membantu Barisan Nasional mencapai kemenangan dua pertiga. Tetapi ramai kakitangan awam yang telah menerima bonus dan lain-lain keistimewaan daripada kerajaan telah menyokong menjadi tulang belakang kepada kemenangan calon-calon parti pembangkang. Bukan saya sendiri cakap, pemimpin-pemimpin UMNO dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 2000 menandakan berakhirnya Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP-2) 1991-2000 dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) sepanjang satu dekad yang lepas di bawah DPN dan Rancangan Lima Tahun Malaysia Ke-6, Ke-7, ekonomi Malaysia telah berkembang secara positif sehingga pertengahan tahun 1997 di mana krisis ekonomi yang melanda rantau Asia Tenggara telah menggegarkan kedudukan ekonomi negara kita. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad semasa melancarkan RRJP2 menyatakan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua 1991-2000 yang mengandungi dasar pembangunan baru menandakan bermulanya satu era baru di dalam usaha kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju daripada semua segi menjelang tahun 2020.

Matlamat DPN adalah untuk mencapai pembangunan ekonomi bagi mewujudkan sebuah negara yang lebih bersatu padu dan adil. DPN adalah berasaskan kepada pencapaian dan pengalaman dalam dekad-dekad yang lampau dan akan meneruskan bagi proses pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Dasar ini akan dilaksanakan berasaskan kepada prinsip pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama untuk mencapai keadilan, pengagihan bagi semua lapisan masyarakat. Majlis Perunding Ekonomi Negara (MAPEN-I) yang diwujudkan oleh kerajaan pada tahun 1989 sebagai wadah perakuan untuk merangka RRJP-2, dengan izin, telah disandarkan harapan menggunung oleh semua kaum dalam mempertahankan kedudukan masing-masing, kaum India turut meletakkan harapan yang tinggi terhadap perakuan-perakuan MAPEN dalam merealisasikan wawasan pembangunan mereka sebagai salah satu kaum terbesar negara ini dengan latar belakang sosioekonomi yang lemah. Kaum India memang menunggu dengan penuh sebagai mimpi dasar negara, pasca DEB akan diwarnai dengan tuntutan mereka.

Berbagai perkara termasuk isu keciciran pelajar ekonomi, sekolah Tamil, kedudukan sekolah Tamil yang tidak memuaskan dari segi infrastruktur dan kualiti pengajaran, matlamat pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian India, kedudukan melarat dengan kemiskinan, penglibatan dalam sektor pembuatan, kelembapan dalam memilih ekuiti, isu kadar pengangguran yang tinggi dan masalah pengajaran pendidikan telah diutarakan.

Antara masalah pekerja estet yang diutarakan adalah ketiadaan gaji tetap, kekurangan kemudahan asas, keadaan kesihatan pekerja yang mudah terjejas, kesan negatif daripada kemasukan pekerja asing dan kemudahan pendidikan di ladang. Secara keseluruhan, perakuan MAPEN menekankan rancangan masa depan, kerajaan perlu mengambil kira penyertaan kaum India yang lebih bermakna dalam semua bidang khususnya. Satu agensi amanah melalui bantuan kerajaan perlu diwujudkan bagi memastikan penyertaan yang berkesan bagi kaum India dalam meningkatkan usaha memiliki ekuiti.

Di sektor kewangan, kaum India perlulah memiliki saham majoriti dalam sekurang-kurangnya satu bank, satu syarikat kewangan dan satu syarikat insurans. Dengan jelas menekankan langkah-langkah yang telah digunakan oleh kerajaan untuk meningkatkan kedudukan kaum bumiputera dalam sektor korporat selama 20 tahun lampau perlu dijadikan panduan bagi langkah kerajaan untuk membantu kaum India. Sistem gaji bulanan, langkah-langkah memperbaiki keselamatan pekerja melalui mengguna kuasa undang-undang kemudahan asas yang lebih cemerlang, memberikan kredit tanpa riba.

Pengambilalihan kemudahan kesihatan oleh kerajaan dan skim perumahan telah diutarakan melalui MAPEN sebagai langkah memastikan taraf hidup minima bagi pekerja-pekerja ladang. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pula telah menegaskan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) akan dilaksanakan berasaskan prinsip pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama. Kedudukan kaum India secara menyeluruh telah dirancang dengan tepat melalui kenyataan bahawa dalam melaksanakan DPN, keperluan kaum India akan diberi perhatian yang sewajarnya untuk membolehkan mendapat manfaat saksama daripada pertumbuhan ekonomi dan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan RRJP, (Perenggan 1.49) dengan izin.

Walau bagaimanapun keseriusan yang dibayangkan dalam kenyataan-kenyataan ini atas tidak terlaksana melalui DPN atau rancangan-rancangan lima tahun dalam tempoh masa itu iaitu Rancangan Malaysia Keenam (1996-2000). Rancangan Malaysia Ketujuh (1991-1995). Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh pula mencerminkan kononnya...., kaum India telah mencapai tahap kecemerlangan, ulasan-ulasan secara spesifik menyatakan bahawa kadar pertumbuhan 'pro-rata' tahun antara tahun 1995 dan 1997 menunjukkan kaum India mengalami pertumbuhan 6.3% iaitu lebih tinggi daripada kaum-kaum lain malah melebihi pertumbuhan negara iaitu hanya 3.9%.

Pencapaian kaum India tanpa sebarang program spesifik sememangnya menunjukkan apakah kaum India mampu berdiri sendiri tanpa bantuan kerajaan menjadi satu persoalan. Kenyataan yang turut dinyatakan dalam kajian yang sama adalah sebanyak 8.7% guna tenaga kaum India masih terdiri daripada kerja perkeranian, perkhidmatan, pertanian dan pengeluaran. Analisa menunjukkan bahawa penggunaan data oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) agak selective dan mengelirukan. Misalnya dalam kes pengiraan pendapatan 'pro-rata' isi rumah, beberapa informasi seperti saiz, 'sambil', banci dari manakah isi rumah dipilih?

Apakah keadaan anggaran margin kesilapan banci tidak diperincikan dan seharusnya diumumkan oleh kerajaan. Hasrat saya adalah untuk menyeru agar pertimbangan yang sewajarnya diberi di atas segala ulasan cadangan yang telah dikemukakan melalui MAPEN I. MAPEN I yang rumus demi kebaikan umum tidak harus dilihat sebagai satu kegagalan oleh mana-mana pihak khususnya kaum India yang paling kurang memanfaatkan turut dirayu agar proses MAPEN II, melihatkan tindakan penyudahan yang lebih efektif yang merangkumi semua individu.

Perakuan-perakuan Majlis ini tidaklah cukup dengan memberikan perhatian yang sewajarnya oleh kerajaan tanpa proses implementasi dengan pemantauan. Adalah lebih penting dalam memastikan keberkesanan, 'lantasan' kerajaan, inilah harapan ikhlas kaum India yang menjunjung dan menyokong kerajaan. Dalam konteks kaum India Malaysia, dua perkara yang patut diberi penekanan dan turut membaharui kualiti hidup mereka adalah masalah sosial dan masalah kemiskinan yang berkait-rapat antara satu sama lain. Kemiskinan secara umumnya adalah didefinisikan sebagai kedudukan ketinggalan tidak boleh mencapai keperluan asas.

Pendekatan-pendekatan yang digunakan untuk mengukur kadar kemiskinan di negara ini lebih mirip kepada ukuran ekonomi melalui pengiraan pendapatan dan inflasi. Sebenarnya, satu pendekatan baru bagi mendefinisikan kemiskinan dengan cara yang lebih nyata. Dengan hanya memiliki angka yang menonjol dalam ukuran pendapatan isi rumah kasar bulanan, pro-rata di kalangan kaum India bukanlah bermakna mereka semakin bebas dari belenggu kemiskinan. Selama ini, kerajaan juga lebih menumpukan kepada penghapusan kemiskinan mutlak dan kurang memfokuskan kemiskinan relatif.

Langkah kerajaan turut lebih ditumpukan membasmi kemiskinan dan dimensi di mana hanya gejala kemiskinan ditumpukan dan bukannya isu struktur yang mengakibatkan gejala kemiskinan diberi perhatian. Dalam konteks kaum India negara ini masalah 'penyisihan sosio dan tidak lancarkan sosio' banyak mempengaruhi kedudukan sebenar kemiskinan kaum India. Proses urbanisasi yang sejajar dengan proses globalisasi mengakibatkan pembangunan luar bandar ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah? Lebih dari 10 minit.

**Tuan N. Marimuthu:** Sudah, sudah sampai. Luar bandar dengan proses globalisasi mengakibatkan pembangunan luar bandar dan..., buruh asing kerana kos mengeluarkan rendah. Seterusnya memberi kesan kepada pekerja peladang dan majoriti kaum India. Ramai yang kehilangan pekerjaan hanya menerima pampasan yang kurang menjamin kehidupan masa depan mereka. Tindakan mereka yang berhijrah ke kawasan bandar, akibatnya satu budaya kehidupan tidak 'lancarkan sosio yang larut' dalam hidup mereka.

Tahap kesihatan rendah, kadar drop-out dari sistem pendidikan yang tinggi, ketiadaan kemudahan perumahan kerana hidup dalam kawasan setinggan dan flat kos rendah dan kekurangan jaminan kebaikan, akibatnya budaya kemiskinan. Tuan Yang di-Pertua, masa yang singkat, saya mengucapkan saya menyokong penuh ucapan ini.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Puan, ya. Kita beri wanita dahulu ya.

**11.26 pagi.**

**To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad:** Assalamualaikum Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan di atas peluang yang telah diberi kepada saya untuk saya turut sama membahaskan usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesepuluh pada 14 Februari 2000.

Baginda telah melahirkan rasa syukur kerana keselamatan negara secara keseluruhannya berada di dalam a man, stabil dan terkawal. Titah baginda merangkumi berbagai-bagai aspek itu dapat saya gambarkan bahawa Seri Paduka amat menitikberatkan supaya pentingnya rakyat dan kerajaan memperkuatkan azam, mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara dan memerangi apa jua bentuk fahaman sempit, perkauman dan keagamaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuka lembaran ini dengan membaca sepotong ayat [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Kita sama-sama mengerti bahawasanya Allah berfirman bahawasanya hamba Allah yang sebenar itu yang benar-benar patuh kepada Allah dan RasulNya, apakala berjalan dengan khusyuk dan tawaduk dan apakala berdepan dengan mereka yang jahil, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*].

Tuan Yang di-Pertua, demi Allah saya tidak bermain politik dan selama saya berkecimpung dalam politik, sama ada secara sukarela atau sekarang ini secara langsung, saya tidak pernah terlintas dan bermain politik untuk memenangi dan menyokong parti UMNO. Tetapi realitinya, adalah kerana saya faham akan perjuangan UMNO untuk membela agama, bangsa dan negara. Tidak lebih daripada itu. Selagi UMNO mempertahankan kedaulatan negara, meninggikan syiar Islam, menjaga negara ini dan maruah bangsa, selama itulah saya akan menyokong untuk mempertahankan maruah bangsa, agama dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli-ahli Dewan sama ada penyokong kerajaan atau yang tidak menyokong kerajaan, hari ini kita tinggalkan dulu sama ada PAS atau UMNO atau Gerakan atau MCA, kita berdiri hari ini, kita berada dalam Dewan ini sebagai seorang hamba Allah samada beragama Islam atau tidak supaya kita tidak bercelaru untuk membahaskan sesuatu untuk menjadi kebaikan kepada kita khususnya kepada diri kita dan umat Islam dan bangsa yang ada dalam negara kita.

Kalau kita terheret dengan emosi politik, nescaya kita akan bercakap mengikut emosi kita dan orang yang mendengar akan terpesong dan akan menjadi huru hara dan bercelaru. Ingatlah dari Allah kita datang, kepada Allah kita kembali. Negara ini tanggungjawab kita, kita dipertanggungjawabkan oleh Allah S.W.T. apatah lagi kita

sebagai Ahli Dewan Negara yang pada kira saya di sisi Islamnya dikira sebagai 'Ulil-Amri' yang akan bertanggungjawab bukan saja pada diri kita, keluarga kita bahkan agama, negara dan rakyat seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan kembali sejarah pilihan raya tahun 1955 di mana kita ketika itu menuntut kemerdekaan. Pilihan raya tahun 1955 kita berjaya dan tahun 1957 kita mencapai kemerdekaan, dua tahun kemudian pilihan raya yang kedua iaitu 1959. Di sinilah timbulnya bibit-bibit perpecahan, pertelingkahan agama kerana di situlah sudah timbul Parti Islam Setanah Melayu yang sama-sama bertanding dalam pilihan raya. Di situlah timbulnya parti Islam dan memperkenalkan kepada masyarakat kampung khususnya di Kedah, Kelantan, Terengganu bahawa inilah satu-satu partinya untuk membela orang Melayu dan menegakkan agama Islam kerana PAS itu Islam, Islam itu PAS. Ini tidak boleh dinafikan mungkin Yang Berhormat masih muda lagi, saya sudah tua dan mengikuti perkembangan politik dari sejak bangku sekolah dan saya amat sedih melihatkan peristiwa itu berlaku. Rata-rata di kampung, di pedalaman Terengganu dan Kelantan bahawasanya siapa yang memangkah bulan, bintang maka syurgalah jawabnya maka teranglah dalam kuburnya. Ini benar, ini kisah benar bukan kisah reka, saya tak ada masa nak mereka dan saya tidak akan bertanggungjawab kalau perkara ini tidak benar. Saya bertanggungjawab.

Saya tak tahu Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian tidak pernah bersua dengan masyarakat yang seumpama ini tapi kami di Terengganu di kawasan pedalaman, ketika itu tidak ada pengangkutan, rakyat Terengganu ketinggalan dalam serba serbi. Rakyat Terengganu buta huruf, ramai yang buta huruf, tidak ada sekolah, kanak-kanak masih tidak berbaju. Maka orang-orang Terengganu walaupun keadaan macam sedemikian tetapi imannya masih kukuh walaupun pegangan ilmunya sedikit tetapi imannya masih kukuh, tidak boleh didolak-dalikkan maka sebab itulah PAS mengambil kesempatan ketika itu mempelawakan Islam, mempelawakan PAS sebagai suatu parti Islam dan siapa pangkah Islam cukuplah syarat Islam.

Ini benar, ini benar Yang Berhormat, bukan satu cerita rekaan dan pernah tahun 60-an saya melihat bahawasanya orang-orang kampung yang taksu kepada PAS apakala meninggal, mengambil simbol bulan bintang itu diselitkan ke dalam keranda dengan harapan untuk terang dalam kubur. Ini berlaku, apatah lagi perpecahan antara keluarga sering berlaku. Saya melihat sepotong ayat Quran dalam Suratul Fajr di mana berbunyi [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] memang ada di dalam Quran mengatakan Allah mengatakan, maka apakala kita mati besok maka teranglah di dahinya kesan-kesan sujud tapi bagi orang yang tidak mengetahui ini, ia tidak dapat dikaitkan dengan ayat ini jadi kenapalah sampai begitu sekali dan timbullah ketika itu juga siapa yang memangkah kapal layar atau Perikatan kafir, tak masuk syurga kerana UMNO, MCA, MIC berikat maka apakala orang Melayu, orang Islam berikat dengan orang kafir maka kafirlah dia. Ini bukan baru, bukan soal perkara baru. Sudah banyak dah orang yang menyokong ni dah ramai dah meninggal, siapa yang bertanggungjawab ke atas mereka? Dan hari ini masih berlaku, tahun 1981 Amanat Haji Hadi dikeluarkan, ini Tuan Yang di-Pertua, Amanat Tuan Guru Haji Hadi, saya bacakan. Ini menjadi pegangan yang amat besar kepada sebahagian penduduk-penduduk negeri Terengganu dan Kelantan yang taksu kepada PAS yang taksu kepada pemimpin.

*"Saudara-saudara sekalian, percayalah kita akan menentang UMNO bukan kerana nama dia UMNO, kita menentang Barisan Nasional bukan kerana namanya Barisan Nasional. Kita menentang dia kerana dia mengamalkan perlembagaan penjajah, mengekalkan peraturan kafir, mengekalkan peraturan jahiliah. Oleh itu kita berjuang melawan mereka, kita percaya saudara-saudara perjuangan kita adalah jihad, ucapan kita adalah jihad, derma kita adalah jihad dan kerana kita berjuang dengan puak-puak ini kalau kita mati berlawan dengan mereka, mati syahid, mati kita adalah mati Islam. Kita tak payah masuk Yahudi, kita tak payah masuk Kristian, kita tak payah masuk Hindu, kita tak payah masuk Buddha tetapi kita menjadi kafir dengan mengatakan politik suku, atau agama suku".*

Insaflah wahai muslimin dan muslimat. Kita kembali kepada jalan Allah. Saya bercakap bukan di atas emosi tetapi atas perasaan keinsafan sebagai hamba Allah, sebagai orang Islam, sebagai seorang ibu. Saya mohon Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ini tolong tarik baliklah ini, tarik baliklah apa yang ada pada hari ini dan buatlah penjelasan dengan sejelas-jelasnya supaya umat Islam tidak keliru. Sehingga pada tahun 1984 kerajaan mengeluarkan kertas putih kerana banyak sangat kekeliruan sehinggakan orang-orang tidak lagi mahu sembahyang di masjid-masjid yang dibina oleh kerajaan kerana masjid-masjid itu adalah masjid dibina oleh duit kerajaan, duit haram. Apa juga yang dibekalkan oleh kerajaan kepada rakyat maka setengah-setengahnya orang-orang pengikut-pengikut PAS tidak terima kerana ini adalah duit haram.

*[Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman mempengerusikan Mesyuarat]*

Tuan Yang di-Pertua kita semua tahu duit kerajaan adalah 'Malusyubahah' dari segi Islamnya. Maka kalau kita boleh menerima tiap-tiap wakil rakyat menerima kita pegawai kerajaan menerima daripada hasil Malusyubahah itu kenapakah dipertikaikan bahawa masjid, sekolah yang didirikan oleh kerajaan itu sebagai haram dan sekarang apakah kerajaan Terengganu menerima masjid-masjid itu yang dibina oleh kerajaan itu sebagai apa. Memanglah saya percaya Yang Berhormat menggeleng kepala tidak mengaku seolah-olah tidak benar. Saya cukup tertarik dengan ucapan-ucapan yang diberi oleh wakil-wakil PAS dalam Dewan ini dengan suaranya yang lunak, dengan bacaan ayat Quannya mempesonakan, dengan berbagai-bagai nasihat tetapi dukacita kenapakah perkara yang sama tidak dibuat di luar Dewan ini kepada ahli-ahli. Kalau perkara yang seumpama ini, mudah yang seumpama ini diperluaskan kepada masyarakat-masyarakat PAS di Terengganu dan Kelantan. Saya fikir tak mungkin perkara ini terjadi.

Saya terkenang kepada sepotong ayat Al-Quran yang berbunyi *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Kenapa kamu bercakap barang yang kamu tidak buat? Sesungguhnya Allah murka kepada mereka yang berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, sampai hari ini orang Melayu terus berpecah. Perpecahan ini adalah daripada bibit-bibit, fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin PAS dan pengikut-pengikut PAS di kampung. Tahun 70-an di Terengganu di kawasan Marang dan pedalaman pasti ditubuhkan. Begitu juga di daerah Dungun di mana kanak-kanak disemaikan dengan bibit-bibit kebencian kepada kerajaan Tuan Yang di-Pertua. Ada gambar pemimpin-pemimpin UMNO, pemimpin-pemimpin kerajaan disuruhnya kanak-kanak yang tidak berdosa ini pijak, ini zalim, ini Firaun, ini Yahudi. Ini berlaku, saya percaya Yang Berhormat tak pernah dengar sebab Yang Berhormat bukan orang Terengganu. Yang Berhormat mewakili rakyat Terengganu tetapi Yang Berhormat tidak pernah bergelut dengan perkara yang seumpama ini. Yang Berhormat hanya bercakap dan tidak merasai keluhan dan rintihan, apa yang berlaku dalam masyarakat pedalaman. Sebab itu Yang Berhormat boleh berkerut, boleh menggeleng sebab tidak rasa tak pernah, mustahil perkara ini berlaku tapi ia berlaku, memang anak-anak muda, anak-anak yang lahir dalam zaman merdeka ini tidak percaya bahkan pemimpin UMNO sendiri kalau kita bawa ke peringkat pusat, mustahil jadi perkara seumpama ini. Betul Yang di-Pertua. Hanya hari ini sudah menjalar sampai ke seluruh Semenanjung Malaysia barulah ada reaksi. Inilah penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Kelantan dan Terengganu. Tapi insya-Allah kami tidak berputus asa kerana tiap-tiap yang benar itu benar, tiap-tiap yang salah itu salah, insya-Allah *[Membaca sepotong hadis]* Siapa yang menolong pada jalan Allah, meninggalkan syiar Islam, meninggalkan bangsa dan martabat bangsa dan negara, insya-Allah Tuhan akan menolong mereka. Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira perkara yang saya bawa itu kecil tetapi jangan leka, jangan anggap perkara kecil itu tidak merbahaya. Yang kecil itulah akan merebak, akan lebih bahaya pada perkara yang besar.

Tahun 1959, kini tahun 2000 Tuan Yang di-Pertua, nampak tidak penyakit itu sudah menjalar begitu luas. Anak-anak yang telah kita didik, memberi pelajaran, memberi ilmu pengetahuan, hari ini sudah dirasuk dengan berbagai-bagai gejala yang

tidak sihat. Ingatlah Allahyarham Tun Abdul Razak dalam tahun 70an selepas Malaysia melancarkan Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua dengan kemudahan-kemudahan asas di mana di perkampungan ketika tahun 1959 dan 1960an ini tidak ada pembangunan, tidak ada jalan, tidak ada masjid. Rakyat ramai yang buta huruf, maka rancangan membasmikan buta huruf dengan mengadakan kelas-kelas dewasa ketika itu. Kelas dewasa ini diputarbelitkan. Banyak yang melarang supaya jangan pergi ke kelas dewasa kerana alasannya, kubur kata mari, rumah kata pergi, buat apa lagi hendak belajar. Ini betul, ini keadaannya.

Jadi, saya kira tidak payah saya cerita banyak kerana banyak sangat perkara-perkara yang telah merosak perpaduan, akidah dan seterusnya. Hanya saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita kena sama-sama membuat penjelasan yang sebaik-baiknya. Saya kira Yang Berhormat tentu ingat Tuan Yang di-Pertua, setiap kali ucapan-ucapan ini yang ditujukan kepada kerajaan oleh parti pembangkang, saya kira, saya tidak kata tidak Islamic tetapi semacam orang yang cukup dendam, cukup emosi, cukup iri hati. Tolong betulkan kalau saya salah. Setiap ucapan yang diberi oleh pemimpin-pemimpin PAS tidak le kang menyebutkan bahawanya *toqut*, Firaun dan sebagainya. Betul tidak Yang Berhormat? Mohon izin Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana pertanyaan, saya kena jawablah. Saya mohon izin, berikan waktu kepada saya untuk memberikan jawapan-jawapan dan penjelasan-penjelasan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat, satu soalan sahaja dia tanya tadi, bukan penjelasan.

**To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Tidak payah buang masa .....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya rasa sepanjang Dewan ini, saya tidak pernah, kita orang sini tidak pernah sebut pasal *toqut*, pasal apa, tidak ada. Tetapi adalah saya rasa tidak benar, kadang-kadang orang ini baca ayat al-Quran memang cerita Firaun dalam al-Quran itu ada, surahnya. Namanya Firaun, definisi Firaun, kita hendak sebut yang lain, itu tidak boleh. Dari segi pengajian al-Quran, tafsir al-Quran, kita tidak boleh melindungi sesuatu yang benar dan kita tidak pernah menjujukan ini kepada siapa, kepada siapa ....., tidak pernah. Ada disiplin pengajian Islam ini, ada disiplin yang tertentu. Walaupun barangkali, memang dalam al-Quran ada. Macam pertanyaan tadi, memang dalam al-Quran ada '*hillbullah, hillbul syaitan*', bagaimana kita hendak sebut, perkataan itu hendak sebut macam mana? Kalau boleh Dewan ini memberikan terjemahan yang lain pada itu, saya tidak tahulah.

**To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad:** Yang Berhormat, saya tanya sedikit sahaja.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Jadi, dengan sebab itu saya haraplah juga kepada Yang Berhormat, tadi mula-mula kata tak hendak emotional, tak hendak sebut parti-parti, tak hendak sebut politik-politik. Saya hendak dengar betul, dengan khusyuk saya hendak dengar takut ada pandangan-pandangan yang baik, hendak cari penyelesaian. Tetapi nampaknya sudah ke lain. Terima kasih.

**Dato Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Puan Wan Seri, sila.

**To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ke lain. Memang dalam Dewan ini memang manis, memang tidak ada salah Yang Berhormat bercakap. Tetapi bukti rekod ada. Tape-tape yang disebar, yang kita dapati ada mengatakan kerajaan *toqut*, ini sudah menjadi kebiasaan Yang Berhormat Ustaz. Jadi, saya harap dapat di luar Dewan ini tarik balik perkataan Firaun. Memang dalam al-Quran memang banyak Firaun tetapi ini tidak dituju kepada kerajaan tetapi ini memang khas dituju kepada pemimpin-pemimpin UMNO yang dikatakan tidak menjalankan hukum Hudud. Takkanlah selama 43 tahun Yang Berhormat, daripada

tahun 1957 sampai tahun 2000 tidak ada satu perkara yang dibuat oleh Kerajaan Perikatan dan seterusnya Barisan Nasional itu tidak betul semua. Tidak boleh diterima oleh orang semua, mustahil! Mustahil tidak betul semua.

Pada saya, saya tidak ingat apakah arahan kerajaan supaya orang-orang Islam jangan mendirikan sembahyang, tidak boleh pergi haji, saya rasa tidak pernah dalam ingatan saya. Bahkan saya merasa bahawasanya apa yang dibuat dirancang dan diperlaksanakan oleh Kerajaan Perikatan sampailah ke Barisan Nasional hari ini. adalah jelas menepati sabda Rasulullah S.A.W [*Membaca sepotong Hadis*] Saya kira pelaksanaan dasar kerajaan daripada yang Pertama, yang Kedua, yang Ketiga hinggalah ke hari ini tidak lari daripada apa yang dilunaskan oleh nas, oleh hadis yang saya sebutkan tadi. Bahkan berapa ramai masyarakat bukan Islam memeluk agama Islam.

Dari segi syiar Islam, kita tidak boleh pertikaikan lagi. Dahulu kita tidak pernah dengar azan, hanya di kampung-kampung. Sekarang ini kita kena menerima hakikat bahawasanya azan masuk ke rumah-rumah setiap orang Islam dan bukan Islam, Islam ini tidak perlu kita pertikaikan lagi. Ini suatu dakwah islamiah yang baik dan banyak masjid-masjid yang telah didirikan. Ini menepati kalau tidak salah sayalah, Baginda Rasulullah S.A.W apakala sampai di Madinah, yang pertama Rasulullah membina Masjid Qubat Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, menyatupadukan antara Muhajirin dan Ansar dan kaum Quraisy. Saya rasa, walaupun tidak diterima oleh orang-orang PAS tetapi saya rasa imbasannya apa yang dilakukan oleh kerajaan dari sejak dahulu dan sekarang tidak lari daripada asal. Begitu juga dalam ibadat mengerjakan haji. Kita semua tahu zaman tahun '50'an, '60'an betapa seksanya kita umat Islam di Malaysia ini untuk mengerjakan fardhu haji. Kalau di Terengganu naik kapal ke Singapura memakan masa dua atau tiga minggu Tuan Yang di-Pertua, susahnyanya. Dari Singapore naik kapal lagi sampai ke Mekah sehingga meningkat kepada lapan bulan atau enam bulan, begitu susahnyanya.

Mengapakah ini semua tidak menjadi satu pedoman, satu ingatan, satu kesedaran kepada kita untuk menyedarkan kita sebagai satu hamba Allah yang menerima hakikat ini dan bersyukur kepada Allah, berterima kasih kepada manusia.

Hari ini dengan pimpinan Allahyarham Tun Abdul Razak mewujudkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang mana ideanya daripada Profesor Diraja Ungku Aziz. Dengan ini, itulah satu-satunya harta simpanan orang Islam dan dengan itulah juga menolong, membantu umat-umat Islam menunaikan fardu haji.

Menyebut tentang haji ini, sebelum kuota haji yang diluluskan oleh OIC dikuat kuasa umat Islam bebas pergi menunaikan ibadat walau berapa ribu orang dalam setahun sekalipun sehingga Tabung Haji kadangkala satu tahun sampai menjangkau kepada 45 ribu orang menunaikan fardu haji dan walaupun 45 ribu orang yang menunaikan fardu haji ini ada juga antara mereka yang pergi secara seludup, yang pergi secara berasingan, memang banyak. Apa yang saya hendak sarankan, saya kasihan kepada pengikut-pengikut, jemaah-jemaah yang mengikutinya. Dengan bayaran yang murah, lepas itu beranak-anak tambah RM100, RM200, RM100, RM200, kadang-kadang hajinya ke mana. Kadang-kadang tidak sampai di Mekah, sampai di Pakistan, sampai di Jordan sahaja dan sehinggalah ke hari ini Kerajaan Saudi melaksanakan kuota yang diluluskan oleh negara OIC.

Dan kuota ini walaupun mengikut rakyat Malaysia hanya 21 ribu tetapi dengan kemudahan, dengan kerjasama Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan ehsan Kerajaan Saudi, lebih daripada itu. Dan pernah saya melihat penganjur-penganjur ini membawa jemaah haji di luar daripada urusan Tabung Haji, amat seksa. Kadang-kadang ditinggalkan begitu sahaja, rumah tidak ada, makan minum tidak ada dan Tabung Hajilah yang menerima akibatnya.

Saya hendak sebut jugalah balik mengenai bendera PAS sewaktu menunaikan fardu haji kebanyakannya semasa hendak melontar. Walaupun tidak ada sekatan, tidak

ada bantahan daripada Kerajaan Saudi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya rasa eloklah kita sebagai pemimpin, sebagai umat Islam, kita pergi hanya menjadi tetamu Allah. Boleh bawa simbol lain untuk memperkenalkan jemaah kita, supaya tidak terhiris dan tidak terbawa-bawa fahaman politik kita di sana. Kalau boleh Yang Berhormat kita pergilah dengan hati terbuka sebagai hamba Allah dan pakailah simbol lain, lebih manis saya rasa. Tidak usah terbawa-bawa dengan keadaan politik semasa kita mengerjakan ibadat haji. Itu adalah lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya tekankan lagi di sini ialah mengenai pemesongan yang dibawa oleh golongan-golongan yang mendakwa mereka berpengetahuan agama yang sering memesongkan fakta-fakta yang jelas berlandaskan agama Islam. Pada pendapat saya ini merupakan satu jenayah yang besar dan mereka bertanggungjawab sekiranya orang-orang Islam ini mundur ke belakang dari segi pegangan mereka.

Pertama, mengenai kejahilan mereka tentang fardu ain, perbezaan mereka tentang fardu ain dan fardu kifayah. Setengah-setengah mereka hanya menekankan fardu ain sahaja dan mengabaikan fardu kifayah. Ada setengah-setengah mereka menganggap bahawa Islam itu hanya fardu ain semata-mata, sementara yang lain tidak. Maka amatlah hairan jika ada di antara umat-umat Islam yang menolak pembangunan yang dibuat oleh kerajaan dan adalah amat rugi setengah-setengah umat Islam menolak pembangunan yang dibuat oleh kerajaan semenjak kita mencapai kemerdekaan hinggalah ke hari ini kerana ini tidak *Islamic*.

Tuan Yang di-Pertua, contohnya Rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga hinggalah seterusnya Ketujuh menjuruskan kepada tuntutan dalam melaksanakan fardu kifayah. Ini pun ditolak oleh setengah-setengah golongan. Saya bertanya adakah Dasar Ekonomi Baru bagi membasmi kemiskinan itu tidak *Islamic*? Adakah hasrat kerajaan untuk menyusun semula masyarakat dan perpaduan kaum juga tidak Islam? Jawapannya, semua ini disuruh oleh agama.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita sendiri boleh buat penghakiman dan penilaian setengah golongan yang amat suka kepada perpecahan dan benci kepada perpaduan. Semua dasar yang dibuat oleh kerajaan untuk kebaikan semuanya dinafikan oleh golongan yang mendakwa bahawasanya tidak Islam sedangkan merekalah yang menggunakan seumpama lebu rayu dan kemudahan-kemudahan yang ada di lebu rayu itu. Saya kira tidak ada siapa yang menafikan bahawa setiap yang melalui lebu rayu dan menikmati segala kemudahan di situ akan merasa bersyukur kerana di situlah kita boleh menunaikan ibadat semasa perjalanan kita.

Saya akan meneruskan sedikit lagi pandangan atas Titah Ucapan Diraja ini. Pada pandangan saya usaha yang bersungguh-sungguh untuk kefahaman menggerakkan masyarakat ke arah melaksanakan fardu kifayah amatlah perlu diberi penekanan dan perhatian yang serius. Walaupun sudah ada usaha-usaha yang dibuat pada masa-masa yang lalu namun tidak digerakkan melalui pendekatan agama. Apa yang perlu ialah masyarakat akan berlumba-lumba berusaha dengan penuh tumpuan dan minat untuk membangunkan negara secara umumnya dan diri mereka sendiri secara khususnya serta betul-betul menghayati bahawa apa yang dibuat adalah suruhan agama termasuk dalam fardu kifayah.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah seimbangkan antara dunia dan akhirat, mengikuti apa yang telah diajar oleh Rasulullah s.a.w. Kita kena seimbang antara dunia dan akhirat. Marilah kita sama-sama ahli-ahli yang berada dalam Dewan ini, saya tidak menganggap orang-orang PAS sebagai musuh, saya tidak ada musuh untuk mudah-mudahan dalam dunia ini. Apa yang saya perkata hari ini ialah realiti saya sebagai seorang Islam dan saya amat terharu dan dukacita dengan keadaan yang berlaku. Rasulullah s.a.w bersabda [*Membaca sepotong ayat Quran*] yang bermaksud, "Buatlah amal di dunia ini, bekerjalah di dunia ini seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya, dan buatlah amal di akhirat seolah-olah kita akan mati esok". Sebab itu setiap kita bermadah, setiap kita bercakap, setiap kita berusaha, setiap kita mengeluarkan pendapat, kita bertanggungjawab di dunia dan di akhirat supaya mereka

yang mendengar, mereka yang menerimanya tidak akan berpecah belah. Setelah kita berundur, setelah kita berhenti daripada bercakap, biarlah ini menjadi suatu nasihat kerana 'Addinul-nasihah', agama itu nasihat.

Kita berpegang, kalau kita rasa kita boleh mengeluarkan perkataan-perkataan yang boleh mengelirukan, Rasulullah bersabda, [*Membaca sepotong hadis*] yang bermaksud. "Siapa yang beriman dengan Allah S.W.T. dan Rasul maka hendaklah mereka bercakap benar atau diam cukuplah seperti tidak merosakkan umat Islam yang kita kasihi. Kita sama-sama hendak menempuh, mengadap Allah S.W.T., maka saya berharap sangatlah selain daripada usaha-usaha kerajaan dalam membendung masyarakat untuk menjadi masyarakat Islam dan masyarakat majmuk ini satu umat yang berpadu mempertahankan Islam dan negara kita, saya sungguh-sungguh dengan suci hati meminta saudara-saudara saya daripada ahli-ahli PAS sama ada di dalam atau di luar Dewan, marilah kita bersama-sama bertanggungjawab untuk memupuk kesedaran dan apa yang telah dilakukan oleh puak-puak kita demi untuk menjaga kestabilan, keharmonian dan mempertahankan kedaulatan negara, bangsa dan agama kita.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul junjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

**Datuk Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat To' Puan Wan Seri. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail.

**12.10 pagi.**

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana turut diberi peluang bagi saya mengambil bahagian dalam membahaskan usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Kebawah Duli Tuanku Yang Di-Pertuan Agong. Sebelum itu izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, membuat sedikit koreksi berhubung dengan ucapan Yang Berhormat Maritmuthu tadi yang mengatakan ada ayat Quran yang menyebut soal upah dengan pekerja itu. Sebenarnya bukan ayat Quran tetapi hadis Nabi Muhammad s.a.w yang menyatakan maksud antara lainnya, "bayarlah upah pekerjamu sebelum keringatnya kering".

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya perpaduan adalah sesuatu yang tidak ternilai harganya dan merupakan aspek penting bagi menjamin keamanan negara dan kemakmuran masyarakat sejagat. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini kita dapat lihat dan saksikan bahawa perpecahan umat Melayu begitu ketara sekali. Negara yang begitu aman kini telah dilanda pelbagai masalah. Seringkali pula kita mendengar pertanyaan-pertanyaan sumbang siapakah yang harus dipersalahkan dan siapakah pula yang harus bertanggungjawab terhadap perpecahan umat Melayu kini.

Kita dapat saksikan keamanan yang dinikmati oleh rakyat puluhan tahun telah memberi iltizam dan kekuatan kepada pucuk pimpinan untuk terus meraih faedah demi kepentingan rakyat jelata. Negara semakin maju dan rakyat semakin makmur. Hatta, kegawatan ekonomi yang melanda negara pun mampu ditangani dengan baik sekali oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang kita kasihi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad telah berjaya membawa negara kita keluar dari kemelut ekonomi yang mencengkam kehidupan rakyat keseluruhannya dengan cara dan kaedah serta mekanisme Perdana Menteri yang tersendiri yang difikirkan beliau terbaik untuk negara ini. Kaedah yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad kini terbukti sudah kejayaannya. Dan rakyat sudah mula mengecapi nikmat kejayaan ekonomi yang semakin pulih kini.

Sudah terbukti juga bahawa dengan pendirian tegas Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa tindakan beliau telah berjaya dan tidak memerlukan orang luar untuk mengajar kita mentadbir negara dan ekonomi kita. Sekiranya kita telah menerima pertolongan IMF, entah kemelut apa pula yang harus kita hadapi sekarang ini. Nasib baiklah pucuk pimpinan kita membuat keputusan yang bijak yang sekali gus telah menyelamatkan nasib bangsa kita dari terus dicengkam oleh kegawatan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, apakala mereka gagal untuk mempengaruhi ekonomi negara kita mereka cuba pula untuk campur tangan dalam urusan politik tanah air yang tercinta ini. Malang sekali bagi rakyat Malaysia kerana terdapat sebilangan kecil yang terpedaya dan terpengaruh dengan taktik percaturan politik orang luar ini yang tidak pernah senang melihat negara kita semakin maju dan aman. Lebih malang lagi, Tuan Yang di-Pertua, parti pembangkang pula cuba mengeksploitasikan isu-isu yang dibangkitkan oleh anasir-anasir luar yang mahu menjahanamkan kita. Di dalam keghairahan parti-parti pembangkang untuk meraih sokongan rakyat, mereka melihat keadaan yang berkocak ini sebagai peluang keemasan kepada mereka. Lalu mereka menjalankan dakyah-dakyah mereka tanpa mengambil kira lunas-lunas kemanusiaan dan keharmonian rukun negara kita. Kepada mereka apa pun sanggup dilakukan asalkan hasrat mereka akan tercapai. Kepada mereka ini dosa pahala bukan lagi menjadi panduan utama, namun matlamat jua yang menghalalkan cara. Maka berlakulah fitnah-memfitnah, kutuk-mengutuk dan tohmahan-tohmahan yang terlalu berat untuk dipikul oleh rakyat jelata.

Namun apakah natijahnya kepada rakyat keseluruhannya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa hasil putar belit parti-parti pembangkanglah maka kini rakyat berpecah sudah. Apa untungnya kalaulah sekadar menang sorak, kampung tergadai, Tuan Yang di-Pertua. Amat jelas sekali bahawa PAS haruslah bertanggungjawab di dalam perpecahan ini kerana usaha-usaha mereka di dalam meraih sokongan rakyat telah sanggup mengelirukan rakyat dengan berbagai fitnah dan tohmahan. Perkara-perkara yang kecil diperbesar-besarkan, perkara yang tiada diada-adakan. Sememangnya kita faham bahawa PAS sebagai sebuah parti politik sudah tentu mahu meraih undi dari rakyat jelata. Tetapi PAS juga harus kaji terhadap kesan dan natijah dari cara mereka bergerak di peringkat bawahan.

Apakah kemenangan yang dicitakan oleh PAS boleh menghalalkan cara PAS mempamerkan arah perjuangan mereka kononnya berdasarkan Islam. Janganlah sekadar mempamerkannya di peringkat lahiriah sahaja kerana Islam tidak hanya terletak pada serban di kepala dan jubah di badan. Pergerakan PAS haruslah mencerminkan keislaman dari luaran hinggalah ke dalaman sekiranya benar PAS mahu memperjuangkan Islam. Apakah mengukir kebencian terhadap pemimpin, menghasut rakyat dan melemparkan fitnah serta juga sanggup berbohong dan mentohmah adalah salah satu cara yang dirasakan perlu oleh PAS? Apakah cara ini pula mencerminkan keislaman. Tidakkah cara ini dilarang keras oleh Islam dan kita merayu kepada PAS janganlah disebabkan hasrat untuk berkuasa, Islam sanggup dicemarkan. Janganlah disebabkan oleh keghairahan berpolitik, Islam diperalatkan dan dipersendakan. Tunjukilah belang mu yang sebenarnya dan janganlah berlindung di sebalik nama Islam bagi memenuhi cita-cita dan hasrat PAS yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk meraih undi PAS sanggup memburuk-burukkan pemimpin kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telah banyak berjasa kepada negara dan rakyat. Di samping itu juga PAS telah cuba membangkitkan kebencian rakyat terhadap pemimpin-pemimpin negara. Apakah tidak ada jalan lain untuk PAS meraih undi selain daripada cara-cara yang terkutuk ini? PAS telah sanggup mengkafirkan Ahli-ahli UMNO, PAS juga telah menyatakan bahawa sembahyang berimamkan orang UMNO adalah tidak sah, PAS jugalah yang menyatakan sembelihan orang UMNO

adalah haram untuk dimakan. Namun, Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah pada hari Isnin yang lalu Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri telah menyatakan bahawa beliau tidak menafikan bahawa terdapatnya ahli-ahli PAS yang telah mengeluarkan fitnah-fitnah tersebut dan kononnya mereka itu telah pun dipecat oleh PAS.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian pemimpin PAS kalaulah benar PAS kini telah mendapat hidayah dari Allah S.W.T. dan kini PAS telah sedar bahawa tindak-tanduk mereka selama ini adalah salah maka kita tuntutan kepada PAS untuk terus memecat ahli-ahlinya yang sering kali menaburkan fitnah dan kalaulah pula PAS benar-benar ikhlas dan berani, PAS juga harus berkemampuan untuk memecat pimpinan PAS sendiri yang telah mengkafirkan UMNO dan pelbagai lagi kerenah mereka. Saya minta Yang Berhormat Hassan Shukri untuk mengkaji dan meniyasat sedalam-dalamnya siapakah yang bertanggungjawab mengkafirkan UMNO dan mengambil tindakan tegas dan berani terhadap pimpinan mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, jika tidak silap saya malah tadi kalau mengikut Yang Berhormat telah membuktikan 'Amanah Abdul Hadi', orang yang pertama yang telah mengeluarkan fatwa yang menyeleweng ini adalah di kalangan pimpinan tertinggi PAS iaitu Yang Berhormat Hadi Awang. Kita cabar PAS sekiranya siasatan mereka dapat menyabitkan Yang Berhormat Hadi Awang, apakah PAS sanggup mengambil tindakan terhadap Hadi Awang dan PAS juga harus terus memecat dan menyingkir pemimpin-pemimpin dan ahli-ahlinya yang telah memecahkan perpaduan umat Melayu ini. Jika tidak, pimpinan PAS adalah pincang kerana tidak berlaku adil. Lantaran mereka sekadar memecat sebilangan kecil ahli-ahlinya yang kini dipersalahkan oleh PAS kerana mengeluarkan fatwa-fatwa yang menyeleweng. PAS tidak akan dapat menegakkan keadilan andai kata mereka sekadar memilih bulu.

Saya juga tertanya-tanya, Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Hassan tempoh hari ada kebenarannya ataupun sekadar memutar belitkan kenyataan bila mana Yang Berhormat menyatakan bahawa mereka ini dipecat oleh PAS dan sekarang diterima oleh UMNO. Apakah sekali lagi ini membuktikan tipu helah dan sepak terajang politik PAS yang sekadar berselindung di sebalik kenyataan. Saya tertanya-tanya juga apakah mereka yang keluar PAS dan masuk UMNO ini adalah kerana dipecat oleh PAS ataupun sebenarnya mereka telah sedar dengan percaturan politik PAS yang tidak consistent justeru memasuki UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur kerana Yang Berhormat Hassan Shukri begitu ikhlas mahu bermuzakarah di dalam mencari jalan untuk menyatupadukan umat Melayu yang keseluruhannya adalah berpegangut Islam. Namun kita berharap agar tidak ada undang di sebalik batu dan semoga hasrat Yang Berhormat tersebut tidak berbungkuskan sesuatu niat di sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, semalam juga kita mendengar Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah ada menyatakan bahawa fungsi masjid haruslah diperluaskan dan masjid harus terus dimakmurkan. Beliau juga ada mengeluh kononnya masjid kini telah dihadkan kegiatannya. Saya turut bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa masjid harus diimarahkan, harus dimakmurkan. Tetapi apakah wajar di sebalik idea untuk memakmurkan masjid kita menyalahgunakan masjid untuk kepentingan politik kita? Kita tentu sedar bahawa di dalam Islam kita diajar dengan adab-adab tertentu. Kita mempunyai adab untuk masuk masjid, kita mempunyai adab untuk duduk di dalam masjid dan kita mempunyai adab untuk mengimarahkan masjid....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta jalan sedikit..

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Minta jalan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Minta jalan sikit fasal tengah hari sudah ini. Tuan Yang di-Pertua, saya dengar beberapa ucapan pada pagi ini nampaknya serupa sahaja dengan yang semalam hatta Yang di-Pertua sendiri pun lebih kurang begitulah. tohmahan-tohmahan telah dilemparkan tentang bahawa PAS ini kononnya

menggunakan masjid, sedangkan masjid ini kalau kita lihat semua jawatankuasa masjid ini kebanyakannya dikuasai oleh pemimpin-pemimpin UMNO. Bukan jawatankuasa masjid, surau kebanyakannya bukan orang PAS. Saya hendak minta kepada Yang Berhormat di tepi saya inilah, cuba tolong nyatakan berapa buah masjid agaknya, kalau dia boleh agaklah - kalau beliau boleh agak, yang telah digunakan oleh PAS kerana kepentingan politik, dan berapa buah surau yang digunakan oleh PAS untuk kepentingan politik dan tolong nyatakan berapa buah masjid sekurang-kurangnya di Pulau Pinang yang jawatankuasa, pengerusi jawatankuasanya diketuai oleh orang-orang PAS. Barulah kita boleh hendak keluarkan tohmahan-tohmahan, tuduhan-tuduhan, fitnah-fitnah kononnya bahawa PAS telah menggunakan masjid. Jadi kalau ini dapat dibuktikan pada hari ini dengan tepat, dengan betul, saya rasa kita pun boleh akur.

Yang kedua, saya juga ingin menjelaskan di sini mengenai apa yang disebutkan oleh sesetengah Ahli Yang Berhormatlah termasuklah Yang Berhormat di tepi saya ini tadi bahawa seakan-akan PAS ini dituduh, juga ditohmah, saja dia.....

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, dia minta jalan, minta laluan hendak tanya saya. Jadi apa yang dia hendak tanya saya jawablah, tetapi dalam perbincanganlah.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya tidak minta laluan hendak tanya, saya hendak mohon penjelasan, saya hendak menjelaskan....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tidak, ini satu soalan tadi minta penjelasan dari segi masjid, itu sahajalah. Silakan Yang Berhormat bagi Pulau Pinang.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan yang ditanya kepada saya, berapa buah masjid yang digunakan oleh PAS, kita yakin pihak kerajaan mempunyai bukti. Kita ada tape dan sebagainya iaitu saya akan minta kerjasama, kami dalam Barisan Nasional ini kami bekerja sebagai satu pasukan, mungkin pihak kementerian akan memberi jawapan. Cuma saya hendak tanya balik kepada Yang Berhormat, jawablah lain kali, tidak payah la inilah, berapa buah masjid yang tidak digunakan oleh PAS untuk keadaan politik mereka. *[Ketawa]*

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Hendak jawab hari inikah?

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tidak, jawab lain kalilah. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan, kita mempunyai adab bila kita masuk ke dalam masjid, duduk dalam masjid dan kita tidak mahu adab ini disalahgunakan, dan kita tidak mahu juga adab untuk mengimarahkan masjid ini disalah erti dan disalahtafsirkan. Apakah saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, memaki hamun di dalam masjid tidak melanggar adab kita, apakah melemparkan fitnah di dalam masjid boleh dianggap memakmurkan masjid? Di sini dapat kita lihat betapa PAS memainkan peranan mengelirukan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kesempatan yang telah digunakan dalam mengimarahkan masjid telah disalahgunakan oleh pihak PAS. Masjid adalah tempat untuk kita beribadat dan bukanlah tempat untuk kita mencerca, melontar kata-kata keji, memfitnah dan menghasut seperti yang dilakukan oleh pihak PAS. Apa yang menghairankan dan pelik adalah mereka yang berlatarbelakangkan agama dan sesetengahnya merupakan cerdik pandai Islam kononnya telah sanggup untuk memecahbelahkan umat Islam dengan menggunakan kesempatan berceramah di masjid-masjid dengan menghasut, berbohong semata-mata untuk kepentingan parti mereka. Sepatutnya mereka haruslah berusaha untuk menyatu padu dan kembali mengukuhkan perpaduan di kalangan umat Melayu. Kerana dengan bersatu padunya rakyat, negara akan aman seterusnya pembangunan akan dapat dilaksanakan.

PAS juga, Tuan Yang di-Pertua, merintih, merayu kerana tidak mendapat permit atau kebenaran menggunakan masjid untuk berceramah. PAS mencanangkan perkara ini di merata-rata tempat di seluruh pelosok negara. PAS mempanamkan

seolah-olah kerajaan Barisan Nasional adalah kejam dan menyekat mereka dengan tidak memberi permit yang dipinta. Namun, kenapa tidak PAS menyatakan kebenaran kepada rakyat bahawa permit tidak dikeluarkan lantaran PAS telah menyalahgunakan masjid dalam ceramah-ceramah mereka. Kenapa tidak diberitahu rakyat bahawa kerajaan mengambil tindakan lantaran kesalahan yang dilakukan mereka. Kalaulah benar perjuangan mereka berlandaskan Islam kerana Islam menuntut menyatakan yang benar.

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah juga ada bertanya apakah kerana orang-orang UMNO yang keluar UMNO dan masuk PAS boleh dianggap perpecahan orang Melayu. Izinkan saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, saya ingin berkata bahawa UMNO tidak gusar andai kata ahlinya mahu memasuki PAS kerana UMNO dari mula lagi tidak pernah memaksa mana-mana insan untuk menyertai UMNO. UMNO cukup berpengalaman dan kita sendiri telah lihat betapa ahlinya pernah keluar UMNO dan menyertai Semangat 46 suatu ketika dahulu. UMNO tidak panik malah UMNO merelakan ahli-ahlinya yang tidak setia kepada parti untuk terus meninggalkan parti.

Adalah lebih baik bagi UMNO untuk mempunyai ahli-ahli yang setia dan faham kepada perjuangan parti dan kita dapat lihat pula apa terjadi kepada ahli-ahli Semangat 46 malahan pemimpinnya sendiri menyedari bahawa UMNO lah satu-satunya wadah perjuangan yang dapat membela nasib dan masa depan orang Melayu. Saya berdoa semoga PAS pada suatu hari nanti akan dibuka pintu hati mereka untuk menyedari hakikat ini dan insya-Allah, lebih ramai lagi ahli-ahli PAS yang akan menyertai UMNO.

Tuan Yang di-Pertua, dengan taktik-taktik dan percaturan politik yang mengelirukan rakyat, PAS telah berjaya di dalam usahanya untuk menarik golongan muda bagi bersimpati dengan perjuangan mereka. Sememangnya kita sedari, naluri golongan muda yang jiwanya suka memberontak, maka PAS telah menggunakan pelbagai kaedah untuk mendekati golongan muda ini. Namun saya ingin memperingatkan PAS bahawa golongan muda inilah yang merupakan pelapis yang akan menerajui kepimpinan negara di masa depan. Dan, janganlah kita tersalah mencorakkan bakal-bakal pemimpin negara. Namun apa yang hendak dikesalkan kerana inilah modal PAS dan kita juga faham tentang sepak terajang, politik PAS.

Tuan Yang di-Pertua, biarlah PAS dengan cara kerenah mereka. Saya ingin menyarankan dan meminta agar Kementerian Belia dan Sukan, berikhtiar dan menganjurkan program-program yang dapat menarik minat golongan muda ini. Kita juga harus mengkaji keberkesanan program-program yang telah dilaksanakan di samping meningkatkan program-program yang sedia ada, agar penyertaannya dapat disertai oleh golongan muda dengan cara yang lebih menyeluruh. Kita juga harus ada tindakan susulan terhadap peserta-peserta yang telah menyertai program-program Kementerian Belia dan Sukan. Program-program ini harus turun ke bawah, di peringkat daerah dan kampung-kampung, kita harus menyusun strategi yang *comprehensive* agar sasaran kita dapat mencapai matlamat.

Di dalam kita menangani masalah ini, kita harus menggunakan kaedah atau mekanisme yang boleh diterima oleh golongan muda. Pendekatan kita haruslah berjaya menarik minat mereka menyertai program-program kita dan keberkesanan sesuatu program itu haruslah menjadi kayu pengukurnya dan tidaklah sekadar menjadi *activity oriented* semata-mata. Tuan Yang di-Pertua, kita meminta kepada kerajaan agar peruntukan yang lebih diberikan kepada Kementerian Belia dan Sukan dalam proses kita membersihkan pemikiran golongan muda yang telah disesatkan oleh parti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit tentang soal kesihatan bagi memastikan lebih ramai rakyat mendapat kemudahan perkhidmatan kesihatan dan perubatan. Adalah dicadangkan agar lebih banyak klinik-klinik awam disediakan di kawasan-kawasan yang terpencil memandangkan keperluannya tidak mencukupi demi untuk mempertingkatkan taraf dan kualiti hidup masyarakat desa. Seperkara lagi yang

ingin saya menarik perhatian kerajaan adalah berhubung dengan nasib orang Melayu dalam industri perkilangan. Kerajaan haruslah memastikan sekurang-kurangnya 30% penyertaan ataupun perolehan tempat bumiputera di peringkat pengurusan terutama sekali di kilang-kilang MNC yang besar.

Kilang-kilang besar ini telah banyak memperolehi faedah-faedah dari kerajaan seperti taraf perintis dan lain-lain lagi. Ada sesetengah kilang telah lebih 20 tahun menikmati kelebihan ini. Kerajaan juga harus mewujudkan satu kaedah untuk mengukur akan peratus penyertaan bumiputera di peringkat pengurusan. Kita harus ambil perhatian bahawa selalunya hanya wujud pelaksanaan tetapi tidak mempunyai kaedah untuk mengukur keberkesanan pelaksanaan tersebut. Sekarang ini amat kurang bumiputera di peringkat tersebut, *very much less than 30%*, dengan izin, anak-anak Melayu hanya ditempatkan di bahagian Sumber Manusia atau *Human Resouce*. Manakala di jabatan-jabatan lainnya seperti di bahagian *engineering, quality control*, sukar ditempatkan anak-anak Melayu memegang jawatan atasan. Padahal anak-anak Melayulah merupakan jurutera-jurutera yang paling ramai di bahagian-bahagian tersebut. Oleh itu, kita menyeru agar Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dapat menangani masalah ini demi untuk melihat penglibatan anak-anak Melayu di dalam bidang profesional, di samping mempertingkatkan lagi kemahiran dan kepakaran.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyeru agar semua kementerian terlibat untuk sama-sama memainkan peranan di dalam menangani masalah sosial golongan remaja. Kita lihat masalah keruntuhan akhlak remaja begitu menjadi-jadi dewasa ini. Masalah gengsterisme dan pelbagai lagi penyakit sosial remaja harus ditangani dengan baik. Kita juga dapat lihat bahawa muda-mudi sekarang ini begitu bebas sekali melakukan apa sahaja mengikut kehendak nafsu mereka. Tidak dapat dinafikan jiwa yang masih muda ini mudah terikut-ikut dengan sesuatu yang menghairahkan mereka. Kita juga dapat lihat betapa muda-mudi berfoya-foya di pusat-pusat hiburan tanpa batasan, dengan tidak segan silu pergaulan mereka amat menjolok mata. Saya berani mengatakan di pusat-pusat hiburan inilah punca keruntuhan akhlak berlaku.

Justeru itu, kita juga ingin menyarankan kepada kerajaan agar mengambil langkah sepertimana kita mengharamkan orang Islam dari berjudi di Genting, kita berharap agar kerajaan juga akan dapat mengharamkan orang-orang Islam dari memasuki kelab-kelab malam, pub, disko dan pusat-pusat karaoke. Di mana tempat-tempat sebeginilah pil-pil *ecstasy*, pil-pil kencing kuda dan sebagainya berleluasa digunakan. Di tempat-tempat ini juga adalah merupakan punca berlakunya maksiat dan tempat anak-anak Melayu menghabiskan wang mereka. Ini merupakan suatu pembaziran tanpa faedah. Di tempat-tempat begini jugalah kita dapat lihat anak-anak kita minum arak, bergaul lelaki perempuan tanpa batasan dan pelbagai lagi perkara maksiat yang kita merasa malu untuk kita sebutkan dalam Dewan yang mulia ini. Kita amat berharap, agar kerajaan akan tegas dalam perkara ini dan kita meminta kerjasama polis agar terus melakukan serbuan sebagai tugas rutin mereka dan tidak sekadar mengadakan serbuan sekali-sekala sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita jadikan agenda ini sebagai agenda utama kita di dalam membawa golongan muda kita untuk kembali ke pangkal jalan sebelum mereka ini kita asuh dan didik seterusnya untuk menjadi pemimpin negara di masa yang akan datang. Kita tidak mahu pergaulan anak-anak muda kita terlalu bebas sehinggakan tidak mencerminkan budaya kita sebenarnya, kita tidak mahu seperti mana yang berlaku baru-baru ini iaitu pesta tarian di kawasan hutan di Selangor berulang sekali lagi. Justeru, kita juga menyarankan kepada kerajaan agar sentiasa mengarahkan jabatan-jabatan yang berkaitan supaya sentiasa melakukan pemeriksaan terhadap pusat-pusat hiburan tersebut demi untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Sekian, wassalamualaikum w.b.t

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Waalaikumusalam, terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail. Saya persilakan pula Puan Safinah binti Jusoh.

**12.39 tgh.**

**Puan Safinah binti Jusoh:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum w.b.t. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk turut sama dalam perbahasan titah ucapan di dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesepuluh pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada tiga perkara yang bagi saya merupakan perkara penting yang dapat saya simpulkan menerusi Titah Ucapan Diraja iaitu dalam perkara kesejahteraan, dalam perkara kemakmuran dan di dalam perkara kedaulatan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh soal wanita dalam perbahasan saya ini. Kita tahu bahawa wanita merupakan golongan majoriti dan menjadi undi penentu kemenangan dalam pilihan raya umum yang baru lalu. Walau bagaimanapun, imej dan kedudukan wanita masih berada pada tahap yang tidak memuaskan dan rendah jika dibandingkan dengan apa yang telah ditetapkan oleh Islam. Islam meletakkan wanita sama kedudukannya dengan kaum lelaki. Allah juga telah menciptakan wanita itu berdasarkan fitrah kewanitaannya yang jauh lebih lembut dan agak pemalu. Apa yang kita harapkan ialah agar fitrah yang ada pada kaum hawa ini tidak disalahgunakan, dieksploitasi mahupun dijadikan faktor yang memudahkan kaum adam untuk melakukan penindasan terhadap mereka melalui apa cara sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melahirkan rasa keprihatinan tentang peranan wanita pada alaf ini. Tidak dapat dinafikan bahawa wanita memainkan pelbagai peranan. Sebagai pengeluar ekonomi, pengurus rumah tangga, ibu dan penyumbang ke arah pembangunan masyarakat. Penglibatan wanita dalam masyarakat adalah selari dengan tuntutan fardu kifayah yang seterusnya mesti selari dengan syariat Allah S.W.T. Wanita cemerlang ialah wanita yang menegakkan tauhid dan melaksanakan syariat dengan berdasarkan kalimah, menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Tugas wanita cemerlang yang mencabar juga, bukan sekadar membantu, memperbaiki sistem hidup masyarakat yang kucar-kacir tetapi juga membantu memperbaiki akhlak masyarakat. Memberitahu mereka apa yang harus mereka lakukan di samping memiliki iman yang kental dan tingkat ketakwaan yang tinggi kepada Al-Khaliq.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada peranan wanita, yang turut penting dalam pengurusan ekonomi rumah tangga, saya mohon mencadangkan agar kerajaan Malaysia dapat memikirkan cara terbaik dalam usaha membantu, meningkatkan ekonomi rumah tangga khususnya bagi keluarga yang berpendapatan rendah dan bersaiz agak besar. Contohnya dengan memperkenalkan secara tetap dan mantap, suatu pakej kerjaya kaum wanita yang bergelar ibu, yang mana pekerjaan tersebut tidak memerlukan wanita itu melakukannya di luar rumah. Sebaliknya wanita mampu melakukannya di rumah masing-masing, di samping mengambil berat sejarah perkembangan anak masing-masing.

Kita tidak mahu lantaran ingin memantapkan pendapatan isi rumah keluarga, maka wanita terpaksa keluar bekerja tanpa tentu masa walaupun pada waktu malam. Sedangkan ini amat bertentangan dengan fitrah manusia, fitrah wanita itu sendiri yang seharusnya berada di rumah masing-masing pada waktu malam. Di samping tidak sesuai dengan jiwa wanita, ketiadaan seorang ibu dan juga seorang isteri di rumah merupakan antara punca berlaku dan menularnya kes sumbang muhrim di antara ahli keluarga. Seterusnya, ia juga adalah antara faktor penyebab pengabaian rumah tangga dan pendidikan anak-anak yang membawa kepada goyahnya bahkan runtuhnya sebuah institusi kekeluargaan dalam rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, institusi kekeluargaan merupakan satu entiti penting dalam pembentukan negara yang harmoni dan berimbang. Keruntuhan dan

keberantakan institusi ini akan melemahkan rakyat dan negara seluruhnya. Generasi muda negara memerlukan perhatian serius dan kasih sayang sewajarnya daripada kedua-dua ibu bapa bagi memastikan lahirnya generasi alaf baru yang bertanggungjawab, berakhlak dan berwibawa mentadbir negara pada masa akan datang. Sikap acuh tidak acuh kita dalam memastikan pendidikan awal anak-anak secara terkawal dan terancang telah menatijahkan timbulnya banyak permasalahan gejala sosial dan kebejatan moral. Dan, baru-baru ini masalah gengsterisme contohnya merupakan satu masalah yang begitu menakutkan kita iaitu kaum ibu bapa dalam masyarakat umumnya. Kita harus sedar bahawa pendidikan di sekolah semata-mata tidak mampu memberikan pendidikan sepenuhnya khususnya di bidang akhlak, moral dan sivik. Pendidikan agama atau moral di sekolah contohnya lebih berorientasikan peperiksaan daripada memperluaskan para pelajar itu dengan ilmu pemahaman dan pelaksanaan apa yang mereka pelajari di sekolah.

Kita juga harus akur bahawa kesedaran adab, sivik dan moral bermula daripada rumah. Tanggungjawab mendidik anak-anak tidak harus diletakkan bulat-bulat ke bahu guru-guru itu sendiri. Kerjasama yang kolektif perlu ada daripada semua pihak dan yang paling penting ialah sikap kita dalam mengembalikan peranan mendidik akhlak anak-anak kepada keluarga khususnya kepada ibu bapa itu sendiri, yang jauh lebih memahami sikap dan tindak-tanduk anak masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menafikan kemampuan wanita untuk berkerjaya di luar khususnya mereka yang berpendidikan tinggi dan profesional. Walau bagaimanapun, biarlah kerjaya itu tidak mengabaikan tanggungjawab dan peranan mereka sebagai ibu bapa yang juga penting. Kerajaan pula bertanggungjawab dalam memastikan kehidupan generasi muda terarah dan mendapat perhatian yang sewajarnya terutama daripada seorang ibu. Oleh yang demikian, amat penting untuk kita memikirkan dan membantu wanita dalam mempermudah mereka memainkan tri-peranan iaitu tiga peranan yang terpaksa dimainkan secara aktif dewasa ini iaitu selaku pendidik, sebagai pengurus rumah tangga dan juga sekaligus sebagai seorang yang berkerjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan masa depan sektor pertanian dan seterusnya kehidupan para petani khususnya petani luar bandar yang mengusahakan pertanian mereka secara sara diri. Apa yang saya harapkan, mereka ini tidak tercicir daripada arus pembangunan. Janganlah kerana terlalu ghairah menyebelahi sektor ekonomi moden seperti sektor kewangan dan perbankan, sektor korporat, pasaran modal, sektor pembuatan, pembangunan teknologi maklumat, ekonomi dan lain-lain seumpamanya, sehinggakan kita terlupa akan kepentingan sumbangan sektor pertanian dalam memantapkan ekonomi negara khususnya dalam memastikan persediaan kita menampung keperluan makanan negara seperti tanaman padi dan tidak perlu terus bagi kita mengimport hasil pertanian yang sebenarnya dapat kita usahakan secara ekonomik dan komersial di dalam negara kita sendiri. Para petani harus diberi perhatian dan kemudahan yang sewajarnya sesuai dengan perubahan zaman. Perhatian dan kemudahan ini tidak terbatas kepada sudut material semata-mata tetapi yang penting ialah pengetahuan. Kita mungkin boleh mengetengahkan konsep pertanian dalam membangun dan memantapkan sektor pertanian negara. Walaupun ini mungkin pernah dibuat dalam bahasa yang berbeza, technical know-how, dengan izin, namun pada hemat saya, pengetahuan yang lebih menyeluruh dan mantap sesuai dengan alaf siber perlu dijanakan.

Juga dalam sektor pertanian ini, kita perlu memasukkan kira penglibatan golongan-golongan muda untuk sama-sama menjayakan sektor pertanian ini. Kita tidak mahu permasalahan remeh seperti kekurangan penawaran buah kelapa sedangkan permintaan terhadapnya oleh rakyat adalah tinggi, berlaku lagi di negara kita sebagaimana yang pernah berlaku di suatu masa dahulu. Ini jelas menunjukkan ketidakmampuan kita dalam mengurus sektor pertanian negara. Sesuai dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga, kita mengharapkan agar sektor pertanian amnya dan sektor komoditi khasnya, akan terus mengekalkan peranan sebagai pembekal bahan mentah kepada industri hiliran negara yang mengeluarkan produk bernilai lebih tinggi di

samping pembekal bahan makanan untuk keperluan dalam negara dan selebihnya untuk tujuan pengeksporan.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat petani luar bandar sebenarnya adalah kelompok masyarakat yang dahagakan pembangunan dan perhatian. Saban hari mereka memikirkan bagaimana untuk memiliki kemajuan dan peningkatan hasil daripada pertanian ataupun usaha mereka sebagai seorang nelayan kecil sedangkan di luar sana iaitu di kawasan bandar, mereka melihat terlalu banyak kemudahan infrastruktur yang disediakan kepada rakyat bagi kemudahan kehidupan mereka di bandar. Namun di desa mereka keliru dan tertanya-tanya, apakah tiada usaha dan tiada cara pihak kerajaan dalam memikirkan pembangunan kemudahan bagi mereka dan membantu menjayakan dan mempermudah usaha dan kehidupan harian mereka seperti mana yang telah dibuatkan di kawasan-kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan diri saya dan juga teman-teman bahawa kedudukan kita ketika ini adalah sebagai pejuang kebajikan sosial dan pembangunan negara selari dengan tuntutan syariat Allah. Kemurahan rezeki yang dikurniakan Allah kepada negara kita adalah untuk dinikmati oleh semua rakyat tanpa mengenal perbezaan bangsa, agama, fahaman politik dan seumpamanya. Justeru itu, sewajarnya permasalahan kemiskinan di kalangan rakyat jelata dapat diatasi melalui pentadbiran yang lebih cekap, beramanah, transparent, bertanggungjawab, berimbang dan adil. Kita mampu dan boleh melakukannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan teknologi maklumat atau dengan izin, information technology. Kita tidak menafikan kepentingan teknologi maklumat (IT) sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara tetapi usaha membudayakan IT mestilah dijadikan agenda penting di kalangan rakyat Malaysia seluruhnya termasuklah mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Saya berpendapat, hasil daripada pemantauan bahawa masyarakat luar bandar masih kurang mengerti apa yang dikatakan sebagai IT dan peri kepentingannya.

Di kawasan bandar pula, walaupun IT itu meniti dari bibir ke bibir, namun pemahaman yang sungguh-sungguh masih tidak mampu dizahirkan oleh rakyat Malaysia. Sifat dan sikap sebegini menjadi antara punca mengapa MSC dengan 7 aplikasi perdananya kurang, bahkan masih tidak meninggalkan kesan di sudut kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengharapkan apa jua keputusan yang diputuskan dalam Dewan yang mulia ini akan mengambil kira masa depan rakyat seluruhnya dan agar tiga perkara yang saya sebutkan tadi iaitu kesejahteraan, keharmonian dan kedaulatan dapat direalisasikan dengan lebih telus, saksama selari dengan tuntutan Allah S.W.T.

Dengan ini saya menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat Puan Safinah. Sekarang saya jemput..... Kita ada masa lagi 7 minit. Sesiapa yang berucap ini nanti, boleh sambung selepas kita tangguhkan mesyuarat pukul 1.00. Siapa lagi?

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Saya cuma hendak menambah sedikit. Tadi saya sudah bangun untuk memberi penjelasan sebab ada kenyataan daripada Ustaz Hassan Shukri tadi, boleh beri izin saya untuk mengambil masa dalam satu, dua minit, Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya rasa tidak perlulah kita bersoal jawab dalam perkara itu, sudah lepas. Mungkin Yang Berhormat boleh bawa perkara ini dalam ucapan Belanjawan. Saya minta Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii.

**12.54 tgh.**

**Dato' Ting Check Sii:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kerana diberi peluang keemasan ini untuk membahas Titah Ucapan Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan tidak melengahkan masa, saya akan terus menyentuh perkara-perkara yang saya fikirkan sangat penting dan harus dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini salah satu perkara yang hangat dibincangkan oleh rakyat, sama ada di rumah, tempat kerja mahupun di kedai kopi ialah tentang kepercayaan terhadap Sistem Perbankan di negara kita. Pada bulan lalu, ada beberapa orang kakitangan bank di Melaka membocorkan urusan kerajaan kepada umum dan pada bulan ini ada banyak incident kehilangan wang melalui ATM dilaporkan di Pulau Pinang dan kebanyakan mangsa adalah rakyat daripada golongan berpendapatan rendah. Sekiranya aspek kerahsiaan tidak dipatuhi oleh pihak bank dan keselamatan wang simpanan dalam bank kita tidak terjamin, maka ia akan menjejaskan kepercayaan dan keyakinan pelanggan terhadap Sistem Perbankan kita. Di peringkat antarabangsa, perbuatan sedemikian ini sangat memalukan.

Oleh yang demikian, saya menyokong dengan sepenuhnya sebarang tindakan yang seketat mungkin diambil oleh pihak kerajaan terhadap sesiapa yang telah mencemarkan imej perbankan dan kerajaan. Kita tidak boleh berkompromi dan mereka yang bertanggungjawab haruslah didakwa. Saya berharap pihak Bank Negara akan memperketatkan lagi kawalan terhadap bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan supaya nama baik sistem perbankan dan negara tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut laporan akhbar, kes kecurian dan kehilangan barang import dan eksport sering berlaku di lapangan terbang kita khasnya KLIA. Menurut laporan yang sama, sejak KLIA beroperasi pada Jun 1998, kehilangan barangan dilaporkan berjumlah RM14 juta. Ini adalah sangat serius dan memalukan. Ia telah menjejaskan kredibiliti semua kakitangan di KLIA dan imej KLIA sebagai sebuah lapangan terbang yang paling indah dan canggih di rantau ini khasnya di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang drastik untuk memperketatkan lagi kawalan keselamatan di lapangan terbang khususnya di KLIA dan tindakan tegas perlu diambil terhadap mereka yang terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha Kerajaan Pusat dan negeri untuk mempromosikan industri pelancongan kita di luar negara. Usaha-usaha gigih kita telah meningkatkan bilangan pelancong asing ke negara kita. Malangnya, bagi negeri Sarawak walaupun pihak kerajaan negeri telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk meningkatkan lagi program pemasaran seperti promosi consumer, misi galakan pelancongan dan penyertaan dalam pameran atau ekspo pelancongan tetapi halangan utama adalah pengangkutan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak, penerbangan MAS tidak dapat memenuhi kehendak industri pelancongan di Sarawak. Tambangnya pula adalah terlalu tinggi dan di luar kemampuan pelancong daripada golongan yang berpendapatan sederhana. Tambahan pula, penerbangan MAS selalu penuh khasnya pada musim perayaan. Justeru itu, saya merayu supaya syarikat-syarikat penerbangan lain dibenarkan mendarat di Lapangan Terbang Kuching, Sibuan dan Miri untuk membantu pihak MAS membawa masuk lebih ramai pelancong asing ke negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang pengumuman di lapangan-lapangan terbang antarabangsa cuma dibuat dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Dalam industri pelancongan tujuan utama kita adalah business dan keuntungan kepada negara. Kita ingin menarik seramai mungkin pelancong asing. Oleh yang demikian, untuk memudahkan pelancong asing, saya bercadang supaya kita mencontohi negara-negara jiran kita agar kita menggunakan bahasa tambahan iaitu bahasa utama negara di mana sesuatu penerbangan berasal atau menuju.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat, boleh sambung selepas jam 2.30 nanti.

**Dato' Ting Check Sii:** Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sekarang sudah jam 1.00. Tengah hari ini kita ada 180 minit antara 2.30 hingga 3.30. Jadi, saya tengok ramai lagi yang tidak berucap, kita kena penuhkanlah dalam masa 180 minit itu, berbahagi sama sendiri. Kalau tidak cukup nanti, carilah orang yang boleh beri ucapan.

Majlis mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang.

**Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii, ingin menyambung ucapan, tidak habis lagi tadi? Silakan.

**2.32 ptg.**

**Dato' Ting Check Sii:** Tuan Yang di-Pertua, pengurusan perhutanan berkekalan di Malaysia khususnya di negeri Sarawak adalah antara yang terbaik di dunia. Ini terbukti apabila ada misi-misi dari negara asing datang ke negara kita ingin mempelajari cara-cara kita menguruskan perhutanan berkekalan kita. Namun begitu, kita tidak dapat menafikan bahawa kawasan hutan kita semakin berkurangan. Antara sebab-sebabnya ialah pokok-pokok ini jika dibiarkan tumbuh secara liar akan mengambil masa yang panjang, sebagai contoh pokok ramin memerlukan masa hampir enam puluh tahun dan pokok selangan batu 100 tahun untuk membesar.

Justeru itu, jika kita bergantung sepenuhnya kepada syarikat-syarikat swasta untuk menanam semula pokok-pokok di hutan, kejayaan adalah tipis, tidak dapat membesarkan syarikat-syarikat swasta ini kerana pelaburannya adalah terlalu tinggi dan semasa menunggu hasilan, mereka menghadapi banyak risiko seperti kebakaran hutan dan bencana alam.

Saya difahamkan Kerajaan Negeri Sarawak berhasrat untuk menanam satu setengah juta hektar pokok dalam jangka masa sepuluh tahun hingga lima belas tahun yang akan datang. Untuk mencapai sasaran ini, haruslah kita membuat penyelidikan dan eksperimen terhadap 250 spesis pokok tempatan. Kita kurang mengetahui 'silviculture', cara pembiakan adaptasi kepada keadaan tempatan, corak penumbuhan dan hasilan pokok-pokok ini.

Kerajaan Negeri Sarawak telah memperuntukkan banyak bantuan kewangan kepada universiti-universiti tempatan dan institusi-institusi pendidikan seperti PORIM dan RRIM. Kita berharap kajian dan penyelidikan ini dapat menghasilkan cara menanam pokok-pokok itu secara saintifik dan komersial.

Demi menjaga alam sekitar dan ekonomi kita pada masa hadapan, saya bercadang supaya Kerajaan Pusat memberi peruntukan untuk membuat penyelidikan terhadap spesis pokok yang digemari dan terkenal di pasaran dunia seperti ramin, gafur, selangan batu, meranti dan keruing dan sebagainya supaya tempoh membesarnya dipendekkan.

Saya juga ingin mengusulkan supaya institusi-institusi kewangan dalam negara diarahkan untuk membantu syarikat-syarikat swasta yang ingin menceburi kegiatan menanam semula hutan kita demi menjamin kesejahteraan generasi akan datang dan bekalan kayu balak yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh hari cuti rehat untuk kakitangan kerajaan pada hari Sabtu minggu pertama dan minggu ketiga setiap bulan. Amalan cuti rehat hari Sabtu ini sangat mengelirukan kerana sekiranya hari Sabtu pertama atau ketiga jatuh pada hari kelepasan, ia akan diganti pada hari Sabtu berikutnya. Bagi rakyat jelata khususnya yang dari kawasan luar bandar telah menghabiskan masa berjam-jam dalam perjalanan ke bandar untuk menguruskan sesuatu urusan rasmi dan apabila

sampai ke destinasi cuma mendapati pejabat kerajaan ditutup. Ini mengelirukan dan menyusahkan mereka.

Tambahan pula waktu rehat untuk makan tengah hari, kadang-kadang juga menyusahkan pelanggan kita .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Ahli Yang Berhormat yang berdiri ini, hendak minta penjelasan.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Minta laluan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya kira cuti rehat yang diberi oleh kerajaan, cuti dua Sabtu dalam sebulan merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memberi kelonggaran kepada kakitangan awam untuk beristirahat dan mempunyai satu refreshers yang baru, dengan izin, bila mana mereka bekerja pada hari Isnin.

Saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, kalau sedemikian rupa keadaannya, mengapa tidak kita mencadangkan kepada kerajaan kakitangan awam bekerja lima hari seminggu dan hari Sabtu empat hari sebulan sebagai cuti umum. Itu lebih baik dan orang awam tahu, oleh kerana besar kemungkinan kalau Sabtu minggu pertama dan ketiga public holiday akan digantikan akan datang, ini besar kemungkinan menyusahkan orang ramai. Kenapa tidak diteruskan cuti Sabtu dalam sebulan, ini lebih memberitahu orang ramai jadi orang ramai tidak susah seperti mana kata Yang Berhormat datang dan pejabat tutup dan sebagainya. Bagaimana pandangan Ahli Yang Berhormat, boleh atau tidak kita cadangkan kepada kerajaan?

**Dato' Ting Check Sii:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun bersetuju.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bersetuju ya?

**Dato' Ting Check Sii:** Ya. Tambahan pula waktu rehat untuk makan tengah hari kadang-kadang juga menyusahkan pelanggan kita, ada juga di antara pelanggan kita yang telah menghabiskan banyak masa untuk berbaris dan menunggu layanan daripada kakitangan kerajaan, tetapi apabila sampai gilirannya kaunter ditutup kerana sudah masanya untuk waktu rehat makan tengah hari bagi kakitangan kerajaan. Pelanggan ini terpaksa menunggu untuk giliran mereka di sebelah petang.

Saya mengusulkan supaya hari Sabtu diisytiharkan cuti rehat untuk kakitangan kerajaan dan waktu bekerjanya diserapkan ke dalam waktu bekerja pada hari Isnin hingga hari Jumaat.

Saya juga mengusulkan supaya semua pejabat kerajaan tidak ditutup untuk waktu rehat makan tengah hari, kakitangan kerajaan bergilir-gilir menjalankan tugas seperti apa yang dilakukan dalam bank.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses menswastakan sesuatu perkhidmatan kerajaan, banyak faktor diambil kira dan salah satunya ialah perkhidmatan selepas ia diswastakan nanti akan menjadi lebih berkesan dan bermutu. Malangnya, ini tidak berlaku sedemikian khasnya di bandar Bintangor. Sebagai contoh, apabila pemeriksaan kereta diswastakan oleh pihak JPJ, pusat ujian memandu dan pemeriksaan kereta dipindah ke Sarikei, sebuah bandar 45 kilometer dari Bintangor. Ini telah menyusahkan penduduk di Bintangor. Apabila masalah ini diketengahkan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 1995, jawapan yang diberi ialah jalan baru sepanjang 11 kilometer di antara bandar Bintangor dan Sarikei akan siap dibina. Tetapi pada hari ini, lima tahun selepas pusat ujian memandu dan pemeriksaan kereta dipindahkan, jalan baru itu masih belum siap dibina.

Baru-baru ini Pejabat JPJ di Bintangor juga ditutup dan pelanggan terpaksa ke Sarikei untuk membayar dan membaharui lesen memandu mereka. Sekarang ramai penduduk Bintangor semasa berbual-bual khasnya di kedai kopi meramalkan pejabat kerajaan yang mana satu akan ditutup dan dipindah. Perbuatan sedemikian kurang sihat dan pasti akan menjejaskan imej kerajaan. Dalam laporan akhbar apabila ujian memandu diswastakan nanti, pusat-pusat ujian memandu di bandar-bandar yang tiada

tempat khas untuk mengadakan ujian memandu akan dipindahkan juga seperti Sri Aman ke Kuching, Miri ke Bintulu dan sebagainya.

Memandangkan keluasan negeri Sarawak jarak di antara bandar-bandar di atas adalah terlalu jauh, untuk menduduki ujian memandu dengan harapan dapat lulus dalam satu percubaan, setiap kali seorang pelajar sekolah memandu terpaksa menghabiskan sekurang-kurangnya tiga hari di luar stesenya. Ini termasuk masa perjalanan pergi dan balik dan juga untuk menyesuaikan dan membiasakan diri ke tempat ujian baru. Saya merayu supaya dalam proses menswastakan perkhidmatan kerajaan, mutu perkhidmatan dan kepentingan rakyat haruslah diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan sesuatu, dasar Sungai Rajang semakin cetek, ini menghalang kapal laut singgah di Pelabuhan Sibul. Barang-barang haruslah diimport melalui Pelabuhan Bintulu, sebuah bandar lebih kurang 220 kilometer dari Sibul. Ini telah meningkatkan kos barangan import. Untuk memperkembangkan ekonomi di kawasan di tengah-tengah Sarawak, Pelabuhan Tanjong Manis haruslah dibangunkan dan dipergunakan secara optimum. Justeru itu, saya bercadang satu lebuh raya yang menghubungkan Sibul dan Tanjong Manis dibina secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pengguna jalan raya di antara Kuching dan Miri, berasa gembira dan berterima kasih kepada kerajaan pusat kerana memberi peruntukan untuk menaik taraf jalan raya di antara Betong dan Sarikei. Walau bagaimanapun, kita berharap pihak kerajaan menerusi Jabatan Kerja Raya akan memastikan jalan raya itu yang telah ditender dan dalam proses pembinaan adalah sentiasa dalam keadaan yang selamat untuk pengguna. Kepada rakyat jelata apabila didapati jalan raya berlubang-lubang dan dalam keadaan merbahaya, pihak JKR serta kerajaan sama ada pusat atau negeri tetap dipersalahkan. Mereka tidak peduli sangat atau menghiraukan syarat-syarat kontrak itu.

Tuan Yang di-Pertua,....

**Tuan Yang di-Pertua:** Elok pendekkanlah ya.

**Dato' Ting Check Sii:** Ya, masalah pencerobohan nelayan asing ke negara ini khususnya di Sarawak dianggap serius. Sekiranya aktiviti pencerobohan nelayan asing di Zone Economic Exclusive negara kita berterusan dan tidak dibendung segera, nelayan tempatan dan negara akan kerugian besar. Pemberian lesen dan permit kepada syarikat-syarikat swasta yang kemudiannya menyewa kapal asing dan menggaji nelayan asing haruslah dikaji semula dan dihentikan serta-merta kalau didapati tidak memanfaatkan nelayan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pasaran di seluruh negara, kita dapati ada banyak barangan tiruan, kita dapat beli dengan murah barangan palsu seperti pakaian, ubat-ubatan, cakera optik, alat-alat gantian kenderaan dan lain-lain, ini adalah satu rahsia terbuka. Saya menyokong sepenuhnya usaha kerajaan dalam membanteras kegiatan cetak rompak dan pengeluaran barangan tiruan ini. Namun begitu, saya merayu supaya kerajaan menjalankan tinjauan kenapa rakyat kita lebih suka membeli barangan tiruan yang bermutu lebih rendah. Adakah barangan tulen terlalu mahal ataupun pengusaha-pengusaha tempatan diberi perlindungan berlebihan supaya mereka mendapat keuntungan yang tidak berpatutan. Kita sedia maklum asalkan ada permintaan tetaplah ada bekalan. Oleh demikian semasa memberi perlindungan kepada pengusaha tempatan haruslah kita sama-sama menjaga kepentingan dan hak pengguna khususnya golongan yang kurang mampu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong usul mengucapkan syukur kerana Titah Ucapan Tuanku. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila yang di belakang, Yang Berhormat Puan Chew.

2.52 ptg.

**Puan Chew Poh Thoi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih dan syukur atas Titah Ucapan Seri

Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesepuluh, di sini akan saya kemukakan ucapan saya pula.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak Kementerian Sumber Manusia atas keprihatinan dalam menyediakan pusat-pusat latihan bagi menghasilkan tenaga manusia yang terlatih dalam bidang-bidang khusus. Saya yakin masalah kekurangan tenaga manusia dapat ditangani. Bagaimanapun kajian teliti perlu dilakukan untuk memastikan bidang-bidang tertentu tidak menghadapi masalah tenaga manusia yang berlebihan manakala bidang lain pula menghadapi kekurangan. Pembahagian tenaga manusia dalam setiap bidang perlu setimpal dengan keperluan dalam bidang berkenaan.

Saya berharap perancangan teliti seperti ini dapat meningkatkan produktiviti tenaga manusia tempatan, mengurangkan penggunaan tenaga kerja dari luar negara sekaligus mengurangkan pengaliran mata wang Malaysia ke negara asing. Dengan pembinaan Multimedia Super Corridor, Malaysia kini sedang melangkah ke arah era teknologi maklumat dengan penuh yakin. Langkah bijak Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad untuk membawa kita ke arah teknologi maklumat di mana kemudahan perkongsian maklumat dijadikan lebih cekap. Namun demikian saya dapati pejabat-pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di kawasan luar bandar masih belum dihubungi secara *on line*. Begitu juga dengan balai-balai polis yang juga perlu menyemak maklumat secara cepat dan tepat.

Kemudahan komunikasi yang tepat dan cepat amat perlu dalam kes-kes tertentu terutamanya untuk memastikan maklumat dapat disampaikan serta merta dan dengan mudah. Dengan menghubungkan pejabat-pejabat berkenaan secara *on line*, penelitian dan penyemakan maklumat dari sumber utama yang amat diperlukan dapat dimudahkan. Diharap kementerian yang berkenaan akan mengambil tindakan terhadap masalah ini supaya perkhidmatan yang sempurna dan tepat dapat disediakan kepada rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya berasa amat bertuah sebagai seorang rakyat Malaysia kerana antara banyak kelebihan negara tercinta kita ini, perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan di sini begitu mudah diperolehi dan patut dihargai. Perkhidmatan yang disediakan ini masih boleh dipertingkatkan lagi dari pelbagai aspek. Salah satu daripadanya ialah perkhidmatan penjagaan kesihatan bagi wanita yang semakin lanjut umurnya atau yang menghadapi menopause terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh kerana kurang pendedahan kepada keperluan khusus wanita seperti ini, pusat-pusat kesihatan perlu menyediakan program untuk memberi maklumat kepada kaum wanita supaya mereka lebih prihatin tentang perlunya penjagaan kesihatan khas setelah berumur lanjut.

Selain itu, saya ingin berkongsi pendapat saya berkenaan pemeliharaan alam sekitar. Seperti yang sedia maklum terdapat rakyat Malaysia yang mengunjungi negara China untuk melawat dan menikmati keindahan pemandangan dan alam semula jadi di situ. Malaysia juga dapat menyediakan keindahan yang setara dengan itu di mana terdapat kawasan-kawasan bukit batu kapur yang kelihatan keindahannya. Misalnya di sepanjang lebuh raya berhampiran Ipoh. Sedihnya bukit-bukit batu kapur ini semakin berkurangan akibat kerja kuari yang mencemari pemandangan kawasan tersebut.

Pada pendapat saya kementerian dan pihak yang berkenaan perlu mengambil tindakan untuk memelihara keindahan alam semula jadi seperti itu serta mengusahakan potensi kawasan pelancongan tersebut. Sekian sahaja ucapan saya, terima kasih.

**2.58 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya turut berucap membahaskan Titah Diraja di upacara perasmian Penggal Kedua Parlimen Kesepuluh pada 14 Februari yang lalu.

Titah Ucapan tersebut merangkumi semua aspek pentadbiran negara. Oleh kerana sebahagian besar dari Ahli-ahli Dewan telah menyentuh perkara-perkara besar seperti bidang ekonomi, politik, perdagangan, perpaduan dan lain-lain lagi, izinkan saya untuk menyentuh bidang kebajikan dan kesejahteraan rakyat khususnya rakyat yang agak terpinggir yang masih memerlukan perhatian dan bantuan supaya mereka dapat hidup dalam keadaan yang lebih selesa dan ceria.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih terhadap kerajaan kerana membantu mereka yang tidak bertuah ini dalam hidup mereka. Saya dapati Jabatan-jabatan Kebajikan Negeri memainkan peranan yang utama dalam membantu mereka untuk membolehkan mereka yang terpinggir ini meneruskan hidup mereka secara yang agak lebih selesa daripada apa yang sepatutnya.

Mereka yang saya maksudkan Tuan Yang di-Pertua ialah di antaranya orang-orang tua miskin, golongan kanak-kanak, orang tua kurang upaya, anak-anak yatim, anak-anak yang miskin yang tinggal di luar bandar, ibu tunggal, orang kerdil, mangsa dera oleh suami, mangsa dera kanak-kanak oleh ibu tiri atau bapa tiri. Sebahagian daripada mereka mendapat perhatian yang teliti daripada kerajaan dan kerajaan memberi berbagai-bagai bantuan untuk mereka saban bulan. Tetapi disebabkan kos hidup harian sekarang ini meningkat, kadar bayaran yang diberi pada masa sekarang ini haruslah dikaji semula supaya dapat ditambah dari masa ke semasa.

Sebagai contoh, bayaran bulanan kepada orang yang tua miskin adalah sebanyak RM70 sebulan, tetapi saya mendapat maklum bahawa kadar itu telah dinaikkan kepada RM100 mulai Januari 2000. Terima kasih saya ucapkan. Menyentuh tentang Rumah Seri Kenangan, rumah orang tua yang dibina dan diselenggarakan oleh kerajaan sendiri, saya dapati layanan yang diberi kepada mereka ini agak memuaskan. Walau bagaimanapun, saya ingin menyarankan supaya orang-orang tua ini diberi peluang untuk mendapat kaunseling-kaunseling yang bertauliah supaya mereka ini boleh mendapat nasihat, boleh mendapat ilham supaya mereka dapat keadaan pemikiran yang lebih ceria dan boleh memecahkan kesunyian mereka kerana mereka ini tidak berwaris sepanjang yang saya ketahui. Dan mereka ini tidak sesiapa datang untuk melawat mereka untuk memecahkan kesunyian mereka sepanjang mereka tinggal di rumah-rumah Seri Kenangan ini. Bagi penghuni rumah-rumah Sejahtera pula yang di bawah jagaan badan bukan kerajaan (NGO) iaitu di bawah jagaan Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia, saya dapati sebahagian daripada bangunan Rumah Sejahtera di seluruh negara di dalam keadaan yang agak uzur dan perlu dibaik pulih. Saya dapati melalui pinjaman bank dunia, sebahagian daripada bangunan-bangunan Rumah Sejahtera yang ada sekarang ini akan dibaik pulih. Umpamanya bangunan kayu yang agak uzur akan dibatukan.

Dengan pindaan ini, saya rasa boleh menyelamatkan rumah-rumah ini, umpamanya daripada kebakaran yang boleh mengakibatkan bencana kepada mereka ini dan juga dengan pindaan-pindaan ini akan lebih menjamin lagi keceriaan hidup orang-orang tua yang telah lanjut umur ini yang mendiami, yang menjadi penghuni rumah-rumah ini. Saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan kepada sebilangan orang tua miskin yang berada di kampung-kampung, di pedalaman-pedalaman yang tinggal seorang diri di gobok-gobok buruk dan usang.

Sukacita saya memberitahu Ahli-ahli Dewan bahawa Majlis Pusat Kebajikan, satu badan kebajikan yang ada di Malaysia ini mengadakan satu program yang dinamakan Program Khidmat Jagaan. Mereka yang berminat telah diminta memberi khidmat secara sukarela untuk melawat dan berinteraksi dengan orang-orang tua yang tinggal di gobok-gobok ini. Sukacita saya maklumkan bahawa ada di antara mereka yang melebihi umur 90 tahun yang tinggal seorang diri, laki-laki, yang mereka sendiri menyediakan makanan harian mereka.

Saya tahu semua ini kerana saya sendiri secara sukarela menjalankan kegiatan ini setiap bulan. Apabila saya ketuk pintu-pintu teratak mereka, mereka sambut saya dengan berbagai-bagai cara. Ada yang menitis air mata kerana gembira saya datang menemui mereka, ada yang terus termenung panjang memaparkan derita hidup yang

mereka tanggung, ada yang berjaya mengorak senyum sebagai satu hadiah berharga buat saya. Apa yang saya paparkan ini merupakan satu realiti hidup dalam masyarakat kita.

Bagi mengatasi masalah yang menyayat ini, saya ingin mencadangkan supaya mereka yang berkenaan ini dipindah dan ditempatkan di rumah-rumah Seri Kenangan dan Rumah Sejahtera yang berdekatan. Diharap penghijrahan tersebut akan melegakan penderitaan yang mereka tanggung selama ini. Saya kluatir jika kita tidak bertindak ke arah itu, kita dianggap sebagai mendustakan agama, dari segi Islam sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah dalam Surah Al-Ma'un.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh lagi tentang Rumah Sejahtera, saya merayu kepada kerajaan khususnya Jabatan Kerja Raya supaya dapat mengecualikan bayaran air pada tiap-tiap bulan yang digunakan oleh rumah-rumah tersebut sebagai satu sumbangan yang penting kepada rumah-rumah kebajikan ini. Begitu juga saya berharap pihak TNB (Tenaga Nasional Berhad) supaya mengecualikan bil-bil api yang dikenakan pada tiap-tiap bulan dan begitu jugalah kepada badan-badan yang lain seperti rumah anak yatim, asrama murid miskin, rumah pemulihan mangsa dera dan sebagainya.

Ini merupakan satu pertolongan besar kepada jawatankuasa yang mengendalikan rumah-rumah tersebut kerana setahu saya mereka ini hanya berharap, di samping mendapat peruntukan daripada kerajaan, mereka mendapat sedikit sebanyak bantuan daripada orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kadar bantuan kepada rumah anak yatim juga saya rasa perlu dikaji semula. Tambahan peruntukan rumah tersebut perlu ditambah bagi menampung keperluan harian dan hidup mereka. Biasanya, waris-waris kanak-kanak atau pelajar-pelajar yatim ini, bulat-bulat menyerahkan kepada pertubuhan yang mengendalikan anak-anak yatim – makan minum, pakaian, belanja sekolah, sakit demam, wang saku dan sebagainya. Semuanya terpaksa ditanggung oleh pertubuhan yang mengendalikannya.

Sebagaimana yang saya sebut mengenai orang tua tadi perlunya kaunseling kepada mereka, maka anak yatim lebih-lebih memerlukan khidmat kaunseling. Oleh kerana mereka kehilangan tempat mencurahkan kasih sayang kerana tidak ada ibu dan tidak ada bapa, berbagai masalah timbul. Saya sendiri juga mengendalikan sebuah asrama anak yatim. Apa yang saya dapat ialah anak-anak ini selalu tidak mengikut disiplin, suka merosakkan harta benda asrama, ponteng sekolah, menghisap rokok dan tidak minat terhadap pelajaran.

Tingkah laku mereka sebenar-benarnya menguji kesabaran penyelia, warden dan pekerja-pekerja asrama. Yang demikian saya mencadangkan agar pihak kerajaan memberi peruntukan juga bagi mengadakan kaunselor-kaunselor yang bertauliah bagi membantu pihak institusi tersebut mengatasi masalah-masalah yang saya sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh masalah kanak-kanak, orang dewasa yang kurang upaya, saya mencadangkan supaya bancian secara terperinci dibuat bagi membolehkan pihak yang bertanggungjawab, Jabatan Kebajikan Masyarakat umpamanya, supaya boleh membuat rancangan yang menyeluruh bagi membantu mereka yang memerlukan bantuan ini. Tentulah kita harapkan bahawa orang-orang kurang upaya ini juga harus hidup berdikari untuk mengurangkan beban ibu bapa, masyarakat terhadap mereka.

Peruntukan yang secukupnya saya harap harus disediakan bagi mengadakan sekolah-sekolah khas, guru-guru khas, dan alat-alat pembelajaran yang sudah pasti memerlukan perbelanjaan yang besar bagi mengendalikan masalah orang dan kanak-kanak yang kurang upaya ini. Bagi mengurangkan beban kerajaan, saya rasa masyarakat setempat harus digesa memberi khidmat sukarela mengikut keahlian masing-masing supaya tiap-tiap masalah, bukan semua ditanggung oleh kerajaan tetapi seluruh masyarakat juga bertanggungjawab dalam mengatasi masalah-masalah ini.

Tuan Yang diPertua, izinkan saya untuk menyentuh golongan pesara yang boleh dibahagikan sebagai berikut:

- pesara kerajaan
- pesara guru
- pesara polis
- pesara tentera; dan
- pesara dari golongan swasta

Tidak boleh dinafikan setiap ceruk rantau negara kita sekarang ini, kaum pesara amat ketara bilangannya, bertambah dari setahun ke setahun. Agak dukacita sedikit saya rasa, sebahagian mereka tidak mahu aktif lagi, jemu untuk bertugas. Sesetengahnya hendak tumpukan kepada beribadat sahaja dan tidak kurang juga yang kecewa khususnya pesara-pesara politik yang mungkin tidak terpilih lagi untuk meneruskan khidmat. Alangkah bertuahnya, pada hemat saya, mereka yang berkenaan menceburkan diri dalam kegiatan kebajikan. Dalam pertubuhan-pertubuhan yang sedia ada.

Saya dapat sebahagian kecil sahaja dari mereka yang turut aktif dalam badan-badan kebajikan. Apa yang saya ketahui, hal tersebut menjadi masalah besar kepada badan-badan sukarela. Sebahagian besar daripada badan-badan sukarela tidak dapat berjalan baik kerana tidak ada kepimpinan dan tidak ada sukarela-sukarela yang sudi turut memimpin dan turut memberi khidmat. Saya berharap daya usaha kerajaan barangkali juga harus memastikan pesara-pesara ini diberi kaunseling supaya mereka sedar bahawa masa yang ada pada mereka dalam zaman persaraan mereka itu harus digunakan, harus melibatkan diri dalam kerja-kerja kebajikan.

Dengan cara demikian, masyarakat akan lebih beruntung kerana mereka yang bersara ini mempunyai pengalaman, mempunyai kebolehan dan bagi mereka yang masih awal, masih bertenaga untuk memberi sumbangan. Saya kira berbagai-bagai persatuan, pertubuhan, kelab yang berkaitan dengan kesihatan, kesenian, kebudayaan, bidang sains dan teknologi, pertanian dan sebagainya, harus ditubuhkan demi kesejahteraan masyarakat. Asas yang penting pada hemat saya harus dimulakan daripada peringkat sekolah, di maktab-maktab, seterusnya di IPTA atau IPTS.

Di peringkat sekolah harus mengikuti perkembangan semasa. Umpamanya, pada masa sekarang ini, sekolah-sekolah harus mengadakan kelab kepenggunaan yang amat penting untuk diberi asas pemikiran kepada kanak-kanak di peringkat sekolah.

Kelab komputer, kelab kebudayaan. Anak-anak kita sekarang sudah tidak kenal lagi budaya sendiri, kesenian sendiri dan tidak menghayatinya. Jadi dengan adanya penubuhan kelab-kelab di peringkat sekolah ini, mereka harus diterapkan dengan nilai-nilai yang murni yang ada dalam kebudayaan kita.

Adalah menjadi satu tanda tanya saya mengapa cerdik pandai kita tidak begitu berminat dalam kerja-kerja sukarela. Tidak seperti yang kita tahu bahawa orang-orang Barat suka dengan kerja-kerja sukarela di samping tugas hakiki mereka. Bagi mengatasi kebuntuan ini, saya mencadangkan supaya satu jawatankuasa bagi tiap peringkat ditubuhkan bagi mengkaji sebab-sebabnya dan mengesyorkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi memastikan supaya setiap pesara, cerdik pandai kita meluangkan sedikit masa bagi membantu kerja-kerja kebajikan melalui berbagai-bagai pertubuhan sukarela yang ada di masyarakat kita sekarang. Dengan cara ini saya rasa masyarakat kita akan lebih mantap lagi.

Satu perkara lagi yang saya hendak timbulkan ialah mengenai sejarah pemimpin-pemimpin kita yang mana sebahagian kecilnya dirakamkan ataupun dibukukan untuk bacaan ramai tetapi saya dapati sebahagian daripada sejarah pemimpin-pemimpin ini dikeluarkan dengan jilid yang canggih dan dikenakan bayaran yang agak mahal, setengahnya beratus-ratus ringgit. Saya rasa sejarah-sejarah

pemimpin besar kita ini harus disebar seluas-luasnya ke seluruh masyarakat dengan mengadakan percetakan yang boleh dikenakan bayaran yang agak lebih murah supaya orang ramai sendiri dapat memilikinya. Begitu juga saya rasa sebahagian besar daripada cerdik pandai kita, tokoh-tokoh politik kita, tokoh-tokoh budaya kita tidak begitu berminat untuk merakamkan pengalaman dan pendapat mereka, dan sejarah apa yang telah mereka alami sebagai satu bahan penting untuk dibaca dan diteladani oleh generasi muda.

Saya rasa ini satu perkara yang harus dikaji juga mengapa sebahagian daripada tokoh-tokoh kita tidak memberi masa atau memberi minat untuk menulis sejarahnya sendiri supaya pengalaman-pengalaman yang telah dialaminya itu dapat dibaca dan dikaji oleh generasi-generasi yang lebih muda. Mungkin kita tidak dapat menyalahkan generasi-generasi baru tidak menghayati sejarah dan pengalaman orang dahulu kerana mereka tidak berkesempatan untuk mengkaji pengalaman-pengalaman lama melalui buku-buku. Satu langkah lagi yang boleh dilakukan dengan merakamkan sejarah tokoh-tokoh ini dalam bentuk kaset umpamanya dan kaset-kaset ini diedarkan ke seluruh daerah, di perpustakaan-perpustakaan desa supaya rakaman-rakaman ini dapat didengar oleh muda mudi setempat kerana merekalah yang kita harapkan untuk mengganti kita di alaf yang akan datang.

Mengikut perangkaan, Tuan Yang di-Pertua, alam pembacaan kita amat terhad sekali. Saya pernah membaca akhbar mengatakan hanya beberapa buku sahaja hitung panjang dibaca oleh rakyat Malaysia pada satu tahun. Soal minat membaca ini juga merupakan satu soal besar kerana kita boleh membina tamadun yang lebih bernilai lagi bila rakyat kita suka membaca dan menghabiskan masa lapangnya dengan membaca. Saya juga mencadangkan supaya sebuah jawatankuasa peringkat kebangsaan ditubuhkan dengan tujuan untuk mengkaji, mengapa rata-rata orang kita tidak begitu berminat untuk membaca bahkan ada pernah saya dengar pelajar-pelajar universiti umpamanya apabila mendapat degree, mereka mula kurang membaca dan akhirnya tidak membaca sebagai yang sepatutnya.

Akhir sekali saya mengharapkan sedikit sebanyak saranan dari saya yang terdiri sebagai Ahli Dewan yang agak tertua dalam Dewan ini supaya apa yang saya sarankan itu mendapat pertimbangan. Isu-isu yang saya kemukakan ialah isu-isu kecil. Perkara-perkara besar, isu-isu besar telah disarankan oleh ahli-ahli Dewan sepanjang persidangan ini memang kita akui maha penting tetapi isu-isu kecil yang relevan dengan perkembangan semasa juga saya rasa harus kita anggap sama pentingnya jika kita mahu segala-galanya seimbang dan kemajuan yang kita capai adalah secara menyeluruh.

Akhir sekali Tan Sri Pengerusi, saya menaruh harapan besar bahawa kita tidak hanya menumpukan minat dan usaha kita untuk melaksanakan wawasan masa depan kita yang penuh cabaran tetapi kita harus turut menoleh ke belakang juga untuk mengkaji, menghayati serta menghargai hasil warisan yang dicipta dan dilaksanakan oleh generasi yang terdahulu daripada kita. Warisan yang saya maksudkan itu ialah seperti tempat-tempat bersejarah, bangunan-bangunan bersejarah, alat kelengkapan hidupan kita yang dulu-dulu, khazanah kebudayaan kita dan kesenian kita haruslah dipelihara sebaik-baiknya. Bagi mencapai hasrat ini saya kira satu dana khas harus diwujudkan untuk memelihara warisan sejarah tamadun kita. Ini bukanlah satu perkara kecil. Ianya akan memerlukan perbelanjaan yang banyak. Jadi dana yang khas, yang harus kita dapat dari semua aspek dari negara kita ini supaya dana ini dapat menampung segala perbelanjaan bagi memantap, memelihara, mengekalkan warisan sejarah kita.

Dengan yang demikian, cara itu sajalah yang boleh menjamin bahawa semua heritage atau warisan sejarah peninggalan orang-orang kita yang dulu dapat kita kekalkan supaya warisan-warisan itu dinikmati, dihayati oleh generasi baru yang akan datang di abad-abad yang akan datang. Dengan kata-kata itu Tan Sri Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Terima kasih.

### 3.27 ptg.

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Terima kasih saya ucapkan kerana diberi peluang untuk mengambil peluang dalam perbahasan ini, menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan Barisan Nasional yang telah berjaya membentuk kerajaan juga telah memulihkan ekonomi negara melalui langkah-langkah wajar dan bijak. Dengan kadar pertumbuhan ekonomi yang positif kita telah berjaya mengembalikan keyakinan pelabur-pelabur asing dan juga tempatan dan malahan juga pelabur-pelabur asing telah mula menanam modal dan mula membawa teknologi-teknologi yang canggih ke negara ini. Angka-angka pelaburan dari luar negara sangatlah memberangsangkan seperti diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Syabas kepada Datuk Seri Rafidah dan saya yakin dengan semua indicator ini insya-Allah Malaysia akan meningkat menjadi sebuah negara maju pada abad ke 21 ini.

Tan Sri Yang di-Pertua, kita kini menempuh alaf baru yang mana rintangan yang akan dilalui akan bercorak baru juga yang dijangka mencemaskan dan menakutkan terutama jika disentuh tentang globalisasi dan liberalisasi perdagangan dunia dan implikasinya terhadap negara kita. Topik ini penting untuk memastikan kedaulatan negara dan kesejahteraan rakyat dalam abad yang baru ini. Apa yang membimbangkan ialah apabila rundingan dengan izin, World Trade Organization (WTO) akan menghasilkan satu persetujuan pada suatu masa kelak. Usaha-usaha negara maju untuk mengetengahkan isu-isu tersebut mestilah diteliti dan ditangguhkan sehingga negara membangun sudah betul-betul bersedia. Memang tidak dinafikan akan tiba masanya di mana semua negara ahli WTO membenarkan pelabur asing memiliki kepentingan sehingga 100% dalam semua bidang di semua negara ahli. Sebarang sekatan terhadap pengaliran modal adalah bebas tanpa sebarang larangan atau sekatan.

Kesemua syarat dan kawalan untuk melindungi rakyat dan perusahaan-perusahaan tempatan di negara membangun akan juga dihapuskan. Persaingan sengit akan membuatkan pengeluaran tempatan tidak kompetitif dengan izin, dan syarikat-syarikat dari negara maju akan menguasai pasaran dunia. Malaysia telah pun menjadi signatory kepada WTO dan kita tidak dapat menolak proses globalisasi dan liberalisasi perdagangan ini. Apa yang kita harus buat ialah berusaha sekerasnya membentuk ketidakeimbangan ini dan seterusnya membuat persediaan untuk menghadapinya apabila sampai ketika kita menghadapinya.

Sementara itu negara-negara membangun harus meneruskan peranan penting mereka di peringkat forum-forum antarabangsa supaya globalisasi tidak akan mewujudkan sistem dan struktur ekonomi negara yang tidak adil atau berat sebelah yang hanya menguntungkan negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ekonomi dunia melalui perjalanannya ke arah tanpa sempadan atau dengan izin, *borderless world* teknologi maklumat atau dengan izin, *information technology*, iaitu IT telah dikenal pasti sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara. Rancangan-rancangan dan projek-projek yang berkaitan dengan IT khususnya Koridor Raya Multimedia atau MSC harus dipercepatkan pelaksanaannya kerana pertumbuhan dan perubahan industri ini terlalu pesat dan kita tidak mahu ketinggalan.

Seperti juga industri-industri lain di mana pertumbuhan yang harus diiringi dengan sokongan, syarikat-syarikat IT tempatan memerlukan bantuan dan sokongan yang padu yang membolehkan mereka menjalankan penyelidikan dan pembangunan atau dengan izin, R&D supaya dapat mereka menghasilkan jenama tempatan seperti dengan izin, *software* dan mungkin juga *hardware*.

Untuk syarikat-syarikat yang ingin menceburi usaha-usaha dengan izin, *dot.com* ini memerlukan modal besar di mana perniagaan mereka adalah dengan izin, *global* akan tetapi pulangnya ke atas pelaburan akan hanya dirasai dalam jangka masa yang agak panjang. Maka adalah disarankan supaya dana teknologi atau dengan izin, *technology fund* yang berfungsi sebagai dengan izin, *incubator fund* terutama untuk firma yang masih di peringkat bayi dan masih belum dapat menunjukkan prestasi kerana industri ini ialah industri baru.

Pembiayaan secara *traditional* dengan izin, tidak sesuai. Juga ditambah dengan keengganan institusi kewangan memberi bantuan kewangan kerana mereka mungkin tidak memahami industri tersebut secukupnya. Dana ini yang harusnya khusus dan dikendalikan oleh pakar-pakar IT harus diwujudkan secepat mungkin. Kalau kita lihat negara-negara maju, malahan juga negara seperti Singapura dan Hong Kong, dana tersebut adalah pelbagai. Maka dengan ini juga Bursa MESDAQ juga akan dapat dipesatkan dan dijadikan *global player* dengan izin, yang setaraf dengan Bursa Teknologi Antarabangsa seperti NASDAQ. Setakat ini cuma ada satu syarikat yang disenaraikan di Bursa tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sejak pelancaran MSC dalam tahun 1996, saya rasa sudah sampai masanya kita menganalisa persoalan-persoalan berikut:

- (i) Berapakah bilangan syarikat yang telah memohon taraf MSC?;
- (ii) Antara yang telah diluluskan, berapakah bilangan syarikat tempatan?;
- (iii) Untuk syarikat luar yang diluluskan, berapa di antara mereka yang berkongsi ekuiti dan pengurusan dengan usahawan atau perusahaan tempatan?; dan
- (iv) Setakat manakah pencapaian tersebut berbanding dengan matlamat Perbadanan Pembangunan Multimedia atau MDC?

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana pembangunan ekonomi kita yang sehari demi sehari menunjukkan prestasi yang meningkat dan sementara kepekaan kita dalam menghadapi gelombang globalisasi dan liberalisasi, kita juga perlu jangan lupa memberi tumpuan sewajarnya kepada isu sosial dan kebajikan rakyat. Kita tidak boleh lagi menyalahkan kegawatan ekonomi jika kemudahan dan perkhidmatan sosial kurang memuaskan.

Pertama, kita hendaklah mempercepatkan membekalkan kemudahan-kemudahan pusat asuhan dan jagaan bayi dan kanak-kanak kecil prasekolah yang bermutu di tempat-tempat kerja ataupun di kawasan-kawasan perumahan. Dalam usaha ini, kerjasama kerajaan dan sektor swasta mestilah dijalin dan kedua-duanya sama-sama dipertanggungjawabkan. Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab bagi menguatkuasakan dasar kerajaan mengenai pusat perkhidmatan asuhan dan jagaan bayi dan kanak-kanak kecil mestilah dikenal pasti.

Pada masa ini jika tidak salah saya, tanggungjawab mengenai hal-ehwal dan kebajikan kanak-kanak adalah masih dalam peringkat menjadi tanda tanya.

Kedua, saya dan rakan-rakan di bawah Yayasan Pembangunan Wanita kini bergiat aktif menjalankan projek bagi membolehkan ibu tunggal dan wanita terpinggir mendapat sumber pendapatan. Akan tetapi untuk ibu-ibu tunggal mereka memerlukan lebih dari cuma sara hidup. Mereka memerlukan penyelesaian segera kepada kes-kes undang-undang yang telah sekian lama tertunggak dan memberatkan lagi deritaan emosi akibat keruntuhan rumah tangga.

Saya mengalu-alukan Yang Berhormat Datuk Rais Yatim yang berjanji akan mengkaji untuk melaksanakan sistem Mahkamah Keluarga atau dengan izin, *A System*

*Of Family Courts* sebagai satu usaha mempertingkatkan lagi kecekapan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil untuk menangani kes-kes keluarga. Berkaitan dengan ini NCWO dan NACIWD telah pun mengemukakan kertas kerja asas untuk kajian tersebut.

Ketiga, berkaitan dengan usaha mempertingkatkan kemajuan wanita dalam alaf baru ini, saya ingin menggesa dan menyeru setiap agensi kerajaan dan agensi swasta supaya berusaha mengumpul maklumat dan statistik yang menunjukkan penyertaan dan penglibatan lelaki dan wanita atau dengan izin, *gender-based aggregated data*. Saya sering menerima keluhan bahawa amatlah sukar menyediakan laporan kerana tiada maklumat yang dikehendaki itu sedangkan kalau kita lihat sahaja di sekeliling pejabat-pejabat dan syarikat-syarikat kerajaan dan swasta tidaklah kurang penyertaan wanita di pelbagai lapisan dan jawatan. Lebih sukar lagi untuk mendapatkan maklumat dari sektor swasta.

Oleh yang demikian, saya ingin mengesyorkan supaya satu langkah diambil untuk meminta semua pekerja wanita dan majikan sektor swasta mendaftarkan pekerja wanita mereka dengan jawatan masing-masing. Pendaftaran ini bolehlah dibuat sama ada di Hal Ehwal Wanita (HAWA) ataupun di Kementerian Sumber Manusia. Dengan penglibatan negara kita dalam dunia IT, saya rasa kita tidak boleh lagi mengatakan tidak ada data atau maklumat buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya dengan ini mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okay, Yang Berhormat.

**3.58 ptg.**

**Puan Tan Ah Eng:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, sejak saya dilantik sebagai Ahli Dewan yang mulia ini, telah hampir tempoh tiga tahun, dalam tempoh masa ini, saya bersama tuan-tuan dan puan-puan Ahli-ahli Yang Berhormat, telah dapat menyaksikan beberapa perubahan yang nyata dalam negara kita ini, terutamanya negara kita telah melalui satu tempoh masa yang begitu mencabar terutamanya kegawatan ekonomi yang melanda negara pada bulan Julai 1997. Pada suatu ketika sehinggakan kemungkinan menggugat kestabilan politik, kerajaan dan negara amnya. Akan tetapi kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri dengan kebijaksanaannya dan seluruh barisan Kabinetnya telah dapat mencapai satu kejayaan yang memulihkan ekonomi negara dari kegawatan tersebut dalam tempoh masa yang begitu singkat melalui formula Malaysia yang amat mengagumkan bukan sahaja oleh pakar-pakar ekonomi dalam negara mahupun yang terkemuka di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh masa tiga tahun ini, sebagai seorang wakil dari kaum wanita, saya berasa lebih bertanggungjawab terhadap beberapa soal tentang masalah-masalah kaum wanita khususnya perkara-perkara yang berkaitan dengan perundangan, pentadbiran dan kebajikan hal ehwal wanita.

Saya berpeluang untuk berbincang, berbahas dan menyaksikan beberapa pindaan akta yang berkaitan telah diluluskan. Akta-akta tersebut demi merupakan satu pembaharuan ke arah meningkatkan kedudukan kaum wanita supaya lebih saksama dengan kaum lelaki dalam negara ini dalam apa juga bentuk keadaan dan pentadbiran dalam negara kita ini. Terutamanya perhatian yang sewajarnya telah diberikan kepada beberapa akta yang utama dan penting bagi mengiktirafkan peranan dan tanggungjawab kaum wanita. Pindaan akta-akta berkenaan telah menyatakan hasrat dan kejujuran kerajaan di bawah kepimpinan sekarang dalam menyelesaikan beberapa masalah yang sedia wujud.

Di antara pindaan-pindaan yang telah dibuat dengan merangkumi beberapa aspek seperti berikut:

- (i) Akta Pembahagian (Pindaan) 1997 yang menyatakan kedudukan yang lebih adil dan saksama di antara kaum lelaki dan wanita dalam soal pembahagian harta pusaka; dan
- (ii) Akta Penjagaan Budak (Pindaan) 1999 yang merupakan satu pindaan kepada suatu akta yang lebih lengkap dan sempurna supaya dapat memberikan kaum ibu kepada seseorang anak hak yang sama dengan bapa anak yang berkenaan;

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua akta berkenaan yang berkuat kuasa sememangnya telah menunjukkan satu tahap kejayaan yang telah dicapai oleh kaum wanita selama ini.

Namun demikian, masih terdapat beberapa perkara yang lain masih memerlukan perhatian demi mendapatkan penyelesaian oleh pihak kerajaan khasnya dibawa ke peringkat perundangan untuk diubah, diperbahaskan dan diluluskan serta diimplementasikan pada masa-masa yang akan datang. Di antaranya ialah penamaan waris KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mencapai umur 18 tahun atau lebih, boleh menamakan seseorang yang dipilihnya sebagai waris untuk menerima simpanan KWSPnya sekiranya beliau meninggal dunia. Seseorang ahli digalakkan membuat penamaan bagi memudahkan urusan pengeluaran simpanan KWSPnya. Ahli tersebut biasanya digalakkan menamakan ahli keluarga terdekatnya seperti suami, isteri, anak-anak dan sebagainya untuk menerima simpanannya sekiranya beliau meninggal dunia. Walau bagaimanapun, seseorang ahli digalakkan supaya menyemak penamaannya dari masa ke semasa dan menukar penamanya jika perlu. Penamaan terkini yang diterima oleh KWSP akan dengan sendirinya membatalkan sebarang penamaan yang dibuat sebelumnya.

Bagi seseorang ahli KWSP yang bukan beragama Islam, orang yang dinamakan terus menjadi waris kepada simpanan berkenaan dan akan menerima segala wang simpanan KWSP bagi ahli yang meninggal dunia itu seperti di bawah Seksyen 6 Akta KWSP 1991. Pada umumnya seseorang ahli KWSP atau pencarum KWSP memang berharap dan berhasrat supaya segala wang simpanannya diwarisi oleh pasangan atau zuriatnya seperti suami, isteri dan anak-anaknya selepas mereka meninggal dunia nanti. Malangnya, beberapa kejadian yang berlaku menunjukkan bahawa terdapat pasangan atau zuriatnya yang tidak berhak untuk menerima wang simpanan KWSPnya selepas beliau meninggal dunia.

Perkara ini berlaku hanya pada ketika itu didapati bahawa waris yang dinamakan sebelum ini adalah ibu bapa atau adik-beradik pencarum. Kajian yang telah diadakan berikutan dengan ini menunjukkan bahawa kebanyakan ahli KWSP atau pencarum KWSP ada membuat penamaan sebelum mereka berumah tangga dan selepas itu tidak membuat penamaan baru atau membatalkan penamaan dahulu selepas mereka berumah tangga mengikut Seksyen 7 Akta berkenaan.

Tidak dinafikan bahawa selama ini pihak KWSP memang berusaha untuk mengatasi masalah atau kelemahan ini dengan menyeru semua ahli pencarum KWSP supaya membuat penamaan terkini bagi menjamin pasangan atau zuriat mereka dapat menikmati segala faedah simpanan wang mereka selepas ketiadaan mereka. Akan tetapi perkara ini telah berlarutan dan sering kali timbul masalah seperti tersebut di atas. Pasangan atau zuriat bagi seseorang ahli KWSP telah kehilangan haknya dalam penerimaan wang simpanan KWSP suaminya. Ini bukan sahaja menjejaskan kehidupan masa depan seseorang baru berkenaan malahan masa depan dan peluang pendidikan anak-anak kecil tetap terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, maka dicadangkan pihak KWSP mengambil satu langkah atau tindakan yang lebih berkesan dalam mengatasi masalah ini iaitu mengadakan pindaan terhadap bahagian-bahagian Akta KWSP yang berkenaan iaitu bagi menentukan bahawa waris atau waris-waris yang hanya berhak untuk menerima wang simpanan KWSP seseorang pencarum selepas perkahwinannya adalah pasangannya serta anak-anaknya. Penamaan yang bukan pasangan atau anak-anaknya hanya sah dan laku bagi mereka yang belum berumah tangga sahaja. Oleh yang demikian, sukalah saya mengambil kesempatan ini mengesyorkan kepada pihak KWSP dan juga Menteri Kewangan supaya dapat mengkaji dan meneliti hal ini dan mempertimbangkan untuk mengadakan pindaan terhadap seksyen bahagian tertentu Akta KWSP tersebut iaitu:

- (i) simpanan wang KWSPnya dibahagikan mengikut akta pembahagian pindaan 1997 sekiranya seseorang si mati tidak berwasiat; dan
- (ii) simpanan wang KWSPnya dibahagikan mengikut wasiat yang telah disediakan oleh si mati berkenaan.

Saya berpendapat bahawa masalah seumpamanya ini perlu diatasi dengan seberapa segera dalam memastikan kaum ibu atau balu dan anak-anaknya yang kehilangan suami sebagai punca pencarian nafkah mereka dapat terjamin masa depan mereka. Saya dengan penuh yakin dan percaya bahawa satu cara penyelesaian yang dihasilkan ini akan tetap menamatkan atau mengurangkan masalah dan pertikaian yang timbul selama ini kepada suatu tahap yang minimum.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya ingin hendak bangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah peringkat jelas menunjukkan bahawa kaum wanita yang menerima pendidikan tinggi dan profesional terus meningkat. Sejak kebelakangan ini jumlah kaum wanita yang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi telah melebihi kaum lelaki. Angka tersebut telah menambah dari tahun ke setahun iaitu sebanyak 50.4% pada tahun 1996 kepada 50% pada tahun 1997. Angka tersebut terus meningkat kepada 54.4% pada tahun 1998. Bagi tahun 1998 kaum wanita yang memasuki kelas pra-universiti telah mencapai 65.3%. Ini bukan sahaja merupakan daya usaha dan kejayaan yang telah dicapai oleh kaum wanita malahan juga telah menunjukkan bahawa kerajaan telah mengambil sikap yang terbuka untuk memberi lebih peluang kepada kaum wanita yang berkebolehan dan berpotensi untuk menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi atau universiti-universiti. Dengan erti kata kerajaan, pembayar cukai, kaum ibu bapa dan pihak universiti telah memperuntukkan jumlah kewangan, masa dan usaha untuk memastikan kaum wanita mendapat pendidikan yang tinggi demi memberi sumbangan mereka kepada masyarakat dan negara.

Oleh yang demikian, dalam pasaran tenaga manusia kaum wanita merangkumi, dengan izin, 47% dalam bidang pembuatan. Manakala dalam bidang profesional kaum wanita merangkumi 49% dalam bidang guaman. Ini telah menunjukkan kaum wanita sebagai merangkumi separuh daripada jumlah penduduk keseluruhan mempunyai syarat yang mencukupi untuk memainkan peranan yang penting dalam pelbagai bidang dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, kaum wanita tetap diperlukan dalam sesebuah rumah tangga telah menyekat dan menghadkan mereka dalam memainkan peranan yang lebih penting. Maka usaha untuk menumpukan segala sumber kaum wanita adalah perlu demi perkembangan ekonomi negara.

Saya mencadangkan kiranya kerajaan dapat mengadakan kajian memberi pertimbangan dalam menggubal dasar undang-undang atau peraturan yang sesuai untuk membolehkan segala sumber kepakaran dan keupayaan kaum wanita dapat digunakan dengan sepenuhnya dengan tujuan meningkatkan daya pengeluaran masyarakat dan negara. Hingga setakat ini hanya usaha diadakan untuk menyediakan tempat penjagaan anak atau taman asuhan kanak-kanak di tempat-tempat kerja yang tertentu sahaja. Malahan ia masih merupakan bilangan yang kecil berbanding dengan jumlah kaum wanita atau kaum ibu yang bekerja tidak dapat menampung keperluan

dengan sepenuhnya. Di samping itu keadaan tempat, kualiti perkhidmatan dan kesesuaian bagi tempat atau taman asuhan kanak-kanak berkenaan tidak begitu setanding dan di antaranya kurang memuaskan. Maka cadangan-cadangan di antaranya ialah:

- (i) mengadakan masa bekerja yang lebih fleksibel bagi kaum wanita iaitu membolehkan kaum wanita menguruskan masa mereka supaya dapat lebih menyesuaikan dengan kehendak kerja dan rumahtangganya. Umpamanya masa rehat tengah hari yang lebih fleksibel, masa kerja yang lebih pendek atau sebagainya;
- (ii) mengadakan masa kerja setengah hari sahaja bagi kerja-kerja yang tertentu; dan
- (iii) mengadakan tempat atau taman asuhan kanak-kanak yang lebih sempurna bagi setiap tempat kerja sama ada kakitangan awam atau swasta. Maka kaum wanita yang bekerja tidak perlu membimbangkan tentang masalah mendapatkan pengasuh yang sesuai atau anak-anak mereka terabai.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya merupakan ucapan kali terakhir dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua serta semua Ahli-ahli Yang Berhormat atas segala tunjuk ajar dan kerjasama yang telah diberikan kepada saya sepanjang masa tiga tahun ini. Saya tetap berkeyakinan dan percaya bahawa Dewan ini akan terus memainkan peranan yang penting dalam sistem perundangan negara kita ini sama ada dalam penggubalan dasar dan undang-undang malahan terus memberi pengawasan terhadap segala dasar dan undang-undang demi menjaga kepentingan rakyat dan negara. Sebagai seorang ahli wanita, saya berharap pada masa-masa akan datang dapat diberikan lebih banyak peluang kepada pucuk pimpinan parti bagi semua parti-parti dalam negara ini khasnya parti-parti komponen Barisan Nasional yang memerintah supaya lebih ramai wakil dari kaum wanita dilantik sebagai ahli Dewan ini.

Ini bukan sahaja dapat mencerminkan hasrat kerajaan untuk meningkatkan taraf kedudukan wanita amnya, wakil daripada kaum wanita yang bakal dilantik itu akan memberi pandangan, pendapat serta memainkan peranan yang lebih bernas dan berkesan dalam menyuarakan hasrat, masalah dan keperluan kaum wanita pada keseluruhannya. Sekian ucapan saya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada lagi, Ahli Yang Berhormat hendak bercakap.

**3.57 ptg.**

**Tuan Lim Eng Kok:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucap ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

Di sini saya ingin menyentuh perkara tentang pembelian komputer yang lewat-lewat ini digalakkan oleh kerajaan. Dimaklumkan bahawa ibu bapa boleh membeli komputer bagi anak-anak mereka yang sedang belajar di institusi pengajian tinggi melalui KWSP. Saya ingin mengalu-alukan keputusan kerajaan yang melonggarkan peraturan membolehkan ibu bapa yang mempunyai beban kehidupan yang berat berbuat demikian. Pada saya ini satu langkah yang amat baik. Saya juga ingin menyeru pihak Kementerian Kewangan membenarkan pencarum KWSP yang lain boleh berbuat demikian. Ada ramai di kalangan mereka yang ingin membeli komputer tetapi tidak ada anak-anak yang belajar di institusi pengajian tinggi. Saya juga ingin mengingatkan Dewan yang mulia ini bahawa sekarang ini murid-murid di sekolah menengah dan sekolah rendah juga mempunyai peluang belajar komputer.

Jadi, ini juga akan membantu ibu bapa membeli komputer untuk kegunaan kanak-kanak mereka. Kelonggaran yang diberi oleh kerajaan boleh dilanjutkan kepada ibu bapa-ibu bapa semua. Bagi saya ini akan memanfaatkan anak-anak yang telah mula persekolahan. Pada masa sekarang pihak KWSP pun belum ada sebarang garis panduan untuk pencaerum-pencarum menuntut wang daripada KWSP untuk pembelian komputer. Saya mengalu-alu kerajaan melonggarkan lagi skim ini demi menggalakkan anak-anak belajar komputer. Ini juga akan memberi peluang kepada ibu bapa belajar komputer bersama-sama anak-anak mereka di rumah. Bagi saya ini merupakan satu cara menampung semangat penyayang belajar IT bersama-sama untuk menuju ke arah k-ekonomi.

Di sini saya juga ingin membangkitkan isu perumahan kos rendah untuk golongan yang kurang mampu. Menteri bagi perumahan Yang Berhormat Dato' Ong Ka Ting pernah menyatakan bahawa terdapat kes-kes mismatch dengan izin iaitu pemaju perumahan mendirikan rumah

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada yang minta laluan.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Yang Berhormat, tentang pembelian komputer daripada tabung KWSP ini sepertimana yang telah diumumkan oleh kerajaan dalam meringankan beban ibu bapa dan memberi peluang anak-anak ini memperolehi komputer. Adakah Yang Berhormat setuju sekarang ini hanya KWSP membenarkan yang membuat pengajian ijazah sahaja sedangkan yang membuat melalui diploma tidak dibenarkan. Jadi ini mengelirukan ibu bapa dan sekarang ini rungutan daripada orang ramai patut juga diberikan kepada mereka yang membuat pengajian di peringkat diploma.

**Tuan Lim Eng Kok:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat tadi. Saya mengalu-alukan cadangan ini. Saya agak murid-murid di kalangan dalam kolej yang membuat diploma perlulah diberikan peluang ini untuk dia belajar komputer dengan pencaeruman KWSP. Di sini saya ingin menyambung balik tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang tadi saya sebut. Yang Berhormat Menteri, Dato' Seri Ong Ka Ting pernah menyatakan bahawa terdapat banyak kes-kes *mismatch* dengan izin iaitu pemaju perumahan mendirikan rumah pangsa kos rendah di kawasan yang tidak begitu sesuai. Contohnya ia didirikan di tempat yang jauh ataupun di mana penduduk tidak ramai. Ini akan menyusahkan mereka untuk mencari kerja dan juga terpaksa berulang-alik ke tempat di mana terdapat pekerjaan yang banyak. Lagi pun pengangkutan awam seperti bas mungkin tidak terdapat kerana lokasi perumahan itu terlalu remove dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengalu-alukan para pemaju perumahan selain daripada menjual unit-unit rumah kos rendah, kemudahan lain seperti pengangkutan juga harus diambil kira. Tidak guna membina unit kos rendah di lokasi-lokasi yang tidak diingini tinggal oleh orang ramai. Sasaran untuk setiap keluarga dilindungi atau mempunyai satu rumah ini tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada isu pembantu rumah asing daripada luar negara. Telah kita baca dalam surat khabar tentang kes mereka. Satu soalan yang saya ingin tanya ialah apa telah terjadi kepada masyarakat kita yang nampaknya kurang berperikemanusiaan. Negara kini sedang menuju ke arah IT dan ramai di kalangan rakyat kita di mana suami isteri pun bekerja. Adalah amat penting menjaga untuk menjaga keharmonian rumah tangga, tidak mengabaikan anak-anak dan juga orang tua. Di sini saya ingin memberitahu satu konsep yang diamalkan di Singapore di mana ibu bapa menghantarkan anak-anak mereka ke satu tempat seperti *nursery* dengan izin. Ada juga mereka yang menghantarkan ibu bapa-ibu bapa atau orang tua mereka ke tempat tersebut. Orang-orang tua itu berinteraksi dengan kanak-kanak di tempat itu. Konsep ini adalah nama *three in one* dengan izin. Jelasnya kita tidak perlu pembantu rumah sebab kedua-dua pihak ibu bapa yang uzur dan juga kanak-kanak yang muda semua dijaga dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga boleh mengamalkan konsep seperti itu di negara kita. Ini akan menjimatkan wang bagi negara kita di mana ia tidak akan disalur keluar ke negara asing. Lagi pun orang dewasa boleh bekerja dengan senang hati dan tidak payah risau apa yang akan berlaku di rumah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kanak-kanak *welfare* dengan izin orang tua juga harus diberi perhatian. Tidak ada sebarang insurans di negara kita yang memberi liputan kepada mereka yang mencapai umur 60 tahun. Pada hal inilah saat-saatnya seorang membelanjakan kebanyakan wang untuk kesihatan. Syarikat-syarikat insurans hanya minat memberi liputan kepada mereka yang muda. Saya mengalu-alukan kerajaan untuk mencari suatu jalan menolong orang-orang tua pada peringkat mereka sudah lama menyumbang kepada keluarga dan juga negara. Inilah saat-saat bagi mereka bersara dan menikmati persaraannya. Mereka tidaklah harus bimbang tentang kos perubatan di mana mereka tidak mampu untuk membiayainya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini wujud pertikaian terhadap sebuah pasukan penerjun Malaysia yang kononnya terjun di Kutub Selatan. Pertikaian ini telah mendatangkan kekeliruan rakyat terhadap maksud sebenarnya 'Malaysia Boleh'. Sebenarnya tidak ada satu garis panduan atau peraturan tentang konsep 'Malaysia Boleh' dan keadaan ini telah mendorong orang perseorangan atau kumpulan mentafsirkan sendiri konsep Malaysia Boleh dengan mempamerkan kreatif masing-masing. Kebanyakan daripada mereka memiliki kaedah yang paling mudah untuk menunjukkan kebolehan mereka dengan cara yang singkat dan menggunakan tenaga yang paling senang dengan hanya menunjukkan kekuatan fizikal dengan izin dan mental sahaja. Dengan ini mereka berharap dapat mencipta nama di negara ini dan menunggu imbuhan lumayan daripada pihak kerajaan dan swasta.

Saya ingin tahu sama ada pihak kerajaan telah mengadakan satu garis panduan yang jelas tentang konsep 'Malaysia Boleh'. Jika konsep ini ingin diteruskan saya mencadangkan Malaysia Boleh harus merangkumi semua bidang seperti perubatan, teknologi, kesenian, sukan pendidikan dan sebagainya dan tidak terhad kepada penonjolan kekuatan mental dan fizikal melakukan sesuatu hal. Selain itu pencapaian Malaysia Boleh juga harus mempunyai sumbangan yang bermakna kepada masyarakat tempatan dan junior. Contohnya seorang rakyat Malaysia telah berjaya menemui satu formula perubatan untuk memulihkan penyakit Aids, hasil kajian dan penyelidikan yang teliti dan memakan masa yang panjang. Kita tidak ingin lihat rakyat Malaysia mempunyai sikap bahawa 'Malaysia Boleh' itu boleh dicapai dalam sekelip mata.

Tuan Yang di-Pertua, dalam era tahun 2000 ilmu sains telah berkembang dengan pesat khasnya dalam bidang biologi misalnya, kajian terhadap genetik atau keturunan. Perkembangan ini memang memberi sumbangan yang besar terhadap manusia. Pencapaian ini boleh kita lihat dalam kejayaan klon binatang dan pemelihara organ-organ manusia. Cuma klon manusia belum dapat, tetapi mungkin sudah ada. Negara kita terus mengikuti perkembangan ini sejajar dengan Wawasan 2020 iaitu pencapaian taraf negara maju. Untuk ini kita perlu mempunyai bilangan ahli sains biologi yang banyak untuk mencapai tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar mendapat peruntukan yang banyak untuk mengembangkan bidang teknologi biologi moden dengan menggalakkan latihan sumber tenaga, penyelidikan dan penggunaan, R & D atau Research and Development dengan izinnya dan sebagainya. Saya ingin tahu setakat ini berapa peruntukan telah diluluskan dan bilangan ahli sains biologi tempatan telah dapat dihasilkan dan berapa ahli sains rakyat asing sedang berkhidmat di negara ini. Selain ini apakah sumbangan pihak swasta terhadap bidang teknologi biologi moden di negara ini, dan apakah galakan yang telah diberikan kepada pihak swasta.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh panjangkannya sampai pukul 5.30.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuba memperbahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini kalau tidak boleh pun sampai pukul 5.00 petang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf terlebih dahulu kerana suara saya kurang enak tidaklah seenak Siti Norhaliza kerana saya ada batuk, cuaca tidak menentu, kadangkala memanglah ini kehendak Allah S.W.T. kerana cuaca tidak elok akan tetapi kadangkala disiplin manusia juga begitu. Kadangkala apabila kita kaji balik daripada segi sains bahawa ozon-ozon di negara ASEAN ini sudah hampir hendak habis. Kita tidak bakar hutan kita control orang-orang kita jangan bakar sampah dan sebagainya. Tetapi negara-negara sahabat kita bakar hutan menyebabkan jerebu dan sebagainya, ini juga menghakis ozon.

Negara kita apabila mengisi gas di dalam penghawa dingin menggunakan 'Mesra Alam' tetapi negara rakan di dalam ASEAN kebanyakan masih menggunakan gas yang lama yang menghakis ozon. Saya berharap kepada kerajaan supaya apabila ada sahaja persidangan ASEAN, perkara ini dibawa dalam perbincangan. Walaupun mengenai pembakaran hutan ini telah diperbincangkan berkali-kali di dalam negara ASEAN. Akan tetapi ada beberapa faktor yang penting yang lain tidak dibahaskan dari segi penggunaan gas dan sebagainya yang menyebabkan ozon kita terhakis. Kerana kita tidak boleh menuding secara terus terang sahaja kepada sahabat-sahabat kita di luar negara. Akan tetapi kita harus berpakat dan memberi pertolongan kepada mereka supaya pelaksanaan 'Mesra Alam' ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Baru-baru ini nasib baiklah apabila negara jiran kita berjerebu amat kuat, angin bertolak ke arah utara dan tidak ke timur. Kalau ke timur saya rasa kita semua terpaksa kena balik pakai cekup hidung, dan saya rasa Dewan ini pun tidak dapat hendak bersidang dengan sempurna kerana ada yang selsema, asma dan sebagainya.

Jadi begitulah, saya berharap kepada pihak kerajaan bahawa supaya apabila ada saja sidang dalam negara Asian mengutarakan perkara ini supaya dapat kita laksanakan dengan sebaik mungkin yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, dan apabila kita bercakap saja disiplin, tadi banyak Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini bangun membahaskan, dengan tidak adanya disiplin pegawai-pegawai kerajaan yang tidak menyokong kerajaan, menentang kerajaan, begitu juga penuntut-penuntut yang tidak menyokong kerajaan, yang menentang kerajaan, yang tidak berterima kasih kepada kerajaan dan juga pemimpin-pemimpin yang memimpin kerajaan pada masa ini, tetapi marilah kita bersama kerana masa ada, kita merenung sejauh mana, apa yang harus kita lakukan dan apa yang harus kita mulakan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan yang baru dilantik dan juga Timbalan Menteri yang baru dilantik, Dato' Abdul Aziz, sahabat saya, supaya dapat mendekati penuntut-penuntut ini dengan lebih ikrah, lebih rapat dan lebih mesra, kerana inilah harapan semua rakyat dan harapan kami supaya anak-anak didik kita ini terutama di IPTA dan IPTS dapat kita mesrakan dengan sebaik-baik. Kerana pelbagai persoalan yang timbul pada masa sekarang di antara kita dengan penuntut-penuntut sebagai contoh apabila pilihan raya baru-baru ini ramai penuntut kita pulang, yang berkempen hinggakan pemimpin-pemimpin daripada UMNO menghadapi kekalahan.

Saya rasa, kita harus buat satu progress. Dua hari sudah saya lihat dalam televisyen bahawa negeri Jerman di bawah kepimpinan Nazi – saya tidak minta tuantuan dan saudara-saudara semua dan Ahli-ahli Dewan semua mengikut Nazi tetapi kita lihat bagaimana Nazi melatih anak-anak yang baru lahir yang dinamakan *Arian*. Bukan *alien*, *Arian* ya. *Alien* ini, makhluk asing, ha itu kita tidak boleh jaga. Dan juga, apabila kita lihat Kitbuz daripada Yahudi ataupun Israel. Tetapi jangan kita ikut Israel, saya tidak minta tuan-tuan ikut Israel, nanti parti pembangkang kata, ini salah –

saya tidak minta ikut dia orang, dasar dia orang, dasar dia orang. Akan tetapi kita renung dengan sebaik-baik apa yang dilakukan oleh Kitbuz dan juga Nazi.

Dia melatih anak ini sejak dari lahir. Lahir sahaja sebagai bayi yang baru menelentang bukan meniarap, tidak tahu meniarap lagi, menelentang. Anak ini diambil atau diculik, terpulung keadaan organisasi itu. Macam di Jerman juga diculik – ikut laporan dalam dokumentari, ini keluar dalam televisyen, dalam dua hari sudah. Di bawa ke suatu *nursery*, dan apabila saya lihat televisyen itu, anak-anak ini terlentang semua, dia tidak tahu meniarap, macam anak ulat sahaja. Bukan seorang, bukan dua, berpuluh-puluh, pada masa itulah diberi latihan.

Tetapi saya tidak mintalah kerajaan supaya melatih pegawai-pegawai ini pula hendak jadi macam itu, kerana saya rasa seminggu saja.. Lepas itu pegawai pun minta pencenlah, tentu tidak tahan dia. Tetapi ini anak-anak masih kecil yang masih boleh dilentur perangai dan perasaan mereka supaya cintakan negara, sayangkan bangsa dan menghormati agama. Ini amat penting. Saya akan ceritakan macam mana Kitbuz mendidik anaknya. Bahawa apabila perang dunia kedua, Nazi telah pun membunuh semua kaum-kaum Yahudi ini dalam terowong mautnya, yang menggunakan racun dan sebagainya.

Pada tahun 1945, satu persidangan antara Yahudi telah diadakan. Dalam persidangan (*convention*) itu di kalangan wakil Yahudi dan perwakilan bertanyakan, kenapa dalam 200 orang dalam satu terowong atau 2,000 orang itu tidak ada seorang pun melawan. Kita meredakan diri kita ditembak hingga mati dan masuk dalam gas hingga mati. Di situlah satu rumusan bahawa kita terpaksa bergerak dari sekarang kalau mahukan Yahudi bangun.

Para Ahli-ahli Dewan semua harus diingatkan, jangan ikut Yahudi, saya tidak suruh ikut Yahudi tetapi kita renungkan bersama, itu sahaja. Dan, apabila persetujuan 1945 telah dicapai maka tertubuhlah satu persatuan dinamakan Kitbuz - 'k.i.t.b.u.z'. Saya rasa banyak hadirin di Dewan ini serta Timbalan Menteri pun tahu cerita Kitbuz ini, kerana yang menceritakan pun sahabat kita lama, yang kebetulan dapat melawat ke Tel Aviv.

Kitbuz menubuhkan satu persatuan yang mantap, yang agresif yang mempunyai tujuan iaitu membangkitkan semangat untuk orang-orang Yahudi. Jadi, orang-orang Yahudi ini, pada tahun 1946 di bawa dengan kapal dari Mesir, dari Amerika dan dari Bulgaria, daripada sisa-sisa Jerman lari ke Palestine, masa itulah perang negara Palestine berlaku dan *struggle* lah untuk hidup. Daripada masa itulah Kitbuz membuat gerak-kerjanya hingga berjaya pada masa sekarang.

Pada mulanya untuk menggerakkan satu generasi yang akan datang, yang lebih mantap dan berfikiran agresif, anak-anak yang lahir umurnya lebih kurang 3 bulan, 4 bulan diambil. Katakanlah salah seorang daripada Yang Berhormat ni tidak beri anak, malam dia curi, *kidnap*, culik, dengan izin. Diculik dibawa ke suatu tempat, yang mana tempat itu dikawal oleh pengawal-pengawal khas dan mempunyai jururawat-jururawat yang tidak pernah senyum dan tidak tahu senyum. Jururawat ini semua perempuan bukan lelaki, ibu-ibu, ibu yang agresif, ibu tangannya lembut tetapi hatinya keras. Tangannya memang lembut, membelai, membuat susu dan sebagainya akan tetapi hatinya amat keras, tidak ada siapa yang boleh lenturkan hati-hati jururawat ini.

Dan anak-anak ini, hari pertama, dimandikan, waktu pagi Dimandikan. Bagaimana bayi 3 bulan, cuba ibu-ibu yang ada anak di rumah, anak kecil, bayangkan, masih pakai bedung atau *napkin*, dengan izin. Dan anak ini, diberi susu. Dan, waktu mandi, dimandikan lepas itu diambil *towel* atau tuala atau handuk – kata setengah orang, handuk ini atau tuala ini besar, bukan tuala yang kita pakai, pendek, singkat, ia besar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa panggil handuk ni?

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Handuk, bahasa sebelah Johor, dia panggil handuk, saya pun tidak tahu. Dia orang kata, handuk, ambil handuk. Saya pun pening kepala, garu-garu. Rupa handuk itu tuala, Tuan Yang di-Pertua. Tuala, dia orang panggil handuk. Barangkali orang Jawa kot? Handukkah, dia orang panggil, dak ya? Ada orang panggil handuk, ya ustaz.

Jadi, handuk ini besar, *family size*, anak yang umur 3 bulan ini masih basah dengan air mandinya diletak di tengah dan jururawat yang berhati batu dan tidak pernah senyum ini, ambil sebelah sana seorang, sebelah sini seorang, golek, macam batu giling. Anak ini, cuba bayangkan umur 3 bulan, kita golekkan dalam handuk/tuala tu apa jadinya. Apa jadi, saya hendak tanya, tentu menangis. Menangis, dibiarkan menangislah, sampai kering badan, baru ambil anak ini, dibedungkan, dilipat bedung dengan cantik, dengan baik, dibubuh *body* apa, *cream* kah...?

**Tuan Yang di-Pertua:** *Lotion*.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** *Di lotion* dan sebagainya supaya dia tidak kembang dan sebagainya, dikenakan baju, ditidurkan dan bagi susu. Hari pertama sahaja jururawat ini mengajar bagaimana hendak memegang botol susu dan hari kedua apabila terjatuh botol susu ini daripada pegangan, dia akan dapat botol susu lagi empat jam selepas itu. Kalau di rumah macam mana hendak buat kepada ibu semua? Saya hendak tanya Yang Berhormat di sebelah saya, kalau anak itu jatuh botol susunya, apa yang dibuat? Tolong ambilkan? Ha, tolong ambil bagi, “Nah, sayang, ala jangan jatuh lagi.” Akan tetapi Kitbuz tidak buat demikian. Jatuh botol susu itu, sudahlah jatuh menangislah kelaparan kamu sehingga empat jam yang akan datang. Hari yang kedua jatuh lagi, menangislah dia. Hari yang ketiga insya-Allah, botol susu itu tidak akan jatuh, dipegangnya hinggalah satu nyanyian keluar. Puting botol itu berbunyi ‘sherqit, sherqit, sherqit,’ ha itulah bunyi da. Pernah dengar botol susu kosong, berbunyi atau tidak? Berbunyikan! Ha, itulah nyanyian-nyanyian Kitbuz yang pertama bayi-bayi Kitbuz dilatih oleh orang-orang Israel. Dan apabila anak ini sudah boleh meniarap, bukan merangkak, meniarap sahaja, merangkak tetapi sedikit sahaja. Apa kata orang kita, ibu kata ‘menjalar’kah, menjalarlah, dia bukan merangkak, dia berdiri, tinggi sedikit daripada menjalar itu.

Apabila anak ini boleh menjalar, tidak dimandikan di dalam bilik air yang bercurah, dimandikan di dalam takungan yang luas dan airnya enam inci isi air. Ini bukan cerita kosong, bukannya dongeng, bukannya rekaan pengarang-pengarang yang buat macam cerita Sang Kancil apa, bukan! Ini cerita betul. Air enam inci itu dibubuh anak-anak ini, 70 orang atau 80 orang mandi, disusun dalam itu mandi. Bayangkanlah anak-anak ini mana yang tahu merangkak sedikit tekan kepala kawan, terhisap air dalam takungan, insya-Allah badannya akan lebam hijau dan dia pun akan mati lemas.

Dalam 70 atau 100 nursey itu barangkali mungkinlah ada yang tidak selamat, bukan semuanya selamat akan tetapi lebih agresif anak-anak ini apabila ditekan kepalanya, bila dia lemas kepalanya akan timbul. Ini paling penting untuk masyarakat Melayu, untuk masyarakat Malaysia, untuk masyarakat kita, paling penting kita kaji balik. Apabila dia tahu kawan hendak tekan kepala, dia sudah tahu melawan sehingga dia boleh merangkak dan boleh berjalan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian usahlah bimbang, ibunya akan diberi nombor di tangan dia, kalau nombor 37, 37lah. Hanya seminggu sekali diizinkan melawat anak-anak yang kecil itu, tahulah, kalau David itu Davidlah. Tengok nombor 37 minggu itu tidak ada, habislah itu, anak kita habislah, tidak ada anak lagi dah, anak itu sudah padam. Jadi, hinggalah dia boleh duduk dan berjalan, dilatih semacam itu.

Begitu juga kalau dia berak atau kencing dalam napkin dia dibiarkan hingga mandi yang akan datang. Kita kalau kencing, macam mana ibu-ibu semua buat? Merengek sahaja, “Alah, basah lampin, mari-mari sayang, mari sayang, mari mak betulkan.” Jadi, di dalam persoalan ini dia tidak ada – sehingga mandi yang akan datang. Kalau mandi jam 8.00 pagi, dia kata mandi jam 1.00, jam 1.00lah dia akan

jumpa napkin yang baru. Bayangkanlah kencing basah dengan berak itu semua, duduk dalam buaian, macam-macam derita yang ada.

Akan tetapi apabila mereka sudah besar, sudah boleh berjalan dan bercakap, mereka mula bergerak secara agresif. Waktu pagi dia beri senaman dan sebagainya, dia beri makan dan sebelum pergi kelas, cuci dahulu peluru Rifle M.16 atau dulu Mark 3 atau 303 punya Rifle yang dahulu tentera kita pakai. Cuci bagi kilat peluru itu. Cuma dinasihatkan oleh jururawat, "Jangan kamu telan, ini peluru senapang, akan mati kalau kamu telan." Dikilat elok-elok dan dia kata, "Inilah gunanya peluru ini untuk kamu hidup dan membunuh musuh." Anak-anak ini hari-hari dia cuci – satu brasso, satu kapas, hari-hari dia cuci, berkilat-kilat peluru. Itu semangat ya, menaikkan semangat.

Bayangkanlah anak yang baru lahir dilatih dan apabila dia besar dan jangan terkejut apabila peperangan dalam tahun 80-an di Lebanon, ada sebuah bas yang ditahan oleh komando-komando Kitbuz yang umurnya hanya 10 tahun – 10 tahun sahaja dan ibu yang mengandung di dalam bas itu – ibu-ibu kaum Arab ini dibunuh, dibelah perut dan dikeluarkan anak. Ini bukan kerja komando yang berumur 30 atau 40 tahun – komando yang hendak pencen, bukan! Komando yang baru berumur 10 tahun sahaja – sanggup, berani membunuh musuh, tidak kira perempuankah atau apa, dia belah sahaja perut, 44 orang mati dalam bas di Tyre pada tahun 1984 di Selatan Lebanon. Bayangkan! Umur 10 tahun!

Begitu juga Arian, Arian dilatih dalam tahun 1930-an sehingga 1935 hinggalah tahun 1940. Bagaimana Nazi yang masa itu belum lagi diketuai oleh Hitler sehingga Hitler berkuasa. Bagaimana anak ini diculik, kita bayangkanlah bergolek semua memakai napkin pendek itu, dengan badan yang sejuk dan sebagainya – dilatih sehingga menjadi satu komando yang paling baik dalam troop tentera Hitler.

Saya rasa sampai masanya satu hari nanti kalau masyarakat Malaysia dan kaum Malaysia mahu bangun, kita pun kena buat macam itulah. Kerana apabila Kitbuz sudah latih orang ini, sudah jadikan tentera dan sebagainya, dia sudah pergi jadi tentera, mana yang agak bodoh sedikit dia jadi tentera. Mana yang pandai dia hantar ke universiti, dia tidak mengaji di Tel Aviv – Harvard University, first choice dia. Bankers-bankers di Amerika itu yang berketurunan Yahudi yang separuhnya pakar-pakar ekonomi, yang CEO menjalankan bank-bank kepunyaan Yahudi di Amerika adalah anak buah Kitbuz yang dilatih di Tel Aviv, termasuk Bank Rockefeller, itu juga di dalam itu ada Yahudi Kitbuz Kita tidak boleh menuding tangan sahaja kepada Yahudi. Kita lihat bagaimana dia membangun tetapi saya tidak suruh kita ikut dasar dia. Kita fikir bagaimana kita melatih masyarakat kita di dalam negara kita supaya dapat menjadi satu masyarakat berguna.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita harus memikirkan jalan yang paling baik untuk melatih masyarakat kita. Bagi diri kami tidak lama, jangka masa umur kita memang terhad dan sebagainya tetapi generasi yang akan datang, kalau tidak tahu menghormati ayah dan ibu dan tidak menghormati orang tua, saudara-mara dan sebagainya, apakah akan jadi negara kita yang kita bangun di bawah pelbagai dasar, di mana ekonominya amat baik dan mantap. Suatu hari nanti, kita kaya dengan kewangan tetapi kita miskin dengan kebudayaan dan kita miskin dengan adat dan tata-tertib.

Percayalah cakap saya, kalau umur kita panjang nanti, kita perhatikan 10 tahun atau 15 tahun yang akan datang sahaja, tidak usah lama, tidak usah kita tunggu generasi yang akan datang 20 tahun atau 30 tahun yang akan datang, 15 tahun sahaja anak Ahli-ahli Yang Berhormat semua sudah membesar, sudah menjadi orang muda, di situlah baru kita dapat menilai betul atau tidak betul cakap kita pada hari ini. Kerana apabila mereka tidak dapat menilai harganya orang tua mendidik mereka, itulah jadi di negara jiran yang tadi baru Yang Berhormat cakap di sana orang tua pun dihantar ke nursery juga kerana sudah tidak lalu hendak bela, hantar ke tempat rumah orang-orang tua.

Saya penuh keyakinan bahawa kita dalam Dewan ini pun juga esok ramai yang dihantar ke rumah orang-orang tua. Apabila sampai masanya kerana anak kita

sibuk dengan kerja, sibuk dengan kewangan dia, sibuk dengan pelbagai, jadi ayah ini pun sudah merepek, emak pun sudah nyanyuk, pakat adik-beradik, hantarlah orang tua ini ke rumah orang-orang tua. Tidak usah cakap Cina, India – Melayu, serupa! Akhir-akhirnya tokoh-tokoh yang ada dalam Dewan ini besok janganlah sampai ada di rumah orang-orang tua.

Begitu juga mungkin, ini mungkin, apabila kita mati besok, depa hendak baca .....hendak baca apa ini.....hendak buat kenduri.....tahlil, jangan-jangan depa kata, “Tak senanglah, you datang ke Concord ini, I baca tahlil kat you.” Pasti, “you datanglah, I ada di Renaissance ini, you datang ke Coffee House bawa kawan tiga, empat orang,” “Tok Imam kita ada?”, “Ada”, “Tok Imam, mai sat, orang tua saya sudah 100 hari, turun batu belum lagi”.

Ini harus kita fikirkan dari hari ini kerana kita sendiri telah meninggalkan budaya kita hari ini pun kita tinggal budaya. Saya kadang-kadang sedih, apabila kenduri sahaja, saudara pak long, mak long yang datang dia seorang sahaja dengan isterinya. Itulah dua, terhegeh-hegeh, anak tinggal belakang. Bila anak diajak: “Huh, tak mahulah, ayah pergilah seorang.” Saya tidak kata orang, saya sendiri pun begitu juga. Kalau saya kata semua Ahli Dewan ini mungkin tidak betul, saya sendiri pun begitu juga, bila heret anak: “Ha, pak pergi soranglah.” Tahan dia makan mi maggi di rumah kerana kita telah lupa budaya bahawa zaman kita kecil dahulu apabila saudara mara kita kenduri mahupun orang Cina, mahupun orang India, mahupun orang Melayu, kita bawa anak. Ini awak punya ‘mapelei’, bukan macam itu, dengan izin, kan kenalkan. Jadi, kita kenallah. Tetapi ini masalahnya sekarang budaya kita, kita tinggalkan.

Itulah sebabnya apabila saya dahulu berucap di dalam Dewan yang mulia ini, saya mohon maaf, saya ulang balik, apabila sampai hari raya ada anak-anak yang bekerja di Kuala Lumpur berpangkat tinggi, jadi pengarah-pengarah jabatan, tidur di hotel. Inilah timbul kacang lupakan kulit ini. Kotak mancis api dia boleh jaga anak 75 batang, anak mancis 75 batang tidak boleh jaga kotak satu. Timbul nanti. Tidur di hotel, penuh hotel itu. Telefon, ini ha bilik, huh hari raya.

Saya menyeru kepada kementerian supaya kita memberi kesedaran kepada masyarakat supaya mengasihani orang-orang tua kita, emak kita yang melahirkan kita.

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih diberi laluan. Hendak tanya Yang Berhormat Tuan Mustaffa, saudara Yang Berhormat semasa berada di Kuala Lumpur ini? Yang Berhormat tidur di hotelkah ataupun tidur di rumah saudara? Terima kasih.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk, saya ada saudara di Kuala Lumpur ini tetapi semasa jadi Ahli Dewan ini masa inilah hendak berseronok sedikit, hendak act sedikit. Kerana satu malam RM230 elaun hotel, jadi kata kawan-kawan tak pakai tak elok, kena pakailah. Jadi, kita pakailah RM230 ini, lepas ini besok, insya-Allah, dah tak ada jadi Yang Berhormat, dan tidak ada RM230 semalam itu, tidur rumah adik beradiklah, hendak buat macam mana lagi? Terima kasih Yang Berhormat Datuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Ya, betul itu Tan Sri. Ya, betul tidur di rumah saudara bagus, alhamdulillah.

Jadi, di situlah budaya kita harus kita pelihara, kita ingin mengingatkan kepada para generasi muda yang pada masa sekarang yang mungkin dalam umur 30 tahun atau 40 tahun supaya mengambil sikap, mengambil kira budaya. Agama kita junjung, agama jangan dibimbit, sekali-kali tidak boleh, agama dijunjung, dihormati agama dan budaya dibimbit atau dikendong, selamat dunia dan akhirat. Tetapi kalau saja budaya dijunjung, agama dibimbit – tak jadi. Agama dijunjung, budaya dikendong, insya-Allah.

Pelbagai masalah yang kita hadapi pada masa sekarang kita lihat sahaja bagaimana sengsaranya orang-orang tua terutama saya nampak ibu-ibu tunggal, bukanlah saya ini menggatal kerana hendak cakap ibu tunggal ini, akan tetapi tadi Yang Berhormat Datuk Nor Azah ada berucap, tadi mengenai HAWA dan sebagainya. Memang kita prihatin kadangkala ibu tunggal ini tidak penuh perhatian daripada kerajaan, kadangkala terpaksa menjual kueh dan sebagainya, anak lima, enam orang hendak tanggung, suami sudah tiada, kadang-kadang paling sedih suami itu tinggal dan hilang ghaib begitu sahaja, kabur dan tidak nampak, dah jadi bapa penyu kata mereka. Itu HAWA punya tuduhan dahulu, mula-mula sekali HAWA ditubuh, janganlah jadi bapa penyu kata dia. Jadi bapa penyu ini sudah hilang, tinggallah emak penyu mencari makan.

Jadi, saya mengharapkan, saya menyokong bahawa saranan daripada HAWA supaya ibu tunggal ini kita beri perhatian. Kita lihat bagaimana di negara-negara jiran seperti Jepun dan juga ibu-ibu tunggal ini diberi perhatian yang baik. Mereka diberi pekerjaan yang sempurna setaraf dengan kemampuan dan kelayakan mereka supaya mereka dapat menjalankan kehidupan mereka seharian. Itulah apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad melawat ke Jepun yang 'satu kampung satu produk', kebetulan selepas lawatan itu lebih kurang 30 hari, sebulan lepas dia pulang, kami di negeri Perak menyusul ke Jepun iaitu dinamakan satu tempat Oita. Oita ini merupakan satu bandar yang bukan besar – kecillah, akan tetapi di situ dipenuhi oleh nelayan-nelayan. Bagaimana nelayan Jepun hidup aman dan damai dalam cara hidup yang terlalu moden. Setiap rumah ada komputer, bukannya komputer main-main, pakai lap top ada di rumah mereka. Kerana di situ juga kaum-kaum ibu ini diberi peranan dalam 'satu produk satu kampung'.

Pada mulanya ideanya 'satu produk satu kampung' ini dia buat sos daripada ikan untuk dijadikan satu sos untuk dijual, mula dijual dalam kampung-kampung sahaja, lepas itu sampai boleh dieksport, itulah kerjanya suri-suri rumah atau kaum-kaum ibu tunggal tadi yang tinggal di perkampungan nelayan itu hingga berjaya menubuhkan satu kilang yang mengeluarkan berjuta-juta botol sos itu pada setiap bulan. Saya melawat kilang yang tersebut dan amat berjaya dan itulah sebabnya Perdana Menteri kita menyarankan bahawa 'satu produk satu kampung'.

Pada masa sekarang, saya rasa kerajaan belum lagi melaksanakan, saya berharap kepada pihak kerajaan terutama Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya 'satu produk satu kampung' ini dilaksanakan dengan secepat yang mungkin yang boleh. Saya rasakan ekonomi negara pada masa ini telah mengizinkan, apa salah kalau belacan – belacanhlah, kalau cencaluk – cencaluklah, kalau kicap – kicaplah, kalau budu – budulah, Tuan Yang di-Pertua. Tidak jadi masalah. Kerana budu pun bukan sahaja orang Kelantan, orang Perak pun beli budu, saya pun makan budu. Memang di rumah saya ada cencaluk pun saya beli kerana kalau saya pergi ke Melaka dengan Kelantan kalau tidak bawa balik yang itu, dia tanya: "Ke mana pula pergi ini?" Jadi, hendak jawab soalan itu saya susah. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat soal saya, saya boleh jawab, tetapi kalau yang di rumah itu tanya kenapa tak bawa balik budu, saya susah hendak jawab, gagap sedikit. Silap-silap kita teruklah!

Jadi, produk-produk yang demikian, kita perlu untuk satu-satu kampung itu mempunyai produk. Nombor satu paling senanglah, wanita, saya minta maaflah menyentuh wanita, Ahli Yang Berhormat wanita, bedak sejuk siapa yang buat? Kalau di Perak itu bedak sejuk di import daripada Thailand, daripada Betong, daripada Yala, bubuh dalam plastik besar itu sampai di Ipoh itu dia isi dalam botol – packaging, lepas itu dia jual, dia kata produk dia sendiri, dia beli. Apa salahnya ibu-ibu tunggal ini di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar kita beri usaha buat bedak sejuk, segantang beras bedak sejuk boleh menghasilkan berpuluh-puluh ringgit, bukan RM30 tetapi lebih RM30, bayangkanlah. Sebotol itu RM2, botol plastik, bukan botol kaca. Tetapi sekarang memang Perdana Menteri menekankan supaya perkara ini dilaksanakan dengan sebaik mungkin yang boleh. Ini peranan kita pemimpin-pemimpin supaya melaksanakan industri ini. Bedak sejuk palinglah mudah, pakai pula itu, setiap malam pakai, Ahli Yang Berhormat ini saya tahu, mereka beli, dia ingat di

Kuala Lumpur, rupa datang dari Betong datangnya itu. Memang betul, tetapi ialah mana ada masa orang Kuala Lumpur ini hendak buat bedak sejuk? Kenalah orang-orang kampung, itulah sebabnya 'satu produk satu kampung' itu amat perlu kita laksanakan dengan segera.

Saya minta Kementerian Pembangunan Luar Bandar membincangkan dengan Kementerian Kewangan mencari peruntukan, laksanakan, yang di Terengganu lihat buat mengkuang cantik, tetapi mengkuang itu tidak sampai pun ke negeri Perak, habis dijual di Terengganu sahaja, tak sampai. Hendak pergi beli topi mengkuang terpaksa pergi ke Terengganu, Ipoh tidak boleh dapat pun. Itulah kita kena memikirkan kerana Ahli-ahli Yang Berhormat ini banyak idea, memang banyak idea, tempat dia memang banyak produk ini, produk itu dan sebagainya. Kita boleh laksanakan pelbagai produk dengan keropok ikan, keropok udang dan sebagainya, sagu. Sagu yang besar-besar itu yang ada dijual di Kelantan, di Sarawak pun tidak ada Yang Berhormat, minta maaf. Sarawak dia buat sagu yang halus, saya hendak beli sagu yang kasar, saya pergi Kelantan, balik saya beli, isteri saya dia kata: "Kalau pergi ke Kelantan, jangan lupa beli sagu yang kasar." Saya pergi ke Sarawak, dia tanya saya: "Adakah sagu kasar di Sarawak?" Saya kata: "Tak ada!" "Mengapa orang Sarawak tidak buat?" Saya kata: "Tak tahu, tanya orang Sarawak!" Jadi, itu satu daripada .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, orang Sarawak hendak jawab.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Minta izin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi laluan kepada saya. Saya ingin menjawab teguran Yang Berhormat tadi yang mengatakan tidak ada sagu besar di Sarawak. Mungkin Yang Berhormat pergi ke Kuching sahaja, sepatutnya jelajahlah seluruh Sarawak dahulu baharu tahu dapat sagu yang besar, mungkin lebih besar daripada itu pun ada.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Yang Berhormat, kerana saya sebetulnya pergi ke Kuching sahaja tetapi Pasar Tamu itu sudah habis saya jalan, naik sakit kaki saya, pasar besar pun saya pergi, tidak jumpa. Jadi lain kali besok, bila sampai sana pun Yang Berhormat selalu tunggu kami, kita mintalah dia supply dahulu, mana sagu yang besar dia kata mungkin ada besar guli pun ada. Allhamdulillah, kena dua biji kenyanglah.

Kita ini pun masa panjang lagi, 45 minit lagi, ini lama long rely, saya terakhir ini memang, kalau tidak cukup angin memang tidak boleh lari jauh. Saya ingin mengulang balik satu produk satu kampung. Banyak boleh kita laksanakan tetapi masalahnya sekarang juga kita lihat kita kekurangan tanah dan sebagainya. Macam kerepek pisang juga, KEMAS ada merungut kepada saya, dia kata kami memang produk kami diperlukan oleh supermarket, pasar raya dan sebagainya. Akan tetapi hendak mencari bahan mentah itu dia kata naik pening kerana susah hendak cari bahan-bahan mentah seperti ubi dan sebagainya.

Jadi saya minta Kementerian Pertanian memikirkan cara mana bahan mentah ini dapat dengan cara yang agak harganya berpatutan kerana kerepek ubi dengan kerepek pisang ini merupakan satu bahan yang dirasakan sudah ada pasarnya pada tiap-tiap hari kerana bukan sahaja kita pasarkan dalam negara malah Hong Kong, Jepun juga telah membeli produk-produk kita pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong sedikit saranan daripada Datuk Ting Check Sii tadi mengenai pengurusan perhutanan negara. Dia beritahu 'ramin' 60 tahun dan serangan 'batu' ataupun di sini dipanggil 'balau', red balau, yellow balau, makan seratus tahun. Kita mempunyai sumber kewangan dari luar negara yang amat baik daripada International Tropical Timber Organization (ITTO) yang beribu pejabat di Jepun dan juga JAIKA juga daripada Jepun. JAIKA ini memainkan peranan yang amat penting saya berterima kasih kepada pihak Kerajaan Jepun yang memberi grant kepada kita, dua tahun sudah RM10 juta yang telah dilaksanakan. Akan tetapi saya lihat ITTO ini tidak bergerak begitu pantas di negara kita. Ia menumpukan kepada Indonesia dan juga Filipina dan begitu juga kepada Kementerian Perusahaan Utama supaya berunding lebih kerap dengan ITTO, supaya memberi peruntukan yang lebih

baik kepada negara kita kerana hutan kita mahu tidak mahu, makin lama makin kecil dan peruntukan kuota tahunan tebangan makin lama makin kecil.

Kita sekarang, kita telah pun mengimport kayu daripada luar negara 20% dari keperluan kita, 20%. Kalau tidak percaya kita boleh semak dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Di Pelabuhan Klang boleh dikatakan tiap-tiap hari ada tongkang ataupun kapal kecil mendarat, tiap-tiap hari bawa kayu yang telah digergaji, di Melaka di Umbai, dan sebagainya dibawa kayu balak yang kecil dibawa daripada negara jiran. Itulah sebabnya ITTO dan JAIKA ini amat penting pada negara Malaysia, menjalankan peranan penting supaya membangunkan balik hutan kita supaya dapat kita manfaatkan untuk generasi yang akan datang kerana kayu saya lihat sekarang kalau kita buat rumah daripada batu konkrit atau batu bata lebih murah daripada buat dengan papan. Rumah yang menggunakan kayu kayan sekarang merupakan rumah yang mewah dan tidak ada harga yang murah.

Kayu getah juga, saya dahulu sering menyarankan kepada Kementerian Perusahaan Utama di bawah Jabatan Perhutanan Negara supaya menanam hutan getah, rubber tree forest. Perancangan ini telah lama diperbincangkan tetapi tidak ada satu pun dilaksanakan oleh kementerian sehingga sekarang kerana mungkin tidak ada kewangan dan sebagainya atau peruntukan kerana hutan getah ini amat perlu kerana tadi saya waktu minum tadi berbincang dengan Ahli Yang Berhormat dari Terengganu bahawa dia kata kayu getah sudah mahal. Itupun kita kawal, kita tidak beri eksport ke Taiwan, Jepun, Hong Kong dan sebagainya. Kalau kita beri eksport mungkin menyampai ke RM1,100 bagi tiap-tiap meter padu. Tetapi sekarang Alhamdulillah kerana kita melindungi industri perabot negara kita, pada dasarnya sekarang harga kayu getah adalah RM700 bagi tiap-tiap meter padu. Amat baik.

Dalam satu ekar tanah boleh kita tanam getah sebanyak 160 atau 180 pokok dan boleh menghasilkan sehingga 50 - 60 cubic meter. Jadi ini satu pendapatan yang lumayan dalam jangka masa 25 tahun. Di samping itu juga di dalam ladang hutan getah ini kita boleh tanam dengan rotan manau dan sebagainya kerana rotan sekarang di Malaysia ini, di Semenanjung sendiri rotan memang sudah habis, anak rotan pun habis. Saya rasa Yang Berhormat Datuk Long Jidin rasa lebih maklum perkara ini, orang-orang kita sendiri bagi masyarakat teman kita Orang Asli pun susah hendak dapat rotan.

Jadi kita perlu tanam dalam hutan getah ini, ia akan mendatangkan satu hasil yang lumayan. Saya pun tidak tahu harga manau berapa sebatang, tetapi saya rasa menjangkaulah, kalau sudah siap diawet dan sebagainya menjangkau belas ringgit sebatang, sepanjang sembilan kaki atau tiga meter.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi Jabatan Pelancongan ini saya rasa biarlah bergerak dengan lebih baik. Saya kadang-kadang kasihan juga melihat menteri, menteri ke hulu ke hilir hendak promosikan pelancongan kita. Kadangkala sukar untuk melaksanakan kerana kita tidak mengambil perhatian. Baik kata tadi Ahli Yang Berhormat dari Perlis sedangkan buku-buku pemimpin kita pun tidak pernah ada yang tersusun, adalah satu dua pemimpin-pemimpin kita yang mempunyai buku sedangkan pemimpin-pemimpin lain tidak ada.

Begitu juga kita menyarankan supaya rumah-rumah pemimpin negara dikekalkan, rumah macam di Johor banyak rumah tua-tua kepunyaan pemimpin-pemimpin negara, macam rumah Allahyarham ayahanda kepada Datuk Syed Hamid, Tan Sri Syed Jaafar Albar dan juga rumah Tun Dr. Ismail, di Perak sudah habis rumah Tok Gantang, tidak ada. Itu semua pejuang kemerdekaan kita dan banyak lagi di Pulau Pinang pun saya nampak rumah-rumah kepunyaan keluarga diraja penuh dengan semak samun di Jalan Burma kah, telah pun menjadi pusat orang hisap dadah waktu malam, pagar dibuat, dia ikut belakang dan tidak ada....

Saya minta kerajaan-kerajaan negeri dan Pusat bekerjasama supaya pelancong-pelancong dalam negeri dan luar negeri tahu ini rumah pemimpin kita. Saya pun juga minta daripada kerajaan dan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan yang

telah membuat Putrajaya dengan begitu mewah, cuma parti pembangkang sahaja yang suruh lelong semua, saya bukan hendak mengusik, ini cerita, dalam surat khabar saya baca. Tetapi sebenarnya di situlah lambang kepimpinan, lambang bagaimana empayar kita memerintah dan saya minta kepada pihak kerajaan tanah-tanah yang tinggal oleh kerajaan di dalam bandar Kuala Lumpur ini kita kaji balik untuk pembangunan. Saya risau Dewan yang mulia ini esok satu hari diruntuh, kita tidak ada Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita sudah habis. Sampai 20 tahun lagi besok, sudah tidak guna bangunan ini, runtuhkanlah.

Jadi kita minta kepada kerajaan supaya mewartakan bangunan-bangunan berbentuk demikian supaya dijadikan bangunan yang berbentuk heritage, maknanya tidak boleh dibongkar dan hanya boleh diperbaiki, saya risau. Saya dengar cerita Stadium Merdeka kita sudah mula ada pihak swasta yang angin-angin hendak mula ambil alih.

Saya bagi diri saya, saya tidak setuju. Bukan saya menghalang orang hendak buat duit, tidak. Tetapi banyak cara lain. Stadium Merdeka ini kita kekalkan, di situlah kita melaungkan merdeka. Tidak ada sebab dan musabab tanah lain tidak boleh dibangun, hanya Stadium Merdeka boleh dibangunkan. Dengan hal yang demikian, hari ini kita rekodkan ucapan kita dalam ini supaya yang berbentuk kemerdekaan, Dewan Negara, Dewan kita ini dan juga Stadium Merdeka kita dikekalkan abadi kerana saya kasihan melihat Keretapi Tanah Melayu, apabila sahaja dia genap 100 tahun, sibuk mengurusnya.

Hendak mencari lokomotif yang tahun 1886, mana hendak cari? Sudah kawan kita pergi jual. Dibaginya lokomotif, sombong dengan saya pula itu. Lokomotif masa saya lahir sudah keluar. Besar bukan main. Ini saya kata, saya beritahu, dia tunjuklah, "Ini lokomotif kita yang lama". Saya kata jangan temberang. Saya duduk tepi stesen kereta api, saya tahu macam mana kereta api berjalan, kereta api berhenti pun saya tahu. Saya tidak ada kereta, saya naik kereta api, saya kata, jangan tipu. Ini lokomotif sama umur hidup saya, lepas Jepun, saya kata.

Baru dia garu kepala. Nasib baik kepala dia ada rambut. Nanti marah Dato' Aziz pula, minta maaf Dato'.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ada.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Ada dah ya, terima kasih. Ha, dicarinyalah. Sekarang saya hendak tanya bomba pula. Dia hendak buat muzium, bomba itu hari. Di mana hos bomba yang dulu, sebelum perang dunia. Yang dia punya silinder yang dua itu, di mana letaknya sekarang? Saya kalau di Ipoh, saya tahulah tempat letak, Jalan Bendahara, tempat kawan kita, 'keling botol'.

**Tuan Marimuthu a/l Nadeson:** Jalan Bendahara.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Jalan Bendahara. Kalau di sini, saya tidak tahu, mungkinlah Jalan Sungai Besikah? Ketua-ketua Jabatan harus memikirkan generasi yang akan datang. Jangan memikirkan gaji hari ini sahaja. Lantaklah, semak saja - jual. Lelong, buat. Kita memikirkan kena simpan. Pergi lihat Keretapi Tanah Melayu.....

**Datuk Long bin Jidin:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Mustaffa, tidak silap saya dalam peraturan kerajaan, sesuatu barang yang sudah lama ini perlu dilupuskan, perlu dijual, tidak boleh simpan. Ini peraturan kita, memang perlu kita ikut peraturan. Macam mana caranya kita hendak perlu simpan? Audit selalu tegur? Kalau kereta buruk, hak kerajaan kita tidak boleh simpan. Peraturan harta kerajaan. Mungkin pili bomba, hos bomba ini juga serupa keadaannya. Jadi, macam mana caranya. Kita ada peraturan itu. Adakah kita kena *against* peraturan itu atau macam mana? Ataupun ketua jabatan kena tegur Audit, macam mana? Terima kasih.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Saya rasa antara jabatan kerajaan dan pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, jabatan-jabatan kerajaan dengan audit ini juga kadang-kadang dia boleh berbincang, boleh bekerjasama. Dia akan perjumpa di dalam rekod barang-barang lama. Barang ini tidak dilupuskan atas sebab untuk disimpan menjadikan satu barang *heritage* kerana kita boleh pakai Akta Muzium Negara. Akta Muzium Negara ada termaktub bahawa barang-barang walaupun hak persendirian, kalau kata kerajaan hendak ambil, dia ambil untuk jadikan hak *heritage*, untuk disimpan jadi bahan sejarah. Itu memang termaktub dalam Akta Muzium Negara kita.

Jadi, akta itu boleh digunakan tetapi tinggal lagi kadang-kadang dia runsing, hendak cepat, dalam tangannya, habislah, kerana kalau kita tidak jaga, memang kita akan tidak tahu bagaimana negara kita yang akan datang. Dewan ini pun, kalau dia runtuh esok, merdeka tidak apa, kita dulu lawan orang Putih. Kata, siapa pejuangnya? Tidak tahulah, tok pada moyang dah lama sangat dah.

Mana rupanya? Tidak tahulah, gambar pun tidak ada. Dewan? Sudah habis runtuh. Itu yang jadi hotel tu, lima bintang. Saya minta memang seriuslah, perkara ini kepada kementerian yang jaga hak-hak kerajaan supaya berfikir, jangan sewenang-wenangnya, sebab sikit, hendak lupus. Sebab sikit, hendak lupus. Itu belum lagi kita semak jabatan-jabatan yang lain. Jabatan Ukur, kompas yang dipakai oleh.... Saya sudah tanya Jabatan Ukur ini, kompas pertama yang diguna di negeri Perak, ke mana pergi sekarang?

Elma Baker, nama juru ukur itu. Saya tahu nama dia. Ke mana kompas pertama? Apa kayu yang tiga cabang, orang sukut panggil "pelembap". Dia letak kompas, ke mana pergi hilang? Cuma yang ada rekod-rekod, legend masih ada tersimpan kerana ukur pada pertama kali ialah di Batu Gajah. Terima kasih. Masa ada lagi.

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mencadangkan kepada kerajaan kalau boleh, melantik Yang Berhormat Mustaffa ini sebagai penasihat kepada Muzium Negara sebab dia berminat sungguh. Sebab daripada cerita dia memang itu sahaja ceritanya. Saya pun banyak barang lama. Jadi, bolehlah. Saya ingat daripada nasihat Yang Berhormat Mustaffa ini, molek sangatlah kalau ada muzium kena perlu satu jawatan khas, penasihat kepada muzium ini kepada Yang Berhormat Mustaffa. Mohon sangatlah, kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Saya memanglah kalau pihak muzium melantik saya, boleh bekerjasama, saya memang mengalu-alukan kerana untuk maklumat Yang Berhormat, saya peminat barang-barang lama kerana bukan sahaja itu, batu nisan pun saya simpan. Batu nisan Aceh saya terjumpa, saya simpan.

**Tuan N. Marimuthu:** Cadangan Dato' tadi, saya setuju sebab saya Ketua Bahagian Gopeng, saya pun ketua bahagian Gopeng MIC, saya setuju cadangan itu. *[Ketawa]*

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Terima kasih. *[Ketawa]* Jadi, kerana saya berminat. Kebetulan dulu waktu saya jadi pengurus lombong atau pengurus galian, saya bertemu satu bahan lama, barang purba iaitu batu nisan orang Aceh dan batu nisan itu tidak wujud di sini waktu terkini, jadi saya simpan sampai sekarang. Dia tidak berhantu pun.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan saya laluan. Kita sebentar tadi telah pun mendengar Yang Berhormat Mustaffa telah banyak menyentuh soal sejarah. Sebagaimana yang kita maklum sekarang, bahawa sejarah sudah mula dilupakan. Itu juga fakta yang dibawa oleh Saudara Musataffa sebentar tadi yang benar-benar membimbangkan kita. Ada juga pendapat mengatakan kita perlu belajar daripada sejarah.

Di akhir-akhir ini, kita lihat anak-anak kita, anak-anak muda kita khususnya yang berada di pusat-pusat pengajian tinggi, nampaknya seolah-olah sudah tidak begitu berminat terhadap sejarah ini sepertimana yang kita orang lama-lama dahulu dan ini mungkin kerana mereka ini tidak didedahkan dengan sejarah – kemungkinan, kerana mengikut jurusan terutamanya misalnya jurusan Sains dan sebagainya. Kalau jurusan Sastera, mereka dekat dengan sejarah.

Daripada ini kita dapat lihat apa yang berlaku sekarang, anak-anak muda kini oleh kerana tidak kenal sejarah, adakah ini kemungkinan saya katakan tadi, tidak kenal sejarah, maka mereka ini sekarang bertindak sesuka hati tanpa menghargai pengorbanan, susah payah datok nenek mereka dahulu memerdekakan negara, menentang penjajah, menentang komunis dan kalut dengan berbagai masalah masyarakat.

Jadi, apa yang kita lihat sekarang bukan itu sahaja. Diperkatakan juga masalah patriotisme yang mula kerajaan canangkan sekarang ini ada kaitannya kerana tidak kecintaan terhadap sejarah itu sendiri. Jadi, kalau kita mahu kesinambungan bangsa kita ini terus kukuh, mantap dan punya jati diri, keMalaysiaan, saya rasa sistem pendidikan kita itu sendiri perlu dilihat kembali, tidak semata-mata berorientasikan peperiksaan, *paper qualification* sahaja. Inilah kualiti yang kita selalu keluarkan dan ini juga kualiti yang selalu emak bapak hendakkan – segulung ijazah tanpa memikirkan masalah kualitinya. Kemungkinan ini saya minta pendapat, mungkin Yang Berhormat dapat melanjutkan lagi atau menambah. Terima kasih.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya sependapat dengan Yang Berhormat bahawa anak-anak didik kita ini kita harus memberikan input-input dan begitu juga kementerian tidak seharusnya menilai daripada segi akademik dia tetapi menilai dari segi lain bagaimana kemampuan dia menjadi satu warganegara yang berguna apabila dia keluar dari menara gading. Kita amat sedih kadang-kadang.

Ini satu cerita yang benar berlaku dua tahun sudah, lagi empat hari universiti nak buka, saya pun tengah bulan dah, duit tak ada, so datang seorang ayah datang ke pejabat saya dalam pekan Batu Gajah itu bukan saja menggeletar tangan dia, malah menangis. Lama saya tegur dia, macam mana empat hari lagi nak masuk universiti macam mana nak tolong? Dia kata dia tidak ada pilihan lain lagi, 'Inilah Yang Berhormat, ini dia tawaran daripada universiti dan ini dia kewangan yang diperlukan. Bagi diri saya, saya hanya sebagai seorang penangkap ikan, saya perlukan bantuan Yang Berhormat'. Bagi diri saya, bila melihat keadaan dia juga melinangkan air mata, saya pun juga sama turut bersedih. Jadi mahu tak mahu bak kata orang Perak, 'Kais kiri, kais kanan, kita terpaksa bagi'.

Tapi saya nasihat kepada dia, anak ini dididik di dalam akademik yang tinggi dan dididik dari segi rohani, agama dan sebagainya apabila balik dari universiti itu kena diajar juga, jangan ditinggalkan. Segala-gala hukum dalam negeri Islam dan juga budaya-budaya kita berkeluarga sebagai orang Melayu, sebagai utama orang kampung. Jangan balik besok, dia tak sedar diri, dia pakai kereta, dia lanyak orang kampung mati kerana dia dah ada segulung ijazah, dah jadi pegawai tinggi di jabatan-jabatan, balik dia sombong, berlaku banyak tempat. Saya tak hendak cakap orang lainlah, saudara saya pun macam itu setengahnya, bila-bila tahu, bila dia hilang sombong tahu macam mana Yang Berhormat? Apabila nama dia keluar dalam surat khabar, pinjaman MARA dia tak bayar, penjaminnya adalah orang yang kita kenal. Lepas itu kita tanya, kenapa tak bayar? Hari itu beli kereta, nak bayar macam mana? Inilah kita kena sedar sebagai bapa, sebagai ayah, sebagai ibu dan sebagainya kita kena jangan harapkan kerajaan saja mendidik, kita kena bagitahu anak kita yang pergi masuk universiti.

Saya sendiri anak saya, walaupun saya keluar duit sendiri, ada yang tak dapat biasiswa, saya bagi tahu. Kamu apabila balik daripada luar negara jangan sombong, kerana wang yang aku belanjakan pada engkau ini adalah wang daripada Dasar Ekonomi Baru yang diperjuangkan oleh pejuang-pejuang bangsa, kalau tidak Dasar Ekonomi Baru tak bangkit, tak timbul Dasar Ekonomi Baru ini kerana Dasar Ekonomi

Baru inilah bapak engkau ini senang sikit. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Dasar Ekonomi Barulah saya ada sikit duit, mampu menghantar anak ke luar negara, haruskah anak yang itu balik sombong? Kerana disebabkan bapanya menanggung tapi tahukah dia bahawa wang ini daripada Dasar Ekonomi Baru yang ditolong oleh pihak-pihak kerajaan. Saya ingatkan anak-anak saya, saya tidak mahu dia orang jadi peguam sebagai sombong, saya tak mahu, saya cakap terus terang. Itulah sebabnya di dalam Dewan yang mulia ini kita harus mengambil bahagian di samping kerajaan kita juga, ibu bapa harus sedar dan insaf supaya kita juga mendidik anak-anak kita supaya mereka sedar dan balik besok tidak menentang kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tahun sudah kebetulan saya singgah sekejap di London. Saya rasa masa itu Datuk Tajol Rosli pun ada di London, Tan Sri Muhyiddin Yassin baru balik, adalah dua tiga orang kami Yang Berhormat. Kebetulan di Malaysian Hall, di tangga itu banyak budak lepas makan bersantailah di situ, lelaki dan perempuan. Jadi saya tengok, saya bangga Tan Sri apabila saya lihat anak Melayu yang boleh sampai ke London, berpakai baju cara orang Malaysia, bertutur dalam bahasa Malaysia, tengok pula colour, colour sawo matang, saya rasa dunia ini hebat untuk sayalah dan begitu juga di hari Sabtu waktu petang di Pacadelly Square itu ada muzik jalanan.

Kalau nak lihat anak-anak bangsa kita mahupun orang Cina, India dan Melayu, penuntut-penuntut pergilah ke situ. Dia orang lihat bukan sahaja budaya itu liar, tidak, ada dari Lima, Peru, daripada Timur Tengah pun ada tapi selalu hari Sabtulah. Kita bila lihat pakai baju kurung Kedah, pakai baju batik, ini betul cerita, saya jumpa dua tahun sudah bila saya tanya, 'Anak ni dari mana?' 'Saya dari Kota Sarang Semut', dia kata. Saya punya bangga tengok anak Melayu yang boleh datang ke London mengaji. 'Bapa apa kerja?' 'Tanam padi', kata dia. Di Kota Sarang semut saya ingat Yang Berhormat semua tahu terutama daripada Kedah, kawasan itu adalah jelapang padi.

Kita bangga anak penanam-penanam padi, kita hantar ke London, kita hantar ke Amerika menuntut. Mereka balik patut bersyukur pada kita dan begitu juga penanam padi di Kota Sarang Semut, berterima kasihlah pada Barisan Nasional, janganlah pergi duduk di situ, ha, ini cerita terang-terang tapi di situ bukanlah kubu yang kuat akan tetapi ada jugalah. Saya tak tuduh tapi perkara ini betul. Kita bangga bila tengok orang Melayu dalam Kota London, nak berumbai air mata ini kerana kita lihat orang Melayu ini di Kuala Lumpur, di Ipoh, Penang, kita tak tahu pula orang Melayu boleh ada di London, ramai kerana perjuangan. Ada yang beli rumah di London, ada yang apartment di London....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak tanya apa sebabnya pada pendapat Yang Berhormat orang Melayu ataupun orang Malaysia ini tak pandai nak jaga tempat-tempat bersejarah. Padahal orang dulu-dulu yang kadang-kadang kita kata tak ada tamadun, saya minta maaf, pasal saya nak sebut Firaun. Kalau kita tengok tamadun Firaun itu yang pungut hasilnya sekarang, kerajaan Mesir sekarang, dia buat berapa ribu tahun dulu tapi bila kita masuk dalam piramid itu kena bayar tiket, kena bayar duit itu yang kemudian jadi hasil negara.

Kemudian kalau kita melihat barangkali ada setengah sahabat-sahabat kita yang dah pergi ke Fitra, ini cerita lama tetapi disebut dalam Quran. Fitra ini adalah cerita nabi Saleh di mana kaumnya yang diceritakan buat bangunan di gunung dan bukit yang dipahat dan kita boleh lihat sekarang. Saya ingat kalau kita hendak pergi situ daripada di luar bandar itu nak masuk ke dalam itu, belanja dia 5 dinar. 5 dinar Jordan lebih kurang RM20 duit Malaysia. Jadi yang pungut hasil itu orang sekarang kerana orang mampu memelihara walaupun dia 2, 3 ribu tahun yang lalu.

Kemudian kalau kita pergi ke Iraq, misalnya kita tengok Babylon, sehingga sekarang ini masih ada. Pasal apa orang Melayu, istana raja pun tak ada? Tak ada istana-istana raja-raja Melayu dahulu. Melaka pun masyhur dengan Kota Portugis. Itu yang jadi masyhur orang melawat tetapi orang Melayu Melaka ada telaga. Telaga Hang Tuah itu pun ahli-ahli sejarah banyak juga yang pertikaikan. Dan di Perak sendiri

misalnya, kita lihat daripada Teluk Intan, kalau kita pergi sampai Kuala Kangsar, di tepi sungai Perak itu yang ada makam tapi mana bangunan istana, kenapa begitu? Itu saya nak tanya pasal beliau tadi ahli sejarah, bolehkah dikorek benda-benda yang macam ini dan kita timbulkan balik. Mana tahu ada istana yang tenggelam. Macam baru-baru ini di Mesir, ada satu kesan sejarah yang baru dikorek oleh Perancis, bekas salah sebuah piramid baru yang didapati di tebing sungai di hulu Sungai Nil.

Kalau ada istana-istana yang boleh kita lihat kesan zaman-zaman dulu anak buah kita ini barangkali boleh mengingatkan sejarah itu, tapi kadang-kadang walau sejarah macam manapun, saya minta maaf, Yang Berhormat mula-mula tadi macam nak tanamkan satu perkara yang merbahaya, saya minta maaf boleh jadi pandangan saya, saya bukan maknanya betul, saya boleh kata apa yang ditanam oleh gerakan Yahudi itu suatu racun yang sangat merbahaya kalau ada orang terima dia boleh gunakan itu, dia boleh pukul kita balik, bukan pukul Barisan Nasional sahaja, PAS pun dia pukul. Terima kasih.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Saya rasa Yang Berhormat lebih maklum bahawa Firaun lahir ke dunia, dia mencipta segala kehendak hatinya. Dia lupa segalanya bahawa dia lahir ke dunia adalah atas kehendak Allah S.W.T. Sebab itulah bila Allah S.W.T murka, dia tidak dapat apa pun, yang dapat hasil, orang Islam. Lepas itu Mesir diperintah oleh orang Islam, orang Islamlah dapat. Orang Islamlah kutip cukai sekarang. Pintu apa - berapa bayaran piramid itu?

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Jadi, yang kutip orang Islam kerana manusia ini harus bersyukur kepada Allah S.W.T Kalau tidak bersyukur jadi Firaunlah. Ini cerita terang-terang bukan saya menyindir. Kalau kita tidak bersyukur, itulah bala Allah S.W.T, ditenggelamkannya semua, kurung di dalam, mati dia. Yang mengutip hasilnya adalah orang Islam yang mana ditentang oleh Firaun, begitu juga Babylon dan sebagainya. Apabila cita-cita manusia yang maha tinggi, maha agung dan sebagainya, kadangkala ia tidak sampai ke mana, cuma menjadi bahan sejarah.

Sebagai contoh, tujuh yang terajaib di dunia ini - saya tahu tiga sahaja - Taj Mahal, Grand Canyon dan Chandi Borobudur. Piramid saya belum pergi lagi. Bagaimana keindahan Borobudur, tinggal begitu sahaja. Tidak pun dipergunakan oleh masyarakat walaupun di situ sudah ada orang Buddha dan sebagainya tidak digunakan kerana apabila ia memikirkan sesuatu itu melebihi segala-galanya.

Begitu juga Grand Canyon. Grand Canyon hendak cari seorang Red Indian pun tidak jumpa. Lalu kapal terbang tengok kosong semua. Saya tidak nampak, takut ada orang lain yang boleh nampak Red Indian duduk dalam lubang-lubang batu itu, tak tahulah. Jadi apabila ia mencipta melebihi kemampuan, ia akan menjadi satu sejarah sahaja.

Itulah barangkali kita pun harus ingat bahawa kepimpinan sekarang, orang Melayukah, orang Chinakah, India akan menjadi satu sejarah. satu hari nanti kalau kita tidak perbetulkan generasi yang akan datang. Itulah ciri-ciri yang saya cakapkan tadi. Apabila sampai masanya besok, mereka buat doa tahlil sahaja di Coffee House atau di Penthouse. Jadi, dengan itu diingatkan kepada semua yang ada di dalam Dewan ini mahupun Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan dan juga pegawai-pegawai supaya memikirkan.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Jamilah bangun.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya. Kalau kita berpegang kepada dasar pendidikan dan kepimpinan Rasulullah, Rasulullah telah mengingatkan kita *[Membaca sepotong hadis]* Rasulullah menekankan kita supaya kita

didik dan membesarkan anak kita dengan tiga perkara, iaitu kasihkan Allah dan Rasulnya; kasihkan kaum keluarga dan rajin membaca al-Quran.

Jadi, prinsip ini adalah diletakkan awal asas di dalam pendidikan di mana kalau anak-anak yang peringkat penerimaan, di semua peringkat dibelai, dikasih, dikawan dan kadang-kadang kalau anak-anak dalam peringkat remaja dengan emosinya mungkin ia tidak setuju dengan pandangan kita, boleh jadi menjadi musuh kepada kita. Oleh sebab itulah kita kena memahami emosi dan psikologi anak-anak kita, jadi, saya rasa tidak timbul masalah ia menentang dan sebagainya. Saya memang bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat sepanjang perbincangan tadi menampakan kesungguhan, sayang perkara-perkara lalu hari ini dan untuk esok. Terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Saya ingin laluan dan penjelasan daripada Yang Berhormat. Tentang bacaan al-Quran ini, baru-baru ini ada seorang saudara saya balik daripada Mekah, kita orang Johor ini suka mengamalkan Yassin. Jadi, ia baca Yassin dalam Masjidil Haram. Bila ia tengah baca Yassin, ada sekumpulan wanita-wanita Arab datang rapat dan semakin hari semakin banyak bilangannya. Kebetulan agaknya wanita ini baca Yassin ini dengan baik dan betul.

Setelah habis secara isyarat dia tidak erti, satu bahasa Melayu, yang satu lagi bercakap bahasa Arab. Dia beri isyarat supaya baca lagi, jadi wanita kita ini baca sekali lagi, masuk kali ketiga dia suruh baca lagi, maka hamba Allah ini berasa penat. Kebetulan ada seorang Ustaz datang. Mungkin Ustazah boleh terangkan sedikit dilema dalam keadaan ini.

Dia kata sebenarnya apa yang telah berlaku antara wanita ini dan wanita Arab, wanita Arab ini dia buta huruf. Dia tidak erti baca tetapi dia faham makna apa yang wanita Melayu ini baca. Kemudian, wanita Melayu ini pula tahu baca tetapi tidak tahu makna. Di sinilah saya hendak bawa masalah membaca al-Quran antara kita dengan orang Arab ini. Terima kasih.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Saya jawab Yang Berhormat. Terima kasih. Sememangnya sifat kita sebagai ibu. Isteri saya apabila mendapat anak yang pertama, anak pertama tahu bercakap sedikit sahaja. Dia sudah ajar dah. Ajar pertama mengucap - dia ajar hari-hari sementara bagi makan lepas itu "alif, ba, ta" habis "alif, ba, ta" itu dia mengajarlah Mukaddam, Fatimah dan sebagainya.

Saya hendak tanya juga di dalam Dewan ini, berapa orang ibu yang Islam ini tidak inginkan anaknya baca al-Quran, semua orang angkat tangan, setuju. Itu kewajipan kita sebagai ibu kena prihatin kerana ayah terpaksa cari nafkah. Saya hendak jaga anak 24 jam tidak boleh kerana saya terpaksa cari nafkah. Sebagai ibu, Yang Berhormat, kena bertanggungjawab, kena bertanggungjawab penuh supaya mereka ini dapat kita bekalkan dengan dunia dan akhirat, bukan sahaja dunia, akhirat juga kita amat perlu sebagai panduan dalam hidup kita. Jadi, pendapat saya begitu.

Begitu juga saya rasakan dari segi ilmu ini amat penting. Bacaan al-Quran kita kena betul Tajwid dan sebagainya. Kita kena faham Bahasa Arab itu betul-betul. Kalau tidak, kita macam tengok Hindustanlah. Hindustan apabila tengok pada hari Sabtu pukul 2.00 petang ini - semua orang balik tahulah. Balik pukul 2.00 petang ada cerita Hindustan. Yang seronoknya Hindustan bukan kita semua tahu, orang Punjabi yang tahu. Tetapi orang Melayu, India, Cina pun kadang-kadang tengok ia sedih dan menangis. Saya tanya dia apa pasal menangis? Sedih katanya, kamu fahamkah? Tak faham katanya. Dia tidak faham pun sedih. Itulah sebabnya jangan kita membaca al-Quran ini kita tidak tahu apa maknanya, kita kena belajar kerana ada gurunya, terjemahannya, tafsirnya ada, kita boleh baca tafsir dan sebagainya, amat perlu ini. Saya rasa itulah.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Nanti sekejap saya habiskan, banyak lagi ini. Cukuplah itu. Semasa Belanjawan esok boleh tanya, insya-Allah.

Dari segi Kementerian Pengangkutan saya ingin mengingatkanlah. Tentang PLUS ini, Lebuhraya Utara-Selatan ini.....

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Soalan saya tidak berjawab. Apa pasal orang Melayu tidak dapat hendak pelihara kesan-kesan sejarah, tidak berjawab. Jadi, saya hendak minta kalau ada pandangan-pandangan yang baik, mana tahu ada istana yang tenggelam, kita boleh korek lagi, kita angkat balik. Kita jadikan ia macam istana lama. Terima kasih.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Tetapi kita berterima kasih juga, yang bekas pesara Pengarah Muzium Negara kita, Tan Sri Shahrom Yeop, dia mengambil daya usaha yang paling baik. Saya rasa perlu kita beri kepujian kepadanya kerana dia mengekalkan dan mewartakan banyak bangunan dalam negara ini sebagai *heritage building*. Sebagai contoh, tidak jauh daripada Tabung Haji lama, satu barisan bangunan lama itu dikekalkan sebagai *heritage* dan tuan rumah itu hendak buat kena buat di dalam, yang di hadapan dikekalkan. Sekarang boleh nampak jelas.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya ingin hendak menambah sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya budaya tamadun Melayu berasaskan kayu, jadi istana-istana zaman dahulu diperbuat daripada kayu. Jadi tempat kita ini kalau ada kayu dia boleh tahan seratus, dua ratus, tiga ratus tahun mungkin. Dan yang keduanya, kenapa heritage orang Melayu tenggelam kerana perpecahan. Berbalah antara kita sesama kita, maka jatuhlah empayar Melaka tahun 1511. 400 tahun selepas itu kita dijajah. Jadi tenggelam segala-galanya. Wujudnya ketenggelaman ini kerana wujudnya perpecahan. Dulunya kita padu, lepas itu kita berpecah hancur. Heritage kita pun hancur. Jadi itulah yang saudara saya hendak menekankan wujudnya keperpaduan, jadikan sebagai latar belakang sahaja tetapi arah tujuannya, matannya perpaduan itu penting supaya empayar Melaka dulu pun dapat kita kembalikan.

**Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi:** Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Mengenai lebuhraya ini saya ingin menyampaikan rungutan-rungutan pengguna-pengguna lebuhraya bahawa keadaan permukaan lebuhraya ini sudah tidak stabil lagi. Keadaannya berlekuk-lekuk dan berombang-ombang semacam umbangan laut. Kebetulan semalam sewaktu saya lewat hampir dengan Jejambat Behrang saya lihat sebuah kereta Pajero terbalik. Dan saya berhenti kerana nombor itu saya lihat mungkin saya kenal. Kebetulan Ketua Pemuda bahagian Tapah. Nasib baiklah dia tidak menemui apa-apa kecederaan tetapi kereta dia 'totally lost' lah, habis, dengan izin. Dan kebetulan tempat yang sama kereta saya juga terkena tiga tahun sudah. Betul-betul tempat yang sama, tidak lebih dua depa. Di bawah jejambat itu saya juga dulu masuk longkang, depan enjin semua habis, tukar enjin baru. Saya tidak cederalah tetapi teruk juga rasa badan sakit-sakit. Jadi ada tempat, Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri, juga di lebuhraya saya rasa saya amat sedihlah perkara ini berlaku.

Saya minta Kementerian Kerja Raya mengkaji balik bahawa jalan simen ini tidak sesuai di negara kita, jalan konkrit. Dia bila hujan dia tidak dapat menghisap air yang ada di permukaan konkrit itu. Yang saya tahu yang boleh dipakai di Holland, di Jerman dan juga England pun tidak sebanyak mana lebuhraya dia pakai tar. Jadi saya rasa minta PLUS ini resurface, dengan izin, dibuat permukaan baru menggunakan aspal, tidak menggunakan konkrit. Memang mudah, murah konkrit dan sebagainya tetapi harta dan nyawa manusia lebih berharga daripada konkrit itu. Banyak berlaku, tiap-tiap hari ada sahaja di antara Ipoh dengan Kuala Lumpur, mesti ada jumpa yang terbalik dan sebagainya, terutama waktu hujan. Kita tidak juga kisah kalau dia hendak tuntutan berapa puluh tahun pun tol ini tetapi PLUS harus mengambil kira nyawa-nyawa orang dan harta benda orang pengguna di jalan raya ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengangkutan jalan ini juga, saya juga mengucapkan tahniah kepada Keretapi Tanah Melayu apabila dia membuat laluan kedua yang bermula daripada Rawang hingga ke Ipoh melalui kawasan-kawasan termasuklah kawasan saya. Ini memberi satu pembangunan yang amat baik kepada daerah-daerah yang berhampiran dan juga saya memohon kepada pihak kerajaan supaya mempercepatkan pembangunan lebuhraya-lebuhraya dalam negeri Perak

seberapa mungkin yang boleh kerana kita ingin membangunkan negeri kita kepada satu tahap yang lebih baik yang berlandaskan industri kerana Perak telah ketandusan bijih timah yang mana dulu merupakan pendapatan negara dan juga pendapatan kerajaan British pada masa itu sebagai penjajah, pendapatan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebelum menghabiskan ucapan perbahasan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini dan juga saya menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia. Saya berdoa kepada Allah S.W.T supaya beliau panjang umur usianya dan begitu saya lihat dia sekarang penuh ceria. Saya rasa insya-Allah, Alhamdulillah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita akan panjang usianya. Saya pun bergembira apabila melihat beliau dapat memberikan ucapan yang begitu bernas di dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang telah sudah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Mujurlah sempat habis sampai 5.30 dan mesyuarat kita ditangguhkan hingga esok hari jam 10.00 pagi. Terima kasih.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*